

Senarai Kandungan Enakmen

Bil.	Enakmen Ibu
1.	Mineral (Selangor) Enactment 2000 Enakmen Mineral (Selangor) 2000
2.	Shah Alam City Council Enactment 2000 Enakmen Majlis Bandaraya Shah Alam 2000
3.	Water Supply (Successor Company) Enactment 2001 Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 2001
4.	Statutory Bodies (Discipline And Surcharge) (Selangor) Enactment 2001 Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) (Selangor) 2001
5.	Selangor Housing And Real Property Board Enactment 2001 Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001

**MINERAL (SELANGOR)
ENACTMENT 2000**

**ENAKMEN MINERAL
(SELANGOR) 2000**

SELANGOR
ENAKMEN No. 1 tahun 2000

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

eksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan berkuat kuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Mineral terletakhak pada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

BAB 1

JAWATANKUASA SUMBER MINERAL NEGERI

4. Penubuhan Jawatankuasa.
5. Fungsi Jawatankuasa.
6. Mesyuarat Jawatankuasa.

BAB 2

PELANTIKAN DAN FUNGSI PEGAWAI

7. Pelantikan pegawai.
8. Fungsi Pengarah.

BAB 3

PELBAGAI

9. Pewakilan kuasa atau fungsi oleh Pihak Berkuasa Negeri.
10. Pewakilan kuasa atau fungsi oleh Pengarah.
11. Anggota dan pegawai sebagai pengkhidmat awam.

BAHAGIAN III
TENEMEN MINERAL—AM

Seksyen

12. Orang yang kepadanya tenemen mineral boleh diberikan atau dipindahmilikkan.
13. Tenemen mineral boleh diberikan ke atas tanah Kerajaan, dsb.
14. Tenemen mineral di kawasan tanah tertentu.
15. Kawasan yang ditutup kepada tenemen mineral.
16. Kawasan yang dirizabkan bagi tawaran bersaingan.
17. Perisytiharan rizab mineral.
18. Pemakaian Kanun Tanah Negara.
19. Permohonan bagi pemindahmilikan tenemen mineral.
20. Kesan kematián, pembubaran atau ketakupayaan lain di sisi undang-undang.

BAHAGIAN IV
TENEMEN MINERAL—LESEN DAN PAJAKAN

BAB 1

LESEN MEMFOSIK

21. Permohonan untuk mendapatkan lesen memfosik.
22. Syarat berkanun lesen memfosik.
23. Tempoh lesen memfosik.
24. Lesen menjadi khas untuk pemegang dan tidak boleh dipindahmilikkan.
25. Hak di bawah lesen memfosik.
26. Larangan penggunaan atau penjualan.
27. Pembatalan lesen memfosik.

BAB 2

LESEN MENDULANG

28. Permohonan untuk mendapatkan lesen mendulang.
29. Syarat berkanun lesen mendulang.
30. Tempoh lesen mendulang.
31. Lesen menjadi khas untuk pemegang dan tidak boleh

Seksyen

32. Hak di bawah lesen mendulang.
33. Penggantungan dan pembatalan lesen mendulang.

BAB 3**LESEN MELOMBONG INDIVIDU**

34. Perisyiharan kawasan melombong individu.
35. Permohonan untuk mendapatkan lesen melombong individu.
36. Syarat berkanun lesen melombong individu.
37. Tempoh lesen melombong individu.
38. Lesen menjadi khas untuk pemegang dan tidak boleh dipindahmiliki.
39. Hak di bawah lesen melombong individu.
40. Penggantungan dan pembatalan lesen melombong individu.

BAB 4**LESEN MBENCARIGALI DAN LESEN PENJELAJAHAN**

41. Permohonan untuk mendapatkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
42. Syarat berkanun lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
43. Tempoh dan pembaharuan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
44. Terma atau syarat dan pengendorsan apabila lesen dibaharui.
45. Lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.
46. Fi pembaharuan atau peluasan.
47. Pemindahmilian lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
48. Kawasan bagi lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
49. Hak di bawah lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
50. Pelepasan sukarela.
51. Permohonan untuk mendapatkan pemberian pajakan melombong oleh pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
52. Permulaan penjelajahan lapangan.
53. Notis penemuan.
54. Pensampelan pukal, ujian pemprosesan dan penjualan spesimen dan sampel.

Seksyen

55. Lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga permohonan untuk pembaharuan ditentukan.
56. Pembatalan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
57. Pengenaan denda, meremedikan kemungkirian atau pelanggaran.
58. Bila pembatalan mula berkuatkuasa.
59. Catatan dalam daftar.
60. Penyerahan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
61. Sekatan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.

BAB 5

PAJAKAN MELOMBONG

62. Tanah yang ke atasnya pajakan melombong boleh diberikan.
63. Permohonan untuk mendapatkan pajakan melombong.
64. Hak melombong kontinen pada kelulusan kajian kebolehlaksanaan melombong, pelan pemulihan, dsb., diperolehi.
65. Pengukuran kawasan pajakan melombong.
66. Tempoh dan pembaharuan pajakan melombong.
67. Pemindahmilikan pajakan melombong.
68. Kawasan pajakan melombong.
69. Penerima pajak hendaklah diberikan keutamaan apabila memohon untuk mendapatkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan berkenaan dengan kawasan berdampingan.
70. Hak di bawah pajakan melombong.
71. Larangan.
72. Syarat berkanun pajakan melombong.
73. Pengemukaan kajian kebolehlaksanaan melombong bagi pengendalian skala besar.
74. Notis permulaan kerja pembangunan dan melombong.
75. Bila kerja pembangunan dan melombong dimulakan.
76. Tanggungan untuk dilucutthakkan.
77. Pengenaan denda, meremedikan kemungkirian atau pelanggaran.

Seksyen

78. Bila pelucutahan mula berkuatkuasa.
79. Kesan pelucutahan.
80. Penyerahan tanah di bawah pajakan melombong.

BAB 6**LESEN MELOMBONG TUAN PUNYA**

81. Permohonan untuk mendapatkan lesen melombong tuan punya.
82. Peruntukan yang relevan mengenai pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil hendaklah terpakai.
83. Pembatalan lesen melombong tuan punya.
84. Pengenaan denda, meremedikan kemungkirian atau pelanggaran.
85. Bila pembatalan mula berkuatkuasa.
86. Catatan dalam daftar.
87. Penyerahan lesen melombong tuan punya.

BAHAGIAN V**AKSES KE ATAS TANAH**

88. Akses ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan untuk penjelajahan.
89. Akses ke tanah berimilik atau tanah pendudukan untuk penjelajahan.
90. Melombong di bawah tanah berimilik.
91. Akses ke tanah lombong di bawah tanah berimilik.

BAHAGIAN VI**PAMPASAN**

92. Pampasan.
93. Deposit bagi pembayaran pampasan.

BAHAGIAN VII**OBLIGASI KEWANGAN**

94. Fi pegangan dan sewa.
95. Royalti.

Seksyen

96. Nilai pasaran.
97. Harta dalam mineral.
98. Pemungutan tuggakan fi, sewa, royalti, dsb.

BAHAGIAN VIII**PERUNTUKAN MENGENAI AIR**

99. Hak menggunakan air boleh menjadi tertakluk kepada lesen.
100. Permohonan untuk mendapatkan lesen air.
101. Permohonan untuk mendapatkan permit air.
102. Penggantungan sementara lesen air.
103. Penggantungan sementara permit air.
104. Pembatalan lesen air.
105. Pembatalan permit air.
106. Pengenaan denda, meremedikan kemungkiran atau pelanggaran.
107. Penyerahan lesen air dan permit air.
108. Pembatalan atau penamatkan hendaklah direkodkan.
109. Rekod tentang lesen air pada hakmilik yang tersentuh.
110. Pelencongan air dari atau merentasi tanah berimilik, dsb.
111. Pengubahan atau gangguan kepada tebing sungai.
112. Pemegang tenemen mineral untuk membenarkan orang lain menggunakan air lebihan dan buangan.
113. Pengekalan standard air.
114. Peruntukan Bahagian ini hendaklah mengatasi.

BAHAGIAN IX**MEREKOD DAN PENDAFTARAN**

115. Daftar tenemen mineral, lesen air, dsb.
116. Penyediaan lesen, pajakan dan permit.
117. Perihalan kawasan hendaklah dilampirkan.
118. Bila lesen, permit atau pajakan mula berkuatkuasa.
119. Cara mengeluarkan lesen dan permit dan pendaftaran pajakan.

Seksyen

120. Memorial tentang pembaharuan, dsb., hendaklah dicatatkan dalam daftar.
121. Akuan penerimaan.
122. Pajakan melombong yang didaftarkan hendaklah menjadi keterangan konklusif.
123. Pajakan hendaklah tak boleh disangkal.
124. Kecualian berkenaan dengan pajakan atau perakuan melombong.
125. Pemeriksaan daftar.

BAHAGIAN X**PEMULIHAN**

126. Pelan pemulihan bagi pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar.
127. Kumpulan Wang Pemulihan Lombong.
128. Ketakbayaran ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong.
129. Kumpulan Wang Pemulihan Bersama.
130. Ketakbayaran ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama.
131. Kehendak pemulihan apabila pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar.
132. Kehendak pemulihan apabila pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar diubah kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil.

BAHAGIAN XI**PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, KETERANGAN,
KESALAHAN DAN PENALTI****BAB I****PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN**

133. Penguatkuasaan oleh pegawai diberikuasa.
134. Kuasa untuk menyiasat.
135. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.

Seksyen

136. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.
137. Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat.
138. Menggeledah dengan waran.
139. Menggeledah tanpa waran.
140. Pemulangan sementara benda yang disita.
141. Pelucutahan benda yang disita.
142. Kos memegang benda yang disita.
143. Tiada kos atau gantirugi boleh didapati berbangkit daripada penyitaan.
144. Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah alat pengangkutan.

BAB 2**KETERANGAN**

145. Anggapan bahawa mineral adalah kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri.
146. Perakuan tentang nilai mineral atau keluaran mineral, dsb.
147. Sampel.
148. Perakuan analisis.
149. Perlindungan informer.

BAB 3**KESALAHAN DAN PENALTI**

150. Pelbagai kesalahan.
151. Penalti kerana tidak mengemukakan notis.
152. Penalti kerana melombong skala besar tanpa memperolehi kelulusan pelan yang dikehendaki.
153. Mineral yang diperolehi secara menyalahi undang-undang.
154. Penalti kerana memfosik tanpa lesen.
155. Penjualan mineral yang diperolehi di bawah lesen memfosik secara menyalahi undang-undang.
156. Penalti kerana mendulang tanpa lesen.
157. Penalti kerana menjalankan penjelajahan tanpa lesen.

Seksyen

158. Penalti kerana melombong tanpa lesen atau pajakan.
159. Penalti kerana kemungkiran terma atau syarat.
160. Pemindahan dari tanah lombong secara menyalahi undang-undang.
161. Penalti kerana tidak membayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong atau Bersama..
162. Mengganggu, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita.
163. Kehilangan atau pembinaaan apa-apa benda yang disita.
164. Penalti kerana tidak mematuhi perintah atau arahan yang sah.
165. Kesalahan berkenaan dengan maklumat.
166. Menggalang pegawai diberikuasa.
167. Penggunaan maklumat sulit.
168. Penyalahgunaan kuasa.
169. Percubaan dan persubatan.
170. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
171. Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmat.
172. Penalti bagi kesalahan yang berterusan.
173. Penalti am.
174. Pengkompaunan kesalahan.

BAB 4**AM**

175. Pemulaan prosiding dan penjalanan pendakwaan.
176. Mendapatkan wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN XII**PELBAGAI**

177. Larangan terhadap pendedahan maklumat.
178. Larangan penyalahgunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.
179. Kad kuasa.

10

SELANGOR NO. 1 TAHUN 2000

Seksyen

180. Perlindungan pegawai.
181. Pengukuran sempadan bagi menyelesaikan pertikaian.
182. Penyampaian notis.
183. Ketakpakaian Enakmen.
184. Negeri atau ejennya boleh menjalankan penjelajahan.
185. Pemindahan kapal korek dari satu blok tanah lombong ke satu blok tanah lombong yang lain.
186. Peruntukan berhubungan dengan siasatan.
187. Kuasa untuk merobohkan bangunan atau binaan.

BAHAGIAN XIII

PERATURAN-PERATURAN

188. Peraturan-peraturan.

BAHAGIAN XIV

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN
DAN PERALIHAN

189. Peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

JADUAL I—BORANG

JADUAL II—PERUNTUKAN KANUN TANAH NEGARA

SELANGOR
ENAKMEN No. 1 tahun 2000

BETA PERKENANKAN,

**TENGKU IDRIS SHAH IBNI SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
*Pemangku Raja Selangor***

(MOHOR KERAJAAN)

5 Jun 2000

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral Negeri Selangor dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.*

Tajuk ringkas,
permulaan
berkuat kuasa
dan
pemakaian.

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai di seluruh Negeri; bagaimanapun Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah menggantung kuatkuasa keseluruhan atau mananya peruntukan Enakmen ini dalam Negeri.

Tafsiran. 2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alat pengangkutan” termasuklah kapal, keretapi, kenderaan, pesawat udara dan apa-apa cara pengangkutan lain yang dengannya orang atau barang boleh dibawa;

“anggota” ertinya seseorang anggota Jawatankuasa;

“bahan batuan” ertinya apa-apa batuan, batu, marmar, kelikir, pasir, tanah, laterit, lom, lempung, tanih, lumpur, turf, gambut, batu karang, cengkerang atau guano di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuklah apa-apa batu-bata, kapur, simen atau barang lain yang diperbuat daripadanya;

“bijih mineral” ertinya apa-apa mineral yang mempunyai faedah ekonomi yang daripadanya satu atau lebih juzuk yang bernilai boleh diperolehi secara menguntungkan melalui pengolahan;

“buangan” termasuklah apa-apa benda beban atas yang dibuang, hampas, apa-apa keluaran perantaraan daripada perlombongan atau pemprosesan mineral yang disimpan stok untuk pengendalian selanjutnya, air yang olah atau disimpan dalam perlombongan atau pemprosesan mineral, dan apa-apa bahan kimia yang dikeluarkan daripada pengendalian itu untuk sementara atau secara tetap;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan;

“Enakmen” termasuklah semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;

“fosik” ertinya mencari dan mengeluarkan mineral dengan menggunakan alat yang mudah dan memindahkan mineral itu sebagai sampel, spesimen atau kerja lapidari tanpa apa-apa niat untuk menjual mineral itu;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“kawasan hutan simpanan” ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984;

“kawasan mencarigali” ertinya mana-mana tanah yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali sedang berkuatkuasa;

“kawasan penjelajahan” ertinya mana-mana tanah yang berkenaan dengannya suatu lesen penjelajahan sedang berkuatkuasa;

“kerja pembangunan” ertinya apa-apa kerja yang dijalankan berhubungan dengan pembinaan fizikal sesuatu lombong;

“Lembaga” berhubungan dengan Bahagian VIII Enakmen ini, ertinya Lembaga Urus Air Selangor yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999; *En. 2/99.*

“lesen air” ertinya suatu lesen air yang dikeluarkan di bawah seksyen 100;

“lesen melombong individu” ertinya suatu lesen melombong individu yang dikeluarkan di bawah seksyen 35;

“lesen melombong tuan punya” ertinya suatu lesen melombong tuan punya yang dikeluarkan di bawah seksyen 81;

“lesen memfosik” ertinya suatu lesen memfosik yang dikeluarkan di bawah seksyen 21;

“lesen mencarigali” ertinya suatu lesen mencarigali yang dikeluarkan di bawah seksyen 41 dan termasuklah suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras, mengikut kehendak konteks;

“lesen mendulang” ertinya suatu lesen mendulang yang dikeluarkan di bawah seksyen 28;

“lesen penjelajahan” ertinya suatu lesen penjelajahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 41;

“lombong”, apabila digunakan sebagai kata nama, ertinya mana-mana tempat, korekan atau pengeraian yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya apa-apa pengendalian berkaitan dengan perlombongan sedang

dijalankan bersama-sama dengan semua bangunan, premis, binaan, reservoir air, kolam hampas, buangan, lambakan lain dan perkakas yang dippunyai atau bersangkutan dengannya di atas atau di bawah tanah atau di dalam atau di bawah laut bagi maksud mendapatkan, memperolehi atau mengeluarkan apa-apa mineral dengan apa-apa cara atau kaedah atau bagi maksud meriau, mengolah atau menyediakan bijih mineral;

“melombong” ertinya dengan sengaja mendapatkan mineral dan termasuklah apa-apa pengendalian secara langsung atau tak langsung dan yang perlu baginya atau yang bersampingan dengannya, dan “perlombongan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“mendulang” ertinya mencuci atau mengayak dengan kuali, dulang atau sadak bagi maksud memperolehi mineral;

“menjelajah” ertinya mencari mendapan mineral dan termasuklah mencarigali;

“mineral” ertinya apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi—

- (a) dengan cara semulajadi;
- (b) hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah; atau
- (c) hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut,

yang terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi tetapi tidaklah termasuk air, “bahan batuan” sebagaimana ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara dan “petroleum” sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Melombong Petroleum 1966;

*Akta 56/1965.
Akta 95.*

“notis” termasuklah apa-apa pemberitahuan, taksiran, suratcara atau dokumen lain yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Enakmen ini supaya disampaikan kepada mana-mana orang atau badan;

“olah” ertinya menjadi tertakluk kepada apa-apa proses yang berlaku perubahan kimia atau fizikal dalam bahan yang ditaklukkan kepada proses itu;

“orang sebenar” tidaklah termasuk seseorang orang belum dewasa;

“pajakan melombong” ertinya suatu pajakan melombong yang diberikan di bawah seksyen 63 dan suatu pajakan melombong yang diberikan atau dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang berhubungan dengan perlombongan;

“pegawai diberikuasa” ertinya Pengarah, Penguasa Lombong, Pentadbir Tanah dan mana-mana pegawai lain yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“Pegawai Penempatan” ertinya Pegawai Penempatan yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara;

“pegawai polis” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967;

Akta 344.

“Pegawai Ukur” ertinya Ketua Pengarah Ukur atau mana-mana Pegawai Ukur yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara;

“pelan pemulihan lombong” ertinya suatu pelan pemulihan yang diluluskan di bawah seksyen 126;

“pemunya”, berhubungan dengan mana-mana tanah, ertinya—

- (a) tuan punya berdaftar tanah itu;
- (b) mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar yang menyentuh tanah itu (termasuklah suatu gadaian apa-apa pajakan atau pajakan kecil tanah itu);
- (c) mana-mana orang atau badan yang mempunyai lien ke atas tanah itu, atau ke atas apa-apa pajakan atau pajakan kecil tanah itu;

- (d) mana-mana orang atau badan yang mempunyai tuntutan di bawah suatu penyewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran yang telah menjadi terlindung oleh suatu pengendorsan dalam daftar dokumen hakmilik pada tanah itu;
- (e) mana-mana orang atau badan yang mempunyai tuntutan yang dilindungi oleh kaveat yang menyentuh tanah itu atau apa-apa kepentingan dalamnya; dan
- (f) mana-mana orang yang mempunyai pendudukan atau kawalan yang sah ke atas tanah itu atau yang padanya tanah itu terletak hak.

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Hakmilik yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan termasuklah Timbalan Pendaftar Hakmilik;

“Pengarah” ertinya Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian yang dilantik di bawahnya;

“pengendalian melombong” ertinya agregat semua lombong, termasuk buangan dan lambakan hampas, yang dikendalikan atau dirancangkan berhubungan dengan tanah lombong;

“pengendalian skala besar” ertinya suatu pengendalian melombong di dalam kawasan pajakan melombong—

- (a) yang melebihi mana-mana had pengeluaran yang berikut:
 - (i) dalam hal pengeluaran mineral terutamanya daripada mendapan jenis aluvium, jumlah lepas lombong tahunan sebanyak 3.5 juta meter padu setahun;
 - (ii) dalam hal pengendalian melombong bawah tanah, pengeluaran tahunan tergabung bijih suapan kempa, buangan dan beban atas sebanyak 100,000 tan setahun (benda buangan yang tidak keluar melalui mulut lombong hendaklah dikecualikan); atau

- (iii) dalam hal pengendalian melombong dedah yang mengeluarkan mineral terutamanya daripada mendapan bukan jenis aluvium, pengeluaran tahunan tergabung bijih suapan kempa, buangan dan beban atas sebanyak 300,000 tan setahun;
- (b) dengan modal dan pelaburan infrastruktur melebihi satu ratus lima puluh juta ringgit;
- (c) dengan lebih daripada 250 pekerja atau orang bergaji berada di tapak lombong pada hari biasa (termasuk semua syif); atau
- (d) yang menggunakan mana-mana amalan melombong yang berikut:
 - (i) penggunaan bahan letupan yang meluas dan berterusan;
 - (ii) litar pengapungan yang berterusan; atau
 - (iii) penggunaan bahan kimia atau agen toksik yang meluas dan berterusan;

“pengendalian skala kecil” ertinya suatu pengendalian melombong selain daripada pengendalian skala besar;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Penguasa Lombong” ertinya Penguasa Lombong yang dilantik di bawah seksyen 7;

“pengukuran sempadan” ertinya suatu pengukuran tanah di bawah Bahagian Dua puluh Sembilan Kanun Tanah Negara;

“penilaian kesan alam sekeliling” ertinya suatu laporan yang dibuat mengikut garis panduan yang disiarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. *Akta 127.*

yang mengandungi suatu penilaian mengenai kesan sesuatu pengendalian melombong yang akan atau yang mungkin akan berlaku kepada alam sekeliling dan langkah yang dicadangkan yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan itu kepada alam sekeliling;

“Pentadbir Tanah” ertinya Pentadbir Tanah Daerah yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan termasuklah Penolong Pentadbir Tanah yang dilantik di bawahnya; dan berhubungan dengan Enakmen ini, sebutan mengenai Pentadbir Tanah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Pentadbir Tanah, atau mana-mana Penolong Pentadbir Tanah, yang mempunyai bidang kuasa di dalam daerah atau daerah kecil di mana tenemen mineral itu terpakai;

“perlembagaan”, berhubungan dengan suatu syarikat, ertinya memorandum dan perkara persatuan syarikat itu;

“permit air” ertinya suatu permit air yang dikeluarkan di bawah seksyen 101;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Raja atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“sampel” ertinya sesuatu pecahan benda yang terjadi dengan cara semulajadi yang disifatkan sebagai menunjukkan jisim yang daripadanya ia menjadi sebahagian;

“spesimen” ertinya sesuatu pecahan benda yang terjadi dengan cara semulajadi yang tidak semestinya merupakan jisim yang daripadanya ia menjadi sebahagian;

“tanah berimilik” ertinya mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak bagi bangunan yang dipecah bahagi) yang berkenaan dengannya suatu hakmilik berdaftar wujud pada masa ini, sama ada tetap atau sementara, sama ada

berkekalan atau bagi tempoh beberapa tahun, dan sama ada diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Kanun Tanah Negara atau pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong;

“tanah lombong” ertinya mana-mana tanah yang berkenaan dengannya suatu pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya sedang berkuatkuasa;

“tanah pendudukan” ertinya mana-mana tanah Kerajaan yang diduduki dengan sah, atau terletakhak pada mana-mana orang, di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“tanah rizab” ertinya tanah yang pada masa ini dirizabkan bagi maksud awam di bawah Kanun Tanah Negara atau mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu;

“tenemen mineral” ertinya suatu lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen mencarigali, lesen penjelajahan, pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, atau mana-mana daripadanya bagi maksud penjelajahan atau perlombongan mineral atau bijih mineral, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara hendaklah disifatkan mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Kanun itu.

3. Maka adalah dan hendaklah terletakhak secara tunggal pada Pihak Berkuasa Negeri segala mineral di dalam atau di atas mana-mana tanah, termasuklah seberapa banyak daripada dasar mana-mana sungai, dan dari pesisiri pantai depan dan dasar laut, yang terdapat di dalam wilayah Negeri atau had perairan wilayah jika ia tidak dilupuskan secara khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut peruntukan Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Mineral
terletakhak
pada Pihak
Berkuasa
Negeri.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

BAB 1

JAWATANKUASA SUMBER MINERAL NEGERI

Penubuhan Jawatankuasa. 4. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) Pengarah yang hendaklah menjadi Setiausaha;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (d) Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (e) Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains atau wakilnya yang diberikuasa;
- (f) Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling atau wakilnya yang diberikuasa;
- (g) Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya yang diberikuasa;
- (h) Pengarah Lembaga Urus Air Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
- (i) tiga anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

Dengan syarat bahawa jika Pihak Berkuasa Negeri melantik mana-mana orang yang dinyatakan dalam perenggan (b), (c), (d), (e), (f), (g), atau (h) sebagai

Pengerusi, ia hendaklah melantik empat anggota di bawah perenggan ini.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan (2)(a) atau (2)(i) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau pelantikannya telah dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tiga tahun.

(4) Pelantikan anggota di bawah perenggan (2)(a) dan (2)(i) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana anggota yang difikirkannya sesuai untuk menjalankan fungsi Pengerusi selama tempoh Pengerusi itu, atas apa-apa sebab, tidak dapat menjalankan fungsinya, atau selama tempoh apa-apa kekosongan dalam jawatan Pengerusi, dan anggota itu hendaklah, selama tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

5. Jawatankuasa hendaklah—

(a) melaksanakan apa-apa fungsi yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini; dan

(b) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

Fungsi
Jawatankuasa.

6. (1) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya.

Mesyuarat
Jawatankuasa.

(2) Pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, Pengerusi dan empat anggota lain hendaklah membentuk kuorum.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi.

- (4) Jika atas apa-apa persoalan yang hendak ditentukan terdapat persamaan undi, Pengurus hendaklah mempunyai undi pemutus.
- (5) Tertakluk kepada Enakmen ini, Jawatankuasa hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

BAB 2

PELANTIKAN DAN FUNGSI PEGAWAI

Pelantikan
pegawai.

7. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik—
 (a) seorang Penguasa Lombong; dan
 (b) mana-mana pegawai lain yang perlu bagi pentadbiran yang sewajarnya Enakmen ini,
 (2) Pelantikan mana-mana pegawai di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Fungsi
Pengarah.

8. Pengarah hendaklah—
 (a) bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pentadbiran yang sewajarnya Enakmen;
 (b) menjalankan kawalan dan penyeliaan am ke atas semua pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Enakmen ini;
 (c) menyebabkan disediakan, dilaksanakan dan dikaji semula dari semasa ke semasa suatu program bagi pengurusan tenemen mineral;
 (d) menyebabkan disediakan suatu laporan tahunan mengenai penjelajahan dan perlombongan dalam tahun kalender sebelumnya dan mengemukakan laporan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri sebelum 30 Jun setiap tahun; dan
 (e) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

BAB 3

PELBAGAI

9. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan kepada Pengarah penjalanan atau pelaksanaan, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang ditetapkan dalam pemberitahuan itu, mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Enakmen ini:

Pewakilan
kuasa atau
fungsi oleh
Pihak
Berkwasa
Negeri.

Dengan syarat bahawa—

- (a) seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana kuasa atau fungsi Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini untuk membuat peraturan-peraturan; dan
- (b) apa-apa pemberitahuan yang diberikan di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana kuasa atau fungsi tidaklah menghalang Pihak Berkuasa Negeri daripada menjalankan atau melaksanakan kuasa atau fungsi yang diwakilkan itu sendiri dalam apa-apa hal jika didapati oleh Pihak Berkuasa Negeri bermanfaat berbuat demikian.

10. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa, Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada mana-mana Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Pentadbir Tanah, Penolong Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau pegawai lain yang dilantik di bawah Enakmen ini, penjalanan atau pelaksanaan, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang diperuntukkan dalam suratcara perwakilan itu, mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Enakmen ini:

Pewakilan
kuasa atau
fungsi oleh
Pengarah.

Dengan syarat bahawa mana-mana perwakilan di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana kuasa atau fungsi tidaklah menghalang Pengarah daripada menjalankan atau melaksanakan kuasa atau fungsi yang diwakilkan itu sendiri dalam apa-apa hal jika didapatinya bermanfaat berbuat demikian.

Anggota dan
pegawai
sebagai
pengkhidmat
awam.
N.M.B.
Bab 45.

- 11.** Anggota dan pegawai yang dilantik di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

BAHAGIAN III

TENEMEN MINERAL—AM

Orang yang
kepadanya
tenemen
mineral boleh
diberikan
atau dipin-
dahmiliki.

- 12.** (1) Tertakluk kepada Enakmen ini, sesuatu tenemen mineral hanya boleh diberikan atau dipindahmiliki kepada—

- (a) seseorang orang sebenar;
- (b) sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang yang relevan berhubungan dengan syarikat dan dibenarkan oleh perlembagaannya untuk memegang tanah lombong;
- (c) sesuatu badan atau badan berkanun yang diberikuasa untuk memegang tanah atau tanah lombong di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (d) sesuatu syarikat asing sebagaimana yang ditafsirkan dalam undang-undang yang relevan berhubungan dengan syarikat dan didaftarkan sedemikian di bawah undang-undang tersebut dan dibenarkan oleh perlembagaannya untuk memegang tanah lombong.

- (2) Tertakluk kepada Enakmen ini, mana-mana orang boleh diberikan lebih daripada satu tenemen mineral.

Tenemen
mineral boleh
diberikan ke
atas tanah
Kerajaan, dsb.

- 13.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis dan tertakluk kepada Enakmen ini, suatu tenemen mineral boleh diberikan ke atas mana-mana tanah Kerajaan, tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah rizab atau kawasan hutan simpanan.

14. Pihak Berkuasa Negeri boleh, bagi pengeluaran mana-mana tenemen mineral, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) menghendaki suatu pemakaian prosedur khas; dan
- (b) menghendaki syarat khas,

dipatuhi berkenaan dengan kawasan tanah tertentu atau kawasan tanah yang tertakluk kepada jenis penggunaan tanah yang tertentu yang sedia ada.

15. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan kawasan di mana tiada tenemen mineral boleh diberikan.

16. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menentukan mana-mana kawasan di mana bersaingan sesuatu tenemen mineral hendaklah diberikan berdasarkan tawaran bersaingan.

17. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) mengisyiharkan mana-mana tanah yang tidak tertakluk kepada perizaban di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu rizab mineral; dan
- (b) menentukan jenis aktiviti yang tidak dibenarkan bagi maksud merizabkan tanah itu bagi tenemen mineral.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengubah atau membatalkan sesuatu rizab mineral keseluruhannya atau sebahagiannya.

18. (1) Peruntukan Kanun Tanah Negara yang dinyatakan dalam Jadual II hendaklah, dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu dan khususnya sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (2), terpakai berhubungan dengan mana-mana tanah lombong dan bagi

Tenemen mineral di kawasan tanah tertentu.

Kawasan yang ditutup kepada tenemen mineral.

Kawasan yang dirizabkan bagi tawaran bersaingan.

Perisyiharan rizab mineral.

Pemakaian Kanun Tanah Negara.

apa-apa dokumen yang dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana pajakan melombong.

(2) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, peruntukan Kanun Tanah Negara yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai berhubungan dengan pajakan melombong sebagaimana ia terpakai bagi hakmilik Pejabat Pendaftaran yang ditafsirkan dalam Kanun itu, tertakluk kepada ubahsuaiam am yang berikut:

- (a) sebutan mengenai Kanun hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai Enakmen ini;
- (b) sebutan mengenai pemberimilikan tanah di bawah Kanun hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai pemberian pajakan melombong;
- (c) sebutan mengenai dokumen hakmilik sementara dan dokumen hakmilik tetap hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai dokumen pajakan melombong;
- (d) sebutan mengenai tuan punya hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai penerima pajak;
- (e) sebutan mengenai Pentadbir Tanah hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai Pengarah;
- (f) sebutan mengenai Pendaftar hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai Pengarah;
- (g) sebutan mengenai Pejabat Pendaftaran dan Pejabat Tanah hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
- (h) sebutan mengenai tanah berimilik hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai tanah lombong;
- (i) sebutan mengenai daftar dokumen hakmilik hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai dokumen pajakan melombong.

19. (1) Sesuatu permohonan bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan.

Permohonan
bagi pemindahmilikan
tenemen mineral.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan syornya.

(3) Jawatankuasa hendaklah, dalam menimbangkan permohonan itu bagi maksud membuat syornya, mengambil kira kelayakan yang disebut—

- (a) dalam hal suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, dalam perenggan 41(3)(b);
- (b) dalam hal suatu pajakan melombong, dalam perenggan 63(4)(b); dan
- (c) dalam hal suatu lesen melombong tuan punya, dalam perenggan 81(5)(b).

(4) Jawatankuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menimbangkan permohonan itu, menghantar syornya kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Apabila menerima syor Jawatankuasa di bawah subseksyen (4), Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan atau menolak permohonan itu sama ada ada atau tidak Jawatankuasa mengesyorkan supaya permohonan itu diluluskan atau ditolak.

(6) Pemindahmilikan sesuatu tenemen mineral hendaklah berkuatkuasa—

- (a) apabila dibayar fi yang ditetapkan; dan
- (b) apabila pemindahmilikan itu dicatatkan dalam daftar yang berkenaan menurut seksyen 120.

20. (1) Mana-mana lesen memfosik, lesen mendulang dan lesen melombong individu hendaklah tamat di atas kematian atau ketakupayaan lain di sisi undang-undang pemegang lesen itu.

Kesas
kematian,
pembubaran
atau
ketakupayaan
lain di sisi
undang-undang.

(2) Peruntukan seksyen 19 hendaklah terpakai berkenaan dengan suatu pemindabmilikan mana-mana lesen mencarigali, lesen penjelajahan dan pajakan melombong di atas kematian, pembubaran atau ketakupayaan lain di sisi undang-undang pemegang tenemen mineral itu.

BAHAGIAN IV

TENEMEN MINERAL—LESEN DAN PAJAKAN

BAB 1

LESEN MEMFOSIK

Permohonan
untuk
mendapatkan
lesen
memfosik.

21. (1) Tiada seorang pun selain daripada seseorang orang sebenar boleh memohon untuk mendapatkan suatu lesen memfosik.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen memfosik hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Tiada lesen memfosik boleh diberikan di mana-mana kawasan—

- (a) jika Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta* telah memerintahkan supaya ditutup bagi pemfosikan;
- (b) di dalam mana-mana tanah rizab;
- (c) di dalam mana-mana kawasan mencarigali atau penjelajahan tanpa kebenaran bertulis pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu; atau
- (d) di dalam mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan atau tanah lombong tanpa kebenaran bertulis pemunya atau penerima pajak itu.

(4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Pengarah boleh memberi atau enggan memberi lesen itu dan keputusannya adalah muktamad.

(5) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen memfosik diluluskan, lesen itu hendaklah dikeluarkan

dalam Borang A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I, apabila dibayar fi yang ditetapkan, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

22. Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap lesen memfosik yang diberikan di bawah Enakmen ini bahawa pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah membawa lesen itu dengannya apabila terlibat dalam aktiviti yang dinyatakan dalamnya dan mengemukakan lesen itu apabila dikehendaki dengan sah; dan
- (b) tidak menggunakan peralatan yang dikendalikan dengan kuasa untuk mendapatkan mineral.

23. Suatu lesen memfosik hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan tidak boleh dibaharui.

Tempoh
lesen
memfosik.

24. Suatu lesen memfosik hendaklah menjadi khas untuk pemegangnya dan tidak boleh dipindahmiliki.

Lesen
menjadi khas
untuk
pemegang
dan tidak
boleh dipin-
dahmiliki.

25. Suatu lesen memfosik hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu memberi pemegangnya hak memfosik apa-apa mineral di dalam kawasan yang dinyatakan dalamnya.

Hak di
bawah lesen
memfosik.

26. Tiada mineral yang diperolehi di bawah suatu lesen memfosik boleh digunakan bagi sesuatu maksud perdagangan atau perindustrian, atau dijual.

Larangan
penggunaan
atau
penjualan.

27. (1) Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan suatu lesen memfosik yang dikeluarkan di bawah seksyen 21 jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

Pembatalan
lesen
memfosik.

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau

- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.
- (2) Keputusan Pengarah untuk membatalkan suatu lesen memfosik di bawah seksyen ini adalah muktamad.
- (3) Jika suatu lesen memfosik telah dibatalkan di bawah subseksyen (1), pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Pengarah.

BAB 2

LESEN MENDULANG

Permohonan
untuk
mendapatkan
lesen
mendulang.

28. (1) Tiada seorang pun selain daripada seseorang orang sebenar boleh memohon untuk mendapatkan suatu lesen mendulang.
- (2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mendulang hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan.
- (3) Tiada lesen mendulang boleh diberikan di mana-mana kawasan—
- (a) jika Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta* telah memerintahkan supaya ditutup bagi pendulangan mineral;
 - (b) di dalam mana-mana tanah rizab;
 - (c) di dalam mana-mana kawasan mencarigali atau penjelajahan tanpa kebenaran bertulis pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu; atau
 - (d) di dalam mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan atau tanah lombong tanpa kebenaran bertulis pemunya atau penerima pajak itu.
- (4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Pengarah boleh memberi atau enggan memberi lesen itu dan keputusannya adalah muktamad.

(5) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mendulang diluluskan, lesen itu hendaklah dikeluarkan dalam Borang B yang dinyatakan dalam Jadual I, apabila dibayar fi yang ditetapkan, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

(6) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menutup pada bila-bila masa mana-mana kawasan yang tidak diperintahkan supaya ditutup di bawah perenggan (3)(a) bagi pendulangan mineral.

29. Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap lesen mendulang yang diberikan di bawah Enakmen ini bahawa pemegang lesen itu—

Syarat berkanun lesen mendulang.

- (a) hendaklah membawa lesen itu dengannya apabila terlibat dalam aktiviti yang dinyatakan dalamnya dan mengemukakan lesen itu apabila dikehendaki dengan sah;
- (b) hendaklah membayar royalti yang kena dibayar di bawah lesen itu; dan
- (c) tidak menggunakan peralatan yang dikendalikan dengan kuasa bagi mendapatkan mineral.

30. Suatu lesen mendulang hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan tidak boleh dibaharui.

Tempoh lesen mendulang.

31. Suatu lesen mendulang hendaklah menjadi khas untuk pemegangnya dan tidak boleh dipindahmilikkan.

Lesen menjadi khas untuk pemegang dan tidak boleh dipindahmilikkan.

32. Suatu lesen mendulang hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu memberi pemegangnya hak.

Hak di bawah lesen mendulang.

Penggan-
tungan dan
pembatalan
lesen
mendulang.

- (b) menyimpan, mengangkut atau menjual mineral yang didulang dan untuk membuang apa-apa buangan,

di dalam kawasan yang dinyatakan dalamnya.

33. (1) Pengarah boleh pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu menggantung sementara secara kolektif, bagi suatu tempoh tidak melebihi enam puluh hari, hak semua pemegang lesen mendulang untuk menjalankan pengendalian mendulang di mana-mana kawasan.

(2) Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan suatu lesen mendulang yang dikeluarkan di bawah seksyen 28 jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(3) Keputusan Pengarah untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen mendulang di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(4) Jika suatu lesen mendulang telah dibatalkan di bawah subseksyen (2), pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Pengarah.

BAB 3

LESEN MELOMBONG INDIVIDU

Perisyiharan
kawasan
melombong
individu.

34. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisyiharkan mana-mana tanah Kerajaan menjadi suatu kawasan melombong

yang sama, mengubah atau membatalkan mana-mana perisyiharan itu.

(2) Tiada lesen melombong individu boleh diberikan di mana-mana kawasan selain daripada suatu kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan melombong individu di bawah subseksyen (1).

(3) Jika perisyiharan demikian dibatalkan di bawah subseksyen (1), mana-mana lesen melombong individu yang diberikan di kawasan lesen melombong individu hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

35. (1) Tiada seorang pun selain daripada seseorang orang sebenar boleh memohon untuk mendapatkan suatu lesen melombong individu.

Permohonan untuk mendapatkan lesen melombong individu.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong individu hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Pengarah boleh memberi atau enggan memberi lesen itu dan keputusannya adalah muktamad.

(4) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong individu diluluskan, lesen itu hendaklah dikeluarkan dalam Borang C yang dinyatakan dalam Jadual I, apabila dibayar fi yang ditetapkan, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

36. Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap lesen melombong individu yang diberikan di bawah Enakmen ini bahawa pemegang lesen itu—

Syarat berkanun lesen melombong individu.

(a) hendaklah membawa lesen itu dengannya apabila terlibat dalam aktiviti yang dinyatakan dalamnya dan mengemukakan lesen itu apabila dikehendaki

Tempoh
lesen
melombong
individu.

37. Suatu lesen melombong individu hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan tidak boleh dibaharui.

Lesen
menjadi khas
untuk
pemegang
dan tidak
boleh dipin-
dahmiliki.

38. Suatu lesen melombong individu hendaklah menjadi khas untuk pemegangnya dan tidak boleh dipindah- milikkan.

Hak di
bawah lesen
melombong
individu.

39. Suatu lesen melombong individu hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu, memberi pemegangnya hak—

- (a) melombong apa-apa mineral yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (b) menyimpan, mengangkut atau menjual mineral yang dikeluarkan dan membuang apa-apa buangan; dan
- (c) memperolehi dan menggunakan air, pasir dan kelikir yang diperlukan untuk perlombongan,

di dalam kawasan melombong individu.

Penggantungan
dan
pembatalan
lesen
melombong
individu.

40. (1) Pengarah boleh pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu menggantungkan sementara secara kolektif, bagi suatu tempoh tidak melebihi enam puluh hari, hak semua pemegang lesen melombong individu untuk menjalankan pengendalian melombong di mana-mana kawasan.

(2) Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan suatu lesen melombong individu yang dikeluarkan di bawah seksyen 35 jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau

(3) Keputusan Pengarah untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen melombong individu di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(4) Jika suatu lesen melombong individu telah dibatalkan di bawah subseksyen (2), pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Pengarah.

BAB 4

LESEN MENCARIGALI DAN LESEN PENJELAJAHAN

41. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan syornya.

(3) Dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan bagi maksud membuat syornya, Jawatankuasa hendaklah menentusahkan bahawa pemohon itu—

- (a) telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
- (b) adalah jayak dari segi teknikal dan kewangan untuk menjelajah kawasan yang dimaksudkan itu.

(4) Jawatankuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menimbangkan permohonan itu, menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri laporan dan syornya sama ada permohonan itu patut—

- (a) diluluskan, keseluruhannya atau sebahagiannya—
- (i) dengan mengesahkan bahawa pemohon itu

(ii) dengan menyatakan terma atau syarat yang tertakluk kepadanya lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan; atau

(b) ditolak.

(5) Apabila menerima laporan dan syor Jawatankuasa di bawah subseksyen (4), Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan atau menolak permohonan itu sama ada atau tidak Jawatankuasa mengesyorkan kelulusan permohonan itu atau penolakannya dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(6) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu—

(a) pemohon;

(b) Jawatankuasa; dan

(c) Pengarah,

secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (5).

(7) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan diluluskan Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas diberitahu di bawah perenggan (6)(c), dan apabila dibayar fi yang ditetapkan dan fi pegangan bagi tahun pertama, mendaftarkan suratcara lesen itu dan mengeluarkannya kepada pemohon itu—

(a) suatu lesen mencarigali dalam Borang D yang dinyatakan dalam Jadual I tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan; atau

(b) suatu lesen penjelajahan dalam Borang E yang dinyatakan dalam Jadual I tertakluk kepada apa-

(8) Jika pemohon itu tidak membayar fi yang ditetapkan dan fi pegangan bagi tahun pertama sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (7) dalam masa enam puluh hari selepas diberitahu tentang kelulusan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.

42. (1) Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang diberikan di bawah Enakmen ini bahawa pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan laporan aktiviti berkala yang ditetapkan; dan
- (b) hendaklah membayar pampasan kepada:

- (i) berhubungan dengan tanah berimilik atau tanah pendudukan, pemunya tanah itu;
- (ii) berhubungan dengan tanah Kerajaan, Pihak Berkuasa Negeri; atau
- (iii) berhubungan dengan tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah itu,

bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau gangguan pada tanah dan harta;

- (c) hendaklah membaikpulih kawasan mencarigali atau penjelajahan itu ke suatu keadaan yang selamat dan mengikut apa-apa standard alam sekeliling sebagaimana yang ditetapkan atau untuk mengekalkannya;
- (d) hendaklah melepaskan mana-mana kawasan yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi sesuatu maksud awam selain daripada bagi apa-

Syarat
berkenan
lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

- (e) hendaklah mematuhi apa-apa perbelanjaan program kerja tahunan dan kehendak pelepasan kawasan sebagaimana yang ditetapkan; dan hendaklah tiada perubahan mengenai paras perbelanjaan program kerja tahunan yang ditetapkan daripada paras yang ditetapkan pada tarikh pengeluaran lesen penjelajahan selama tempoh lesen itu.
- (2) Bagi maksud menentukan paras perbelanjaan program kerja tahunan yang disebut dalam perenggan (1)(e), perbelanjaan program kerja tahunan itu hendaklah berdasarkan satu unit kawasan yang terdiri daripada satu ratus hektar.

Tempoh dan
pembaharuan
lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

- 43. (1) Tertakluk kepada seksyen ini—**
- (a) suatu lesen mencarigali hendaklah penjelajahan dikeluarkan selama tempoh penjelajahan tidak melebihi dua tahun; dan
 - (b) suatu lesen penjelajahan hendaklah dikeluarkan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun.
- (2) Sesuatu permohonan untuk membaharui suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan—
- (a) dalam hal lesen mencarigali, sekurang-kurangnya enam bulan; dan
 - (b) dalam hal lesen penjelajahan, sekurang-kurangnya dua belas bulan,

sebelum habis tempoh lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- (3) Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik apabila menerima permohonan untuk membaharui lesen mencarigali atau

mendaftarkan permohonan itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(4) Jika permohonan untuk membaharui suatu lesen mencarigali dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri sekurang-kurangnya enam bulan sebelum habis tempoh lesen itu, Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh pendaftarannya, membaharui lesen itu selama suatu tempoh selanjutnya tidak melebihi dua tahun jika—

- (a) pemegang lesen itu telah mematuhi terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (b) pemegang lesen itu telah mematuhi peruntukan Enakmen ini;
- (c) pemegang lesen itu boleh menunjukkan sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya bahawa mencarigali selanjutnya adalah wajar; dan
- (d) jumlah tempoh lesen mencarigali itu termasuk apa-apa pembaharuan tidaklah melebihi empat tahun.

(5) Jika permohonan untuk membaharui suatu lesen penjelajahan dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh lesen itu, Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh pendaftarannya, membaharui lesen itu selama suatu tempoh selanjutnya tidak melebihi lima tahun jika—

- (a) pemegang lesen itu telah mematuhi terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (b) pemegang lesen itu telah mematuhi peruntukan Enakmen ini;
- (c) pemegang lesen itu boleh menunjukkan sehingga

bertulis olehnya bahawa penjelajahan selanjutnya adalah wajar; dan

- (d) jumlah tempoh lesen penjelajahan itu termasuk apa-apa pembaharuan tidaklah melebihi lima belas tahun.

(6) Jika suatu permohonan untuk pembaharuan dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) dalam hal lesen mencarigali, kurang dari enam bulan; atau
- (b) dalam hal lesen penjelajahan, kurang dari dua belas bulan,

sebelum habis tempoh lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa Negeri boleh—

- (i) menimbangkan untuk meluluskan permohonan itu jika pemegang lesen itu memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (4) atau (5); tetapi hendaklah mengenakan ke atas pemegang lesen itu, apabila membaharui lesen itu, suatu fi pengemukaan lewat mengikut apa-apa amanun yang ditetapkan; atau
- (ii) menolak permohonan itu.

(7) Mana-mana keputusan—

- (a) Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya di bawah subseksyen (4) atau (5); atau
- (b) Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (6),

adalah muktamad.

Termasuk atau
syarat dan
pengendorsan
apabila lesen
dibaharui.

44. Apabila suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan dibaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat

mana-mana kawasan yang dilepaskan sebelum atau pada masa pembaharuan itu; dan

- (b) hendaklah mengendorskan butir pembaharuan itu pada lesen itu.

45. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu peluasan lesen mencarigali untuk mencarigali mineral yang terdapat di dalam mendapan batuan keras hendaklah dibuat oleh pemegang lesen mencarigali kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan.

Lesen
mencarigali
dengan
peluasan
batuan keras.

(2) Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya boleh, apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (1), memberi suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam peluasan itu atau yang ditetapkan.

(3) Suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras boleh diberikan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun bermula dari tarikh asal pengeluaran lesen mencarigali itu.

46. (1) Jika sesuatu permohonan—

Pi pembaharuan atau peluasan.

- (a) untuk membaharui suatu lesen mencarigali;
- (b) untuk membaharui suatu lesen penjelajahan; atau
- (c) untuk peluasan suatu lesen mencarigali di bawah seksyen 45,

telah diluluskan, kelulusan itu hendaklah berkuatkuasa—

- (i) dalam hal lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, apabila dibayar fi yang ditetapkan;
- (ii) dalam hal peluasan lesen mencarigali, apabila dibayar fi yang ditetapkan dan fi

(2) Jika pemohon itu gagal membayar fi yang ditetapkan, dan fi pegangan bagi tahun pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi pembaharuan atau peluasan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam masa enam puluh hari selepas diberitahu tentang kelulusannya, kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.

Pemindah-
milikan lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

47. (1) Suatu lesen mencarigali boleh dipindah-milikkan—

- (a) jika lesen itu telah diberikan peluasan batuan keras di bawah seksyen 45; atau
- (b) di atas kematian, pembubaran atau ketakupayaan lain di sisi undang-undang pemegang lesen itu.

(2) Suatu lesen penjelajahan boleh dipindahmilikkan.

(3) Sesuatu permohonan untuk memindahmilikkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 19.

Kawasan
bagi lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

48. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), kawasan bagi penjelajahan.

- (a) suatu lesen mencarigali yang diberikan di bawah Enakmen ini tidak boleh melebihi empat ratus hektar; dan
- (b) suatu lesen penjelajahan yang diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah melebihi empat ratus hektar tetapi tidak boleh melebihi dua puluh ribu hektar.

(2) Apa-apa bilangan lesen mencarigali boleh diberikan kepada mana-mana orang:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh diberikan di bawah lesen berganda suatu kawasan berdampingan melebihi lapan ratus hektar.

(3) Apa-apa bilangan lesen penjelajahan boleh diberikan kepada mana-mana orang:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh diberikan di bawah lesen berganda suatu kawasan berdampingan melebihi empat puluh ribu hektar.

49. Suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu, memberi pemegangnya hak—

- (a) mendapatkan akses dan memasuki kawasan mencarigali atau penjelajahan;
- (b) menjelajah secara eksklusif untuk mendapatkan apa-apa mineral di dalam had kawasan mencarigali atau penjelajahan;
- (c) mendapatkan sampel di dalam had kawasan mencarigali atau penjelajahan dan memindahkan sampel itu; dan
- (d) menggunakan air, pasir dan kerikil, yang dikehendaki bagi penjelajahan di dalam had kawasan mencarigali atau penjelajahan.

50. Mana-mana pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan boleh, melalui notis secara bertulis, dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan, melepaskan mana-mana kawasan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan pada tiap-tiap tarikh lesen itu genap setahun.

51. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) atau (4) dan peruntukan lain Enakmen ini, pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan boleh memohon untuk mendapatkan satu atau lebih pajakan melombong berkenaan dengan mana-mana bahagian tanah yang tertakluk kepada lesen itu.

Hak di bawah lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.

Pelepasan sukarela.

Permohonan untuk mendapatkan pemberian pajakan melombong oleh pemegang

(2) Jika tanah yang berkenaan dengannya lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan terdiri daripada, keseluruhannya atau sebahagiannya, tanah berimilik atau tanah pendudukan jangkaan hak milik, hak pemegang lesen itu untuk diberikan pajakan melombong ke atas tanah itu hendaklah tertakluk kepada syarat—

- (a) bahawa pemegang lesen itu mempunyai ketuanpunyaan tanah itu; atau
- (b) bahawa pemegang lesen itu telah membayar kos pengambilannya dan tanah berkenaan telah diambil sedemikian; dan
- (c) bahawa Jawatankuasa telah mengesyorkan supaya permohonan itu diluluskan.

(3) Jika tanah yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan terdiri daripada, keseluruhannya atau sebahagiannya, tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, hak pemegang lesen itu untuk diberikan pajakan melombong ke atas tanah itu hendaklah tertakluk kepada syarat—

- (a) bahawa perizaban itu telah dibatalkan; dan
- (b) bahawa Jawatankuasa telah mengesyorkan supaya permohonan itu diluluskan.

(4) Jika tanah yang berkenaan dengannya lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan terdiri daripada, keseluruhannya atau sebahagiannya, tanah pendudukan selain daripada tanah pendudukan jangkaan hak milik, hak pemegang lesen itu untuk diberikan pajakan melombong ke atas tanah itu hendaklah tertakluk kepada syarat—

- (a) bahawa hak pendudukan itu telah ditamatkan; dan
- (b) bahawa Jawatankuasa telah mengesyorkan supaya

(5) Subseksyen (2), (3) dan (4) tidaklah terpakai jika pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan memohon untuk mendapatkan pajakan melombong berkenaan dengan mana-mana tanah di bawah tanah berimilik.

52. (1) Pemegang lesen mencarigali hendaklah lapangan memulakan penjelajahan lapangan dalam masa tiga bulan dari tarikh lesen mencarigali itu dikeluarkan.

Permulaan
penjelajahan
lapangan.

(2) Pemegang lesen penjelajahan hendaklah memulakan penjelajahan lapangan dalam masa dua belas bulan dari tarikh lesen penjelajahan itu dikeluarkan.

(3) Pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah, apabila bermulanya penjelajahan lapangan, menghantar suatu notis bertulis sebagaimana yang ditetapkan kepada Pengarah, Penguasa Lombong dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi, dan sekiranya kawasan mencarigali atau penjelajahan itu termasuklah mana-mana tanah rizab atau kawasan hutan simpanan kepada pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah itu, menyatakan—

- (a) nombor lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu;
- (b) nama dan alamat pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu; dan
- (c) tarikh bermulanya penjelajahan lapangan.

(4) Dalam seksyen ini, "penjelajahan lapangan" ertinya aktiviti penjelajahan yang dilaksanakan secara fizikal di dalam kawasan mencarigali atau penjelajahan dan termasuklah pengukuran geofizik dan geomagnet awangan dan pengukuran lain yang berhubungan.

53. Pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah mengemukakan suatu notis penemuan dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan, dalam masa dua belas bulan dari penemuan ana-ana mendanan mineral yang

Notis
penemuan.

Lombong dan Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi bersama-sama dengan apa-apa maklumat yang perlu bagi mengesahkan kewujudan mendapan mineral itu.

Pensampelan
pukal, ujian
pemprosesan
dan
penjualan
spesimen dan
sampel.

54. (1) Pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan adalah berhak mengambil dan memindahkan dari tanah spesimen dan sampel yang tidak melebihi had yang dinyatakan dalam lesen itu atau yang ditetapkan.

(2) Pemegang lesen penjelajahan adalah berhak membuat—

- (a) pensampelan pukal; dan
- (b) ujian pemprosesan,

apa-apa bijih mineral yang diperolehi dari kawasan penjelajahan tidak melebihi apa-apa had yang dinyatakan dalam lesen itu atau sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Pengarah—

- (a) pemegang lesen mencarigali bolehlah menjual apa-apa spesimen atau sampel yang diperolehi bagi maksud mencarigali; dan
- (b) pemegang lesen penjelajahan bolehlah menjual apa-apa spesimen atau sampel yang diperolehi bagi maksud penjelajahan atau daripada pensampelan pukal dan ujian pemprosesan,

dan hasil daripada mana-mana jualan itu hendaklah tertakluk kepada pembayaran royalti seolah-olah spesimen atau sampel itu diperolehi di bawah suatu pajakan melombong.

(4) Dalam seksyen ini, ungkapan “pensampelan pukal” dan “ujian pemprosesan” ertiya pemungutan dan pengolahan masing-masingnya, daripada sesuatu bahagian jisim mendapan itu semata-mata bagi maksud menentukan daya maju terunjur bagi membangunkan

55. (1) Jika suatu permohonan untuk membaharui suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) dalam tempoh yang disebut dalam subseksyen 43(2); dan
- (b) lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu sepatutnya habis tempoh jika tidak kerana subseksyen ini,

Lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan
hendaklah
terus
berkuatkuasa
sehingga
permohonan
untuk
pembaharuan
ditentukan.

maka lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga permohonan itu ditentukan tetapi hendaklah disifatkan telah habis tempoh pada tarikh permohonan tersebut ditolak.

(2) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras, atau pajakan melombong, atau lesen melombong tuan punya, dibuat oleh pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan—

- (a) semasa lesen carigali atau lesen penjelajahan itu masih berkuatkuasa; dan
- (b) lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu sepatutnya habis tempoh jika tidak kerana subseksyen ini,

maka lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu hendaklah terus berkuatkuasa berkenaan dengan tanah yang menjadi subjek permohonan itu sehingga permohonan itu ditentukan, dan tanah yang tidak menjadi subjek permohonan itu hendaklah disifatkan telah dilepaskan.

56. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa, membatalkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan jika ia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

Pembatalan
lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan lesen itu dan alasan yang berdasarkannya ia bercadang mengambil tindakan sedemikian, dan ia hendaklah memberi pemegang lesen itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah juga menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada mana-mana orang atau badan—

- (a) yang mempunyai suatu kepentingan yang sah menyentuh tanah yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan; atau
- (b) yang secara sah menduduki mana-mana bahagian tanah yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan,

suatu salinan notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (2) yang padanya hendaklah dilampirkan notis tambahan dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan.

(4) Apabila habis tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subseksyen (2) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu dan selepas mengadakan suatu siasatan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;
- (b) sama ada hendak mengambil tindakan di bawah seksyen 57; atau
- (c) sama ada tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(5) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu

57. (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati, selepas berunding dengan Jawatankuasa, bahawa ada alasan yang membolehkan kuasanya untuk membatalkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dijalankan di bawah perenggan 56(4)(a) tetapi hal keadaan tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pembatalan, maka Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya—

- (a) membuat suatu perintah bagi pembayaran denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dalam masa yang dinyatakan; atau
- (b) mengeluarkan suatu notis dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan, menyatakan tindakan yang perlu diambil untuk meredmedikan kemungkiran atau pelanggaran dalam masa yang dinyatakan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila notis di bawah subseksyen (2) disampaikan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengendorskan atau menyebabkan diendorskan butir tentang—

- (a) perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a); atau
- (b) notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b),

mengikut mana-mana yang berkenaan, pada lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang disimpan dalam daftar yang disebut dalam seksyen 115.

(4) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

Pengenaan
denda,
meredmedikan
kemungkiran
atau
pelanggaran.

(5) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, terbatal.

(6) Walau apa pun subseksyen (4), jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, terbatal.

(7) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

(8) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) tidak patuhi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, terbatal.

(9) Walau apa pun subseksyen (7), jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, terbatal.

Bila
pembatalan
mula
berkuatkuasa

58. (1) Pembatalan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh perintah pembatalan itu dibuat di bawah seksyen 56, 57 atau 98, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika suatu perintah pembatalan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dibuat, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

59. Jika suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah dibatalkan atau habis tempoh, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengarah hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang pembatalan atau habis tempoh itu dalam daftar yang dalamnya lesen itu direkodkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 120.

Catatan
dalam daftar.

60. (1) Sesuatu permohonan untuk menyerahkan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan.

Penyerahan
lesen
mencarigali
atau lesen
penjelajahan.

(2) Tanggungan pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan—

- (a) untuk membayar apa-apa fi, royalti, penalti atau wang lain yang kena dibayar pada atau sebelum tarikh penyerahan itu;
- (b) untuk melaksanakan apa-apa obligasi yang dikehendaki dilaksanakan pada atau sebelum tarikh penyerahan itu; dan
- (c) bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau keingkaran yang dibuat pada atau sebelum tarikh penyerahan itu,

adalah tidak terjejas dengan penyerahan lesen di bawah subseksyen (1).

61. (1) Jika suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan dibatalkan atau diserahkan, tiada permohonan untuk mendapatkan sama ada lesen mencarigali atau lesen penjelajahan boleh dipertimbangkan untuk diluluskan berkenaan dengan kawasan yang sama atau mana-mana kawasan di dalam atau yang bertindih dengan kawasan mencarigali atau penjelajahan yang dahulu dalam tempoh satu tahun dari tarikh pembatalan atau penyerahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekatan ke atas
permohonan untuk
mendapatkan lesen
mencarigali atau lesen
penjelajahan.

(2) Walau apa pun seksyen 43, mana-mana bekas

tahun atau lima belas tahun masing-masingnya hendaklah diberikan keutamaan bagi permohonan untuk mendapatkan sama ada lesen mencarigali atau lesen penjelajahan berkenaan dengan kawasan yang sama atau mana-mana kawasan di dalam atau yang bertindih dengan kawasan mencarigali atau penjelajahan yang dahulu:

Dengan syarat bahawa tiada permohonan sedemikian boleh dipertimbangkan untuk kelulusan dalam tempoh satu tahun dari tarikh habis tempoh jumlah tempoh maksimum lesen tersebut.

BAB 5

PAJAKAN MELOMBONG

Tanah yang
ke atasnya
pajakan
melombong
boleh
diberikan.

62. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu pajakan melombong boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas mana-mana tanah Kerajaan, termasuklah tanah Kerajaan di bawah tanah berimilik.

(2) Tertakluk kepada seksyen 51, tiada pajakan melombong boleh diberikan berkenaan dengan mana-mana kawasan di dalam kawasan mencarigali atau penjelajahan yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan kecuali dengan kebenaran bertulis pemegang lesen itu.

Permohonan
untuk
mendapatkan
pajakan
melombong.

63. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong hendaklah disertakan dengan suatu kajian prakebolehlaksanaan yang hendaklah termasuk—

- (a) suatu perihal am skim melombong yang dicadangkan;
- (b) tarikh permulaan pengeluaran mineral yang dijangkakan (yang hendaklah dinyatakan sebagai bilangan bulan dari tarikh pajakan melombong itu dibentarkan).

- (c) suatu jadual pengeluaran tahunan bijih mentah yang dianggarkan bagi tempoh pajakan melombong itu;
- (d) apa-apa maklumat yang ditetapkan; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam menunaikan fungsinya berhubungan dengan permohonan itu.

(3) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan syornya.

(4) Dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong bagi maksud membuat syornya, Jawatankuasa hendaklah menentusahkan bahawa pemohon itu—

- (a) telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
- (b) adalah layak dari segi teknik dan kewangan untuk membangun dan melombong kawasan yang dimaksudkan dalam permohonan itu.

(5) Jawatankuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menimbangkan permohonan itu, menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri laporan dan syornya sama ada permohonan itu patut—

- (a) diluluskan, keseluruhannya atau sebahagiannya
 - (i) dengan mengesahkan bahawa pemohon itu telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
 - (ii) dengan menyatakan terma atau syarat yang tertakluk kepadanya pajakan itu boleh diberikan; atau

(6) Apabila menerima laporan dan syor Jawatankuasa di bawah subseksyen (5), Pihak Berkuasa Negeri boleh, tertakluk kepada subseksyen (8) dan mana-mana peruntukan lain Enakmen ini, meluluskan atau menolak permohonan itu sama ada atau tidak Jawatankuasa mengesyorkan kelulusan permohonan itu atau penolakannya dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(7) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu—

- (a) pemohon;
- (b) Jawatankuasa; dan
- (c) Pengarah,

secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (6).

(8) Dalam hal jika—

- (a) Jawatankuasa membuat syor supaya suatu pajakan melombong diluluskan kepada dua pemohon atau lebih;
- (b) kawasan yang dimaksudkan dalam permohonan itu bertindih keseluruhannya atau sebahagiannya; dan
- (c) kawasan yang bertindih itu tidaklah tertakluk kepada suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan,

Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kawasan yang bertindih itu kepada pemohon yang didapatinya paling layak untuk melombong kawasan itu.

(9) Suatu pajakan melombong yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan sama ada penerima pajak dibenarkan menjalankan—

- (a) suatu pengendalian skala kecil; atau
- (b) suatu pengendalian skala besar.

(10) Mana-mana orang yang, pada masa permohonan itu—

- (a) memegang suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang sah yang meliputi kawasan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu;
- (b) memegang suatu pajakan melombong yang sah yang membenarkan pengendalian skala besar bagi kawasan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu dan memohon untuk mengubah pajakan itu kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil;
- (c) memegang suatu pajakan melombong yang sah yang meliputi kawasan tanah berdampingan dengan kawasan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu; atau
- (d) boleh menunjukkan sehingga memuaskan hati Jawatankuasa bahawa paras kerja penjelajahan atau perlombongan yang dahulu, atau kedua-duanya, di dalam kawasan itu atau kawasan yang bersempadan dengan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu memberi maklumat geologi yang mencukupi bagi menyokong permohonan itu,

boleh dibenarkan untuk menjalankan suatu pengendalian skala kecil.

(11) Mana-mana orang yang, pada masa permohonan itu—

- (a) memegang suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang sah yang meliputi kawasan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu; atau
- (b) memegang suatu pajakan melombong yang sah yang membenarkan pengendalian skala kecil bagi kawasan tanah yang dimaksudkan dalam

permohonan itu dan memohon untuk mengubah pajakan itu kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar,

boleh dibenarkan untuk menjalankan suatu pengendalian skala besar.

(12) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong dibenarkan, Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas diberitahu di bawah perenggan 7(c)—

- (a) apabila dibayar fi yang ditetapkan;
- (b) apabila dibayar sewa tahun pertama; dan
- (c) tertakluk kepada pematuhan kehendak pengukuran sempadan di bawah seksyen 65, dan apabila dibayar fi pengukuran, jika pengukuran dijalankan oleh Pegawai Ukur; dan
- (d) apabila dibayar fi bagi pelan pajakan melombong,

mengeluarkan kepada pemohon pajakan melombong dalam Borang F yang dinyatakan dalam Jadual I—

- (i) tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan; dan
- (ii) menyatakan sama ada pajakan melombong itu membenarkan suatu pengendalian skala kecil atau pengendalian skala besar.

(13) Jika pemohon itu gagal membayar fi yang ditetapkan, sewa tahun pertama dan fi pengukuran yang dikehendaki di bawah subseksyen (12) dalam masa enam puluh hari selepas diberitahu tentang kelulusan pajakan melombong itu, kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.

(14) Seksyen 84 dan 96 Kanun Tanah Negara hendaklah terpakai bagi pengiraan amaun sewa yang dikehendaki dibayar di bawah subseksyen (12).

- 64.** (1) Penerima pajak tidak boleh memulakan apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan di atas tanah yang berkenaan dengannya pajakan telah diberikan sehingga selepas diluluskan—
- (a) suatu kajian kebolehlaksanaan melombong di bawah seksyen 73;
 - (b) suatu pelan pemulihan, jika dikehendaki sedemikian, di bawah seksyen 126; dan
 - (c) suatu penilaian kesan alam sekeliling, jika dikehendaki sedemikian, di bawah Akta Kuāliti Alam Sekeliling 1974.
- (2) Penerima pajak dikehendaki memperolehi kelulusan bagi kajian, pelan dan dokumen yang disebutkan dalam subseksyen (1) dalam masa tiga tahun dari tarikh pajakan melombong itu dikeluarkan.
- (3) Jika permohonan untuk mengubah pajakan yang membenarkan pengendalian skala kecil kepada pengendalian skala besar diluluskan, tiada perlombongan skala besar atau kerja pembangunan untuk melaksanakan perlombongan skala besar boleh dimulakan sehinggalah diperolehi kelulusan di bawah subseksyen (1).

- 65.** (1) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong telah diluluskan, suatu pengukuran sempadan kawasan yang dinyatakan dalam permohonan itu hendaklah dijalankan atas perbelanjaan penerima pajak sebelum pajakan melombong itu dikeluarkan.
- (2) Peruntukan seksyen 10, 83, 114 dan 396 hingga 409A Kanun Tanah Negara berhubungan dengan pengukuran bagi maksud pemberimilikan hendaklah,

Hak melombong kontinjen pada kelulusan kajian kebolehlaksanaan melombong, pelan pemulihan, dsb., diperolehi.

Pengukuran sempadan kawasan pajakan melombong.

berkenaan dengan pengukuran sempadan bagi maksud suatu pajakan melombong dan bagi apa-apa perkara pengukuran yang berhubungan dengannya:

Dengan syarat bahawa seksyen 403, 404 dan 405 tidak terpakai bagi tanda sempadan di atas suatu sempadan bersama yang dikongsi oleh dua pajakan melombong jika pajakan-pajakan itu dipegang oleh orang yang sama.

(3) Tiada kerja pembangunan atau perlombongan boleh dimulakan di bawah suatu pajakan melombong sehinggalah tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan itu diberikan telah diukur.

Tempoh dan
pembaharuan
pajakan
melombong.

66. (1) Suatu pajakan melombong hendaklah diberikan selama hayat ekonomi maksimum lombong atau pengendalian melombong itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi tidak boleh melebihi suatu tempoh permulaan selama dua puluh satu tahun.

(2) Suatu pajakan melombong boleh dibaharui keseluruhannya atau sebahagiannya selama tempoh berdasarkan hayat ekonomi lombong atau pengendalian melombong itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi pembaharuan itu tidak boleh melebihi dua puluh satu tahun.

(3) Sesuatu permohonan untuk membaharui suatu pajakan melombong hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan melombong itu.

(4) Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik apabila menerima permohonan untuk membaharui pajakan melombong, mendaftarkan permohonan itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(5) Jika permohonan untuk membaharui suatu pajakan melombong dibuat kepada Pengarah sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan itu

Pengarah hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh pendaftarannya, membaharui pajakan itu jika—

- (a) penerima pajak telah mematuhi terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan asal;
- (b) penerima pajak telah mematuhi kehendak Enakmen ini;
- (c) penerima pajak boleh menunjukkan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa terdapat rizab mineral yang mewajarkan suatu pembaharuan atau terdapat keperluan untuk mengekalkan harta itu untuk digunakan sebagai suatu bahagian integral pengendalian melombong di atas tanah lombong yang bersempadan; dan
- (d) dalam hal suatu permohonan untuk membaharui pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, suatu pelan pemulihan lombong yang diubahsuaikan telah diluluskan.

(6) Jika permohonan untuk membaharui suatu pajakan melombong ditolak oleh Pengarah, dia hendaklah memberitahu penerima pajak itu tentang keputusannya secara bertulis dengan menyatakan sebabnya.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pengarah untuk membaharui pajakan melombong di bawah subseksyen (6) boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keengganan itu, merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(8) Dengan seberapa segera yang praktik selepas permohonan untuk membaharui pajakan melombong itu diluluskan, Pengarah hendaklah menyebabkan suatu

tandatangan dan meterainya, termasuk tarikh baru habis tempoh pajakan melombong itu, untuk direkodkan dalam daftar.

(9) Jika permohonan untuk membaharui suatu pajakan melombong dibuat kepada Pengarah—

- (a) sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan itu; dan
- (b) pajakan itu sepatutnya habis tempoh jika tidak kerana subseksyen ini,

maka pajakan itu hendaklah terus berkuatkuasa berkenaan dengan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan itu sehinggalah permohonan itu ditentukan.

(10) Jika permohonan untuk membaharui suatu pajakan melombong dibuat kurang dari dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan itu, Pengarah boleh menimbangkan untuk meluluskan permohonan itu jika ia memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (5) tetapi hendaklah mengenakan ke atas penerima pajak itu, apabila pajakan itu dibaharui, suatu fi pengemukaan lewat mengikut apa-apa amaun yang ditetapkan.

Pemindah-milikan pajakan melombong.

67. (1) Suatu pajakan melombong boleh dipindah-milikkan.

(2) Sesuatu permohonan untuk memindahmilikkan suatu pajakan melombong hendaklah mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 19.

Kawasan pajakan melombong.

68. Kawasan pajakan melombong yang diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah seluas yang semunasabinya dikehendaki bagi lombong itu sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Jawatankuasa.

69. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, penerima pajak suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar boleh memohon untuk mendapatkan dan hendaklah diberikan atas dasar keutamaan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan bagi kawasan-kawasan yang berdampingan dengan tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan jika—
- (a) tiada tenemen mineral yang lain telah diberikan bagi tanah berdampingan itu;
 - (b) penerima pajak itu telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
 - (c) penerima pajak itu telah mematuhi terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan melombong itu.

70. (1) Suatu pajakan melombong hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan itu, memberi penerima pajak hak—

- (a) melombong tanah yang berkenaan dengannya pajakan itu diberikan secara eksklusif mengikut—
 - (i) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil, kajian prakebolehlaksanaan yang dikemukakan di bawah seksyen 63; atau
 - (ii) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, kajian kebolehlaksanaan melombong yang diluluskan di bawah seksyen 73; dan
- (b) tertakluk kepada seksyen 71—
 - (i) dan mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan mineral, menyimpan, mengangkut, memproses dan menjual apa-apa mineral yang dikeluarkan dan melupuskan apa-apa buangan;

- (ii) menggunakan mana-mana balak, pasir atau kelikir yang dikehendaki bagi perlombongan di dalam tanah lombong itu;
- (iii) menggunakan mana-mana bahagian tanah lombong itu yang dikehendaki bagi maksud menanam tumbuhan atau sayuran, atau memelihara haiwan, ayam itik atau ikan sebagaimana yang munasabah untuk digunakan oleh pekerja di lombong itu;
- (iv) menggunakan mana-mana bahagian tanah lombong itu yang dikehendaki bagi maksud mendirikan rumah, rumah kongsi, bangsal atau bangunan lain sebagaimana yang munasabah bagi maksud lombong itu atau untuk digunakan oleh pekerja di lombong itu;
- (v) melakukan apa-apa perbuatan atau perkara dan mendirikan dan menyenggara mana-mana jalan dan kemudahan untuk menjalankan pengendalian melombong dengan berkesan, di atas atau di bawah tanah itu; dan
- (vi) menggunakan, menduduki dan menikmati tanah yang berkenaan dengannya suatu pajakan melombong telah diberikan bagi maksud perlombongan.

(2) Pajakan melombong tidak boleh, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan itu, menyebabkan penerima pajak berhak mendapat hak yang eksklusif di dalam tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan itu telah diberikan untuk menggunakan mana-mana jalan awam, rel, terusan, sungai dan sistem telekomunikasi sebagaimana yang dikehendaki bagi perlombongan.

(3) Dalam seksyen ini, "proses" ertinya apa-apa aktiviti yang dengannya mineral atau bijih mineral diolah bagi penceriaannya tetapi tidaklah termasuk peleburan dan pembersihan.

71. Penerima pajak tidaklah boleh, melainkan jika Larangan. dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, memindahkan melampaui sempadan tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan itu telah diberikan bagi apa-apa maksud—

- (a) mana-mana balak atau hasil hutan yang lain;
- (b) mana-mana tumbuhan, sayuran, haiwan, ayam itik atau ikan; atau
- (c) mana-mana batu karang, tanah, kelikir, guano, lom, batu, pasir, cengkarang, lempung, batubata, kapur, simen atau lain-lain komoditi yang dikilangkan daripada bahan-bahan itu,

yang diperolehi dari atau diternak di atas tanah tersebut.

72. (1) Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap pajakan melombong yang diberikan di bawah Enakmen ini melombong bahawa penerima pajak itu—

Syarat
berkanun
pajakan
melombong.

- (a) hendaklah menyebabkan disimpan buku kira-kira yang benar dan mencukupi tentang perlombongan dan urusan lain yang dijalankan di atas tanah lombong itu, dan tentang pelupusan mineral yang diperolehi; dan mengemukakan buku itu apabila diminta oleh pegawai yang diberikuasa;
- (b) hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan laporan aktiviti berkala yang ditetapkan;
- (c) hendaklah membentarkan pengukuran saintifik jika tiada gangguan kepada perlombongan;
- (d) hendaklah mengekalkan tanah lombong di bawah pajakan itu dalam keadaan selamat dan mengikut

- (e) hendaklah mematuhi penilaian kesan alam sekeliling yang diluluskan, jika penilaian sedemikian dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) hendaklah mematuhi pelan yang diluluskan bagi pemulihan, jika dikehendaki di bawah Enakmen ini;
- (g) hendaklah membenarkan akses ke atas atau melalui tanah lombong itu ke mana-mana tanah bersempadan yang tidak, pada pendapat Pengguna Lombong mengganggu pengendalian melombong;
- (h) hendaklah membenarkan pembinaan dan penggunaan mana-mana alur air, terusan, talian paip dan talian penghantaran, jalan awam dan kemudahan awam di atas tanah lombong itu yang tidak, pada pendapat Pengguna Lombong mengganggu pengendalian melombong atau hak di bawah pajakan itu;
- (i) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil, hendaklah tidak menjalankan apa-apa pengendalian skala besar di atas tanah lombong itu; dan
- (j) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, hendaklah tidak menjalankan apa-apa pengendalian skala kecil di atas tanah lombong itu.

(2) Masa hendaklah disifatkan menjadi intipati tiap-tiap syarat yang tertakluk kepada suatu tempoh yang ditetapkan yang mengenainya penerima pajak dikehendaki melakukan apa-apa perbuatan.

(2) Jika Jawatankuasa meluluskan kajian kebolehlaksanaan melombong yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), penerima pajak suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, melombong tanah yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan mengikut kajian kebolehlaksanaan melombong yang diluluskan itu.

(3) Penerima pajak suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar boleh—

- (a) mengemukakan apa-apa bilangan kajian kebolehlaksanaan melombong yang perlu untuk memperolehi kelulusan Jawatankuasa di bawah subseksyen (1); dan
- (b) mengemukakan semakan yang dicadangkan kepada kajian kebolehlaksanaan melombong yang diluluskan di bawah subseksyen (1) kepada Jawatankuasa yang boleh meluluskan atau menolak semakan yang dicadangkan itu.

(4) Kajian kebolehlaksanaan melombong yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk—

- (a) suatu jadual pembinaan lombong;
- (b) tarikh permulaan pengeluaran yang dirancangkan;
- (c) suatu jadual pengeluaran tahunan bijih mentah yang dirancangkan selama tempoh pajakan itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain yang ditetapkan atau diminta oleh Jawatankuasa.

74. Penerima pajak hendaklah—

- (a) apabila bermulanya apa-apa kerja pembangunan di atas tanah yang menjadi subjek pajakan

- (b) dalam masa empat belas hari sebelum mula melombong tanah tersebut,

mengemukakan suatu notis bertulis sebagaimana yang ditetapkan mengenai pemulaan itu dan tarikhnya kepada Pengarah dan Penguasa Lombong.

Bila kerja pembangunan dan melombong dimulakan.

- 75.** (1) Penerima pajak hendaklah memulakan kerja pembangunan dalam masa sembilan bulan dari tarikh pendaftaran pajakan itu:

Dengan syarat bahawa jika pajakan itu tertakluk kepada suatu syarat atau kehendak di bawah Enakmen ini yang melarang permulaan kerja pembangunan sehingga syarat atau kehendak sedemikian dipenuhi, penerima pajak hendaklah memulakan kerja pembangunan dalam masa sembilan bulan dari tarikh syarat atau kehendak itu dipenuhi.

- (2) Pihak Berkuasa Negeri boleh melucutkhakkan tanah lombong di bawah seksyen 76 jika penerima pajak tidak mula melombong di atas tanah yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan dalam masa satu tahun dari tarikh bermulanya pengeluaran yang dinyatakan—

- (a) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil, dalam kajian prakebolehlaksanaan yang dikemukakan di bawah seksyen 63; atau
- (b) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, dalam kajian kebolehlaksanaan melombong yang dikemukakan di bawah seksyen 73.

- (3) Pihak Berkuasa Negeri boleh melucutkhakkan tanah lombong di bawah seksyen 76 jika paras pengeluaran

pengeluaran bijih mentah yang dirancangkan bagi tahun itu sebagaimana yang dinyatakan—

- (a) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil, dalam kajian prakebolehlaksanaan yang dikemukakan di bawah seksyen 63; atau
- (b) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, dalam kajian kebolehlaksanaan melombong yang dikemukakan di bawah seksyen 73,

bagi dua tahun berturut-turut, jika dalam tahun yang berikutnya tempoh dua tahun itu pengeluaran tahunan bijih adalah dua puluh peratus atau kurang daripada paras pengeluaran bijih mentah yang dirancangkan bagi tahun itu sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian tersebut.

76. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melucuthakkan tanah lombong yang berkenaan dengannya suatu pajakan melombong telah diberikan jika ia berpuas hati bahawa penerima pajak itu—

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada penerima pajak notis bertulis tentang niatnya untuk melucuthakkan tanah lombong itu dan alasan yang berdasarkannya ia bercadang untuk mengambil tindakan sedemikian, dan ia hendaklah memberi penerima pajak itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu.

Tanggungan
untuk
dilucuthakkan.

(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah juga menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada mana-mana orang atau badan—

- (a) yang mempunyai suatu kepentingan yang sah menyentuh tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan; atau
- (b) yang secara sah menduduki mana-mana bahagian tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan,

suatu salinan notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (2) yang padanya hendaklah dilampirkan notis tambahan dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan.

(4) Apabila habis tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subseksyen (2) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh penerima pajak itu dan selepas mengadakan suatu siasatan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;
- (b) sama ada hendak mengambil tindakan di bawah seksyen 77; atau
- (c) sama ada tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(5) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi penerima pajak itu notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (4).

hal keadaan tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pelucuthakan, maka Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya—

- (a) membuat suatu perintah bagi pembayaran denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dalam masa yang dinyatakan; atau
- (b) mengeluarkan suatu notis dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan, menyatakan tindakan yang perlu diambil untuk meremedikan kemungkinan atau pelanggaran dalam masa yang dinyatakan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi penerima pajak notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila notis di bawah subseksyen (2) disampaikan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengendorskan atau menyebabkan di endorskan butir tentang—

- (a) perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a); atau
- (b) notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b),

pada dokumen pajakan melombong yang disimpan dalam daftar yang disebut dalam seksyen 115.

(4) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dibatalkan.

(5) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

- (c) untuk melaksanakan apa-apa obligasi yang dikehendaki dilaksanakan pada atau sebelum tarikh penyerahan itu; dan
- (d) bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau keingkaran yang dibuat pada atau sebelum tarikh penyerahan itu,

adalah tidak terjejas dengan penyerahan pajakan melombong di bawah subseksyen (1).

(3) Dalam hal keseluruhan tanah lombong di bawah pajakan melombong hendak diserahkan—

- (a) penerima pajak hendaklah, sebelum membuat permohonan di bawah subseksyen (1), memberi Pengarah—
 - (i) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil, sekurang-kurangnya tiga bulan notis; atau
 - (ii) dalam hal suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, sekurang-kurangnya enam bulan notis,

tentang niatnya untuk memohon menyerahkan tanah itu; dan

- (b) Pengarah hendaklah, apabila meluluskan permohonan bagi penyerahan di bawah seksyen ini—
 - (i) memberitahu penerima pajak dan Pihak Berkuasa Negeri secara bertulis tentang kelulusan itu; dan
 - (ii) mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang penyerahan dalam daftar yang diperuntukkan di bawah seksyen 120.

(4) Apabila memorial di bawah subperenggan 3(b)(ii) dicatatkan, tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan hendaklah kembali kepada dan terletakhak pada Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Dalam hal jika hanya sebahagian daripada tanah lombong di bawah pajakan melombong hendak diserahkan, Pengarah hendaklah—

- (a) memberitahu penerima pajak dan Pihak Berkuasa Negeri secara bertulis sama ada permohonan untuk penyerahan diluluskan;
- (b) menyebabkan suatu pengukuran sempadan kawasan yang tidak diserahkan disempurnakan atas perbelanjaan penerima pajak itu; dan
- (c) apabila dokumen asal pajakan melombong diserahkan, mengeluarkan kepada penerima pajak suatu pajakan melombong berkenaan dengan bahagian tanah lombong yang masih tidak diserahkan yang hendaklah dalam semua hal menjadi tertakluk kepada terma atau syarat yang sama sebagaimana pajakan asal.

(6) Maka hendaklah tiada penyerahan di bawah seksyen ini melainkan jika kebenaran bertulis tiap-tiap orang yang mempunyai suatu kepentingan berdaftar ke atas pajakan melombong itu telah dihantar kepada Pengarah.

BAB 6

LESEN MELOMBONG TUAN PUNYA

81. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong tuan punya hendaklah dibuat oleh pemunya mana-mana tanah berimilik kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam bentuk yang ditetapkan.

Permohonan untuk mendapatkan lesen melombong tuan punya.

(2) Tiada lesen melombong tuan punya boleh diberikan berkenaan dengan mana-mana kawasan di dalam kawasan mencarigali atau penjelajahan yang berkenaan dengannya

suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan kecuali dengan kebenaran bertulis pemegang lesen itu.

(3) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong tuan punya hendaklah disertakan dengan suatu kajian prakebolehlaksanaan yang hendaklah termasuk—

- (a) suatu perihal am tentang skim perlombongan yang dicadangkan;
- (b) tarikh permulaan pengeluaran mineral yang dijangkakan (yang hendaklah dinyatakan sebagai bilangan bulan dari tarikh lesen melombong tuan punya itu dikeluarkan);
- (c) suatu jadual pengeluaran tahunan bijih mentah yang dianggarkan selama tempoh lesen melombong tuan punya; dan
- (d) apa-apa maklumat lain yang ditetapkan atau yang diminta oleh Jawatankuasa.

(4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Jawatankuasa untuk mendapatkan syornya.

(5) Dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong tuan punya bagi maksud membuat syornya Jawatankuasa hendaklah menentusahkan bahawa pemohon itu—

- (a) telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
- (b) adalah layak dari segi teknik dan kewangan untuk membangun dan melombong kawasan yang dimaksudkan dalam permohonan itu.

(6) Jawatankuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menimbangkan permohonan itu, menghantar kepada Pihak Berkuasa Negeri laporan dan syornya sama ada permohonan itu patut—

- (a) diluluskan, keseluruhannya atau sebahagiannya—
 - (i) dengan mengesahkan bahawa pemohon itu telah mematuhi kehendak Enakmen ini; dan
 - (ii) dengan menyatakan terma atau syarat yang tertakluk kepadanya lesen itu hendaklah diberikan; atau
- (b) ditolak.

(7) Apabila menerima laporan dan syor Jawatankuasa di bawah subseksyen (6), Pihak Berkuasa Negeri boleh, tertakluk kepada subseksyen (9), meluluskan atau menolak permohonan itu sama ada atau tidak Jawatankuasa mengesyorkan kelulusan permohonan itu atau penolakannya dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

- (8) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu—
- (a) pemohon;
 - (b) Jawatankuasa; dan
 - (c) Pengarah,

secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (7).

(9) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini, memberi lesen melombong tuan punya jika—

- (a) pemohon juga merupakan pemegang suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang meliputi tanah itu; dan
- (b) Jawatankuasa telah mengesyorkan supaya permohonan itu diluluskan.

(10) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen melombong tuan punya diluluskan Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas diberitahu di bawah perenggan (8)(c), dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, mendaftarkan suratcara lesen melombong tuan punya dan mengeluarkan kepada pemohon suatu lesen melombong tuan punya dalam Borang G yang dinyatakan dalam Jadual I tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

(11) Jika pemohon itu tidak membayar fi yang ditetapkan bagi suatu lesen melombong tuan punya dalam masa enam puluh hari selepas diberitahu tentang kelulusannya, kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.

(12) Apabila suatu lesen melombong tuan punya didaftarkan dalam daftar lesen melombong tuan punya—

(a) Pengarah hendaklah merekodkan atau menyebabkan direkodkan suatu catatan tentang pendaftaran itu dalam daftar yang dalamnya hakmilik tanah yang dilesenkan untuk dilombongkan itu direkodkan; dan

(b) Pendaftar atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberitahu Pengarah tentang apa-apa catatan, nota atau memorial yang dibuat atau dikenselkan dalam daftar dokumen hakmilik yang berkenaan dengannya lesen melombong tuan punya telah dikeluarkan dan Pengarah hendaklah, apabila diberitahu sedemikian, membuat apa-apa perubahan yang perlu dalam lesen itu.

(13) Hak dan obligasi di bawah sesuatu lesen melombong tuan punya hendaklah, selama lesen itu terus berkuatkuasa, berhubung-kait dengan dan tak boleh dipisahkan daripada hakmilik berdaftar tanah yang dilesenkan sedemikian untuk dilombong.

(14) Suatu lesen melombong tuan punya tidak boleh dipindahmiliki atau digadai atau diuruskan selain daripada mengikut cara dan bersampingan dengan sesuatu pemindahmilian atau gadaian, atau urusan lain dengan, hakmilik tanah yang dilesenkan untuk dilombong:

Dengan syarat bahawa tiap-tiap pemindahmilian atau gadaian, atau urusan lain dengan, hakmilik tersebut hendaklah meluas kepada dan termasuk hak melombong yang diberikan oleh lesen itu.

82. (1) Peruntukan yang berikut Enakmen ini hendaklah, dengan apa-apa pengubabsuaian yang perlu, terpakai bagi lesen melombong tuan punya:

- (a) seksyen 64, tetapi tidaklah dalam apa-apa hal jua pemegang lesen melombong tuan punya dikehendaki mengemukakan suatu pelan pemulihan atau membuat bayaran kepada Kumpulan Wang Pemulihan Bersama;
- (b) seksyen 66, tetapi tidaklah dalam apa-apa hal jua tempoh suatu lesen melombong tuan punya boleh melebihi tarikh habis tempoh hakmilik tanah berimilik yang mengenainya lesen melombong tuan punya itu berkaitan;
- (c) seksyen 68, 70, 71, 72, 74 dan 75.

(2) Jika mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) terpakai secara berlainan bagi suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil daripada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, peruntukan itu hendaklah terpakai bagi lesen melombong tuan punya mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil.

Pembatalan
lesen
melombong
tuan punya.

83. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa, membatalkan suatu lesen melombong tuan punya jika ia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu—

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang lesen melombong tuan punya notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan lesen itu dan alasan yang berdasarkannya ia bercadang mengambil tindakan sedemikian, dan ia hendaklah memberi pemegang lesen melombong tuan punya itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah juga menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada mana-mana orang atau badan—

- (a) yang mempunyai suatu kepentingan yang sah menyentuh tanah yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan; atau
- (b) yang secara sah menduduki mana-mana bahagian tanah yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan,

suatu salinan notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (2) yang padanya hendaklah dilampirkan notis tambahan dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan.

(4) Apabila habis tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subseksyen (2) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu

dan selepas mengadakan suatu siasatan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;
- (b) sama ada hendak mengambil tindakan di bawah seksyen 84; atau
- (c) sama ada tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(5) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi pemegang lesen melombong tuan punya itu notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (4).

84. (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati, selepas berunding dengan Jawatankuasa, bahawa ada alasan yang membolehkan kuasanya untuk membatalkan lesen dijalankan di bawah perenggan 83(4)(a) tetapi hal keadaan adalah tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pembatalan, maka Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya—

Pengenaan
denda,
meremedikan
kemungkiran
atau
pelanggaran.

- (a) membuat suatu perintah bagi pembayaran denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dalam masa yang dinyatakan; atau
- (b) mengeluarkan suatu notis dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan, menyatakan tindakan yang perlu diambil untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran tersebut dalam masa yang dinyatakan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberi pemegang lesen melombong tuan punya notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila notis di bawah subseksyen (2) disampaikan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengendorskan atau menyebabkan di endorskan butir tentang—

- (a) perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a); atau

(b) notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b),

mengikut mana-mana yang berkenaan, pada lesen melombong tuan punya yang disimpan dalam daftar yang disebut dalam seksyen 115.

(4) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

(5) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen melombong tuan punya itu terbatal.

(6) Walau apa pun subseksyen (4), jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen melombong tuan punya itu terbatal.

(7) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) dipatuhi, pengendorsan yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

(8) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) tidak dipatuhi, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen melombong tuan punya itu terbatal.

(9) Walau apa pun subseksyen (7), jika Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen melombong tuan punya itu terbatal.

85. (1) Pembatalan suatu lesen melombong tuan punya hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh perintah pembatalan itu dibuat di bawah seksyen 83, 84 atau 98,

(2) Jika perintah pembatalan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dibuat, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

86. Jika suatu lesen melombong tuan punya telah dibatalkan atau habis tempoh, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengarah hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang pembatalan atau habis tempoh itu dalam daftar yang dalamnya hakmilik tanah itu direkodkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 120. Catatan dalam daftar.

87. (1) Sesuatu permohonan untuk menyerahkan suatu lesen melombong tuan punya hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan. Penyerahan lesen melombong tuan punya.

(2) Tanggungan pemegang lesen melombong tuan punya—

(a) untuk membayar apa-apa fi, royalti, penalti atau wang lain yang kena dibayar pada atau sebelum tarikh penyerahan itu;

(b) untuk melaksanakan apa-apa obligasi yang dikehendaki dilaksanakan pada atau sebelum tarikh penyerahan itu; dan

(c) bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau keingkaran yang dibuat pada atau sebelum tarikh penyerahan itu,

adalah tidak terjejas dengan penyerahan lesen itu di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila lesen melombong tuan punya diserahkan, Pengarah hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang penyerahan itu dalam daftar yang dalamnya hakmilik tanah itu direkodkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 120.

BAHAGIAN V

AKSES KE ATAS TANAH

Akses ke
atas tanah
rizab atau
kawasan
hutan
simpanan
untuk
penjelajahan

88. (1) Jika mana-mana tanah yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen telah diberikan termasuklah mana-mana tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu tidak boleh menjalankan apa-apa kerja penjelajahan, selain daripada kerja yang dijalankan dari pengamatan udara atau melalui kaedah penderiaan jauh, berkenaan dengan tanah rizab atau kawasan hutan simpanan itu melainkan jika kerja penjelajahan itu dijalankan mengikut apa-apa cara dan tertakluk kepada apa-apa kehendak yang ditetapkan di bawah undang-undang yang mengisyiharkan atau diwujudkan perizaban itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika undang-undang yang di bawahnya perizaban itu diisyiharkan atau diwujudkan tidak menetapkan cara bagaimana apa-apa kerja penjelajahan boleh dijalankan maka pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan tidak boleh menjalankan apa-apa kerja penjelajahan, selain daripada kerja yang dijalankan dari pengamatan udara atau melalui kaedah penderiaan jauh, berkenaan dengan tanah rizab atau kawasan hutan simpanan itu melainkan jika pemegang lesen itu telah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah itu sebelum memulakan kerja penjelajahan.

(3) Jika suatu lesen pendudukan sementara atau suatu hak yang seumpamanya untuk menggunakan tanah itu telah diberikan ke atas mana-mana tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu tidak boleh menjalankan apa-apa kerja penjelajahan, selain daripada kerja yang dijalankan dari pengamatan udara atau melalui kaedah penderiaan jauh, berkenaan dengan tanah itu melainkan jika pemegang

lesen itu telah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pemegang lesen pendudukan sementara atau hak yang seumpamanya itu.

89. (1) Jika mana-mana kawasan yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan termasuklah mana-mana tanah berimilik atau tanah pendudukan, pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu tidak boleh menjalankan apa-apa kerja penjelajahan, selain daripada kerja yang dijalankan dari pengamatan udara atau melalui kaedah penderiaan jauh, berkenaan dengan tanah itu melainkan jika pemegangnya—

- (a) telah terlebih dahulu memperolehi kebenaran bertulis pemunya tanah berimilik atau tanah pendudukan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) telah memperolehi, jika tanah berimilik atau tanah pendudukan itu adalah tertakluk kepada kategori “pertanian” atau kepada apa-apa syarat yang menghendaki penggunaannya bagi apa-apa maksud pertanian, perintah akses di bawah subseksyen (3),

dan mana-mana kebenaran bertulis atau perintah akses sedemikian hendaklah dilampirkan pada lesen itu.

(2) Jika kebenaran bertulis telah diperolehi di bawah perenggan (1)(a), pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah, sebelum memulakan apa-apa kerja penjelajahan, mengemukakan kebenaran bertulis itu kepada Pengarah apa-apa cara yang ditetapkan.

(3) Jika pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan—

- (a) tidak memperolehi kebenaran bertulis yang disebut dalam perenggan (1)(a) dalam tempoh enam bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan; atau

Akses ke
tanah
berimilik atau
tanah
pendudukan
untuk
penjelajahan.

(b) telah memperolehi kebenaran bertulis yang disebut dalam perenggan (1)(a) tetapi kebenaran bertulis itu ditarik balik kemudiannya,

dan tanah yang berkenaan dengannya lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu telah diberikan adalah tertakluk kepada kategori "pertanian" atau kepada apa-apa syarat yang menghendaki penggunaannya bagi apa-apa maksud pertanian, pemegang lesen itu hendaklah memberitahu Pengarah secara bertulis tentang fakta itu.

(4) Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menerima notis di bawah subseksyen (3), menjalankan suatu siasatan bagi maksud menentukan—

- (a) sama ada atau tidak perintah akses patut diberikan; dan
- (b) terma atau syarat perintah akses itu, jika ada.

(5) Suatu perintah akses bolehlah termasuk perkara yang berikut:

- (a) tarikh bila perintah akses itu akan mula berkuatkuasa, tetapi tarikh itu tidaklah boleh lebih awal dari empat puluh lima hari dari tarikh perintah akses itu dibuat;
- (b) tempoh, jika ada, yang dalam masa itu pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan dibenarkan akses ke tanah itu;
- (c) bahagian tanah berimilik atau tanah pendudukan yang di dalamnya atau di atasnya pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan boleh menjelajah dan cara bagaimana pemegang lesen itu boleh mendapat akses ke bahagian tanah itu;
- (d) jenis pengendalian penjelajahan yang boleh atau tidak boleh dijalankan di dalam atau di atas tanah itu;
- (e) syarat yang hendaklah dipatuhi apabila

- (f) langkah yang perlu diambil oleh pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan bagi melindungi alam sekeliling selama ada akses ke tanah itu dan menjelajah di dalam atau di atas tanah itu;
- (g) pampasan yang hendaklah dibayar kepada mana-mana pemunya tanah berimilik atau tanah pendudukan—
- (i) berbangkit daripada pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu menjelajah di dalam atau di atas tanah itu; atau
 - (ii) bagi apa-apa kerugian atau gangguan pada hak pemunya untuk menggunakan tanah itu bagi keuntungan kewangan yang semunasabahnya boleh dikaitkan dengan pengendalian penjelajahan itu;
- (h) amaun jaminan, jika ada, yang hendaklah didepositkan dengan Pengarah di bawah seksyen 93 oleh pemegang lesen mencarigali atau lesen menjelajah sebagai pembayaran ganti rugi di bawah seksyen 92;
- (i) cara menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul berkaitan dengan perintah akses itu;
 - (j) cara mengubah perintah akses itu; dan
 - (k) apa-apa perkara lain yang pihak-pihak kepada perintah akses itu bersetuju untuk dimasukkan dalam perintah akses.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengarah untuk memberi atau menolak suatu perintah akses atau dengan termasuk mana-mana perintah akses yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas tarikh perintah akses itu dibuat atau ditolak, merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(7) Jika suatu rayuan dibuat di bawah subseksyen (6), perintah akses itu tidak boleh berkuatkuasa sehingga rayuan itu diselesaikan.

(8) Tanpa menjaskan apa-apa prosiding yang boleh dibawa terhadap pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan berkenaan dengan apa-apa pelanggaran suatu perintah akses, pemunya tanah yang dimaksudkan oleh perintah itu boleh, jika pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan melanggar perintah itu, menafikan pemegang lesen itu akses ke tanah itu sehingga—

(a) pelanggaran itu terhenti; atau

(b) pelanggaran itu diremedikan sehingga pemunya tanah itu berpuas hati secara berpatutan.

(9) Jika pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah dinafikan akses ke atas tanah di bawah subseksyen (8), dia boleh merayu secara bertulis kepada Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

Melombong
di bawah
tanah
berimilik.

90. (1) Tertakluk kepada Enakmen ini, suatu pajakan melombong boleh diberikan berkenaan dengan mana-mana tanah di bawah tanah berimilik.

(2) Peruntukan seksyen 63 berhubungan dengan suatu permohonan untuk mendapatkan pajakan melombong hendaklah, dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu, terpakai bagi suatu permohonan untuk mendapatkan pajakan melombong di bawah tanah berimilik.

(3) Suatu pajakan melombong yang diberikan di bawah mana-mana tanah berimilik hendaklah meluas secara menurun—

(a) dari takat yang dinyatakan dalam dokumen hakmilik tanah berimilik itu sebagai sempadannya yang paling bawah; atau

(b) dalam hal jika dokumen hakmilik tanah berimilik itu tidak menyatakan suatu takat sempadan, dari takat yang pemunya mempunyai hak menggunakan dan menikmati tanah itu bagi maksud hakmilik itu.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh, apabila memberikan suatu pajakan melombong di bawah mana-mana tanah berimilik, sebagai tambahan kepada syarat yang dinyatakan dalam seksyen 72, mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkannya perlu, termasuk yang berikut:

- (a) bahawa penerima pajak dan tiap-tiap orang yang diambil bekerja berhubungan dengan pajakan melombong itu hendaklah menggunakan tanah yang dinyatakan dalam pajakan melombong itu secara paling tak memudaratkan tuan punya tanah berimilik atau tanah pendudukan di atas; dan
- (b) bahawa penerima pajak hendaklah, apabila menjalankan pengendalian melombong, mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi mencegah kejadian kesurutan tanah berimilik atau tanah pendudukan di atas.

(5) Pemunya mana-mana tanah berimilik yang tersentuh oleh apa-apa pengendalian melombong di bawah tanah itu adalah berhak membuat suatu tuntutan pampasan di bawah seksyen 92.

91. (1) Penerima pajak suatu pajakan melombong yang diberikan berkenaan dengan tanah di bawah tanah berimilik tidak berhak mendapat akses melalui atau di atas tanah berimilik itu ke tanah di bawahnya kecuali—

- (a) dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pemunya tanah berimilik itu; atau
- (b) mengikut suatu perintah akses sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah di bawah seksyen ini,

Akses ke
tanah
lombong di
bawah tanah
berimilik.

dan mana-mana kebenaran bertulis atau perintah akses itu hendaklah dilampirkan pada pajakan itu.

(2) Peruntukan seksyen 89 selain daripada subseksyen (1) seksyen itu berhubungan dengan akses ke tanah berimilik hendaklah, dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu, terpakai bagi akses ke tanah di bawah tanah berimilik.

BAHAGIAN VI

PAMPASAN

Pampasan. 92. (1) Pemunya mana-mana tanah berimilik atau tanah pendudukan—

- (a) yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan; atau
- (b) yang berkenaan dengannya suatu pajakan melombong di bawah mana-mana tanah itu telah diberikan,

adalah berhak mendapat pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialaminya akibat atau timbul daripada penjelajahan atau pengendalian melombong, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau penerima pajak itu adalah bertanggungan untuk membayar pampasan mengikut Enakmen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan itu.

(2) Pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan yang berkenaan dengannya suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan adalah berhak mendapat pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pihak Berkuasa Negeri akibat atau timbul daripada penjelajahan; dan pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu adalah bertanggungan untuk

(3) Amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh termasuk pampasan bagi—

- (a) apa-apa kerosakan pada permukaan tanah atau mana-mana bahagiannya;
- (b) apa-apa kerosakan pada tanam-tanaman, pokok atau ternakan di atas tanah itu atau kerosakan pada bangunan dan pembaikannya;
- (c) apa-apa perlucutan milikan atau penggunaan permukaan tanah itu atau mana-mana bahagiannya;
- (d) apa-apa kerugian atau sekatan hak lalu-lalang di permukaan tanah atau isemen lain; dan
- (e) apa-apa gangguan kepada aktiviti pertanian.

(4) Pemunya mana-mana tanah berimilik atau tanah pendudukan, atau pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, yang menuntut pampasan di bawah seksyen ini hendaklah memberitahu Pengarah dengan menyatakan butir tuntutannya.

(5) Amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh ditentukan melalui suatu persetujuan—

- (a) antara pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau penerima pajak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pemunya tanah itu; atau
- (b) antara pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan,

masine-masinenya.

(6) Jika tiada persetujuan dicapai di bawah subseksyen (5) dalam masa enam bulan selepas pemberitahuan di bawah subseksyen (4) diberikan—

- (a) pemunya mana-mana tanah berimilik atau tanah pendudukan;
- (b) pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan; atau
- (c) orang yang bertanggungan untuk membayar pampasan di bawah subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan,

boleh memohon kepada Pengarah untuk menentukan amaun pampasan yang kena dibayar dalam bentuk dan cara yang ditetapkan.

(7) Pengarah hendaklah, apabila permohonan dibuat di bawah subseksyen (6), menentukan pampasan yang kena dibayar mengikut prosedur yang tetapkan.

(8) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengarah di bawah subseksyen (7) boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Deposit bagi pembayaran pampasan.

93. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya—

- (a) suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diberikan berkenaan dengan mana-mana kawasan yang terdiri daripada atau termasuk tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah rizab atau kawasan hutan simpanan; atau
- (b) suatu pajakan melombong telah diberikan berkenaan dengan mana-mana tanah di bawah tanah berimilik,

untuk mendepositkan dari semasa ke semasa dengan Pihak

sebagai suatu jaminan bagi pembayaran pampasan yang orang itu boleh dipertanggungkan untuk membayar di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana deposit yang dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah, di atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau penerima pajak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi mana-mana sebab yang dinyatakan dalam seksyen 92, dibayar oleh Pengarah kepada orang yang berhak kepadanya.

(3) Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian amaun yang didepositkan di bawah subseksyen (1) tidak dibayar di bawah subseksyen (2), Pengarah hendaklah membayar balik amaun itu, tanpa pelarasan bunga atas amaun yang didepositkan itu, kepada pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau penerima pajak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan seberapa segera yang praktik—

- (a) dalam hal suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, selepas lesen itu diserahkan, habis tempoh atau dibatalkan, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu; dan
- (b) dalam hal suatu pajakan melombong, selepas pajakan melombong itu diserahkan, habis tempoh atau dilucuthakkkan, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu:

Dengan syarat bahawa Pengarah tidak boleh membayar balik apa-apa amaun di bawah seksyen ini sehingga semua tuntutan pampasan di bawah seksyen ini telah diselesaikan.

(4) Amaun yang dikehendaki sebagai deposit di bawah subseksyen (1) tidak berkuatkuasa untuk melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa tanggungan berkenaan dengan apa-apa tuntutan untuk mendapatkan pampasan.

BAHAGIAN VII
OBLIGASI KEWANGAN

Fee pegangan **94.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (6)—
dan sewa.

- (a) pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah, berkenaan dengan tanah yang tertakluk kepada lesen itu, membayar fi pegangan; dan
- (b) penerima pajak hendaklah, berkenaan dengan tanah lombong yang tertakluk kepada pajakan melombong itu, membayar sewa,

tiap-tiap tahun kepada Pengarah.

(2) Amaun fi pegangan atau sewa yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dalam mana-mana tahun hendaklah dikira dengan mendarabkan kawasan tanah yang tertakluk kepada lesen atau pajakan itu dalam tahun itu masing-masingnya dengan kadar fi pegangan atau sewa yang ditetapkan pada tarikh fi pegangan atau sewa itu kena dibayar.

(3) Apa-apa fi pegangan atau sewa yang kena dibayar di bawah Enakmen ini hendaklah dibayar pada masa dan tempat dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah—

- (a) kadar fi pegangan yang kena dibayar berkenaan dengan tanah yang tertakluk kepada suatu lesen mencarigali;
- (b) tertakluk kepada subseksyen (5), kadar fi pegangan yang kena dibayar berkenaan dengan tanah yang tertakluk kepada suatu lesen penjelajahan; dan
- (c) kadar sewa yang kena dibayar berkenaan dengan tanah lombong,

dan kadar demikian hendaklah berdasarkan kawasan tanah

(4) Kadar royalti yang terpakai bagi penerima pajak atau pemegang lesen melombong tuan punya hendaklah ditetapkan bagi tempoh sepuluh tahun pertama pajakan atau lesen itu pada paras yang ditetapkan pada tarikh pajakan atau lesen itu didaftarkan dan apa-apa perubahan kadar royalti yang ditetapkan yang dibuat selepas tarikh pajakan atau lesen itu didaftarkan tidak boleh terpakai bagi penerima pajak atau pemegang lesen melombong tuan punya itu selama tempoh sepuluh tahun tersebut.

(5) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dalam hal keadaan yang disifatkan mewajarkan tindakan sedemikian, memberi pemegang suatu tenemen mineral pelepasan royalti sepenuhnya atau sebahagiannya atas dasar tahuq ke tahun.

(6) Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya boleh memeriksa dan meneliti apa-apa buku, rekod dan akaun dan memperolehi apa-apa maklumat yang perlu bagi memastikan kuantiti atau nilai mineral yang didapati berkenaan dengan sesuatu tenemen mineral dan apa-apa maklumat yang perlu bagi menentusahkan amaun apa-apa royalti yang kena dibayar.

(7) Jika sesuatu tenemen mineral dipegang oleh lebih daripada seorang, mana-mana orang yang mempunyai suatu kepentingan dalam tenemen mineral itu adalah bertanggungan secara bersama-sama dan berasingan untuk membayar royalti berkenaan dengan tenemen mineral itu.

(8) Pihak Berkuasa Negeri boleh menukar apa-apa royalti kepada suatu fi penukaran melalui pemberitahuan dalam *Warta* menyatakan—

- (a) kelas tenemen mineral dan mineral yang dimaksudkan oleh notis itu; dan
- (b) amaun fi penukaran itu.

97. Harta dalam mineral hendaklah terserah kepada orang— Harta dalam mineral.

- (a) yang telah mendapatkan mineral itu secara sah dan sebagai balasan kepada dan apabila dibayar royalti atau fi penukaran, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) jika tiada royalti yang kena dibayar berkenaan dengan mineral yang didapatkan secara sah, apabila mineral itu ditemui.

98. (1) Jika apa-apa fi, sewa atau royalti yang kena dibayar di bawah Bahagian ini adalah tertunggak, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang tenemen mineral itu suatu notis tuntutan dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan. Pemungutan tunggakan fi, sewa, royalti, dsb.

(2) Suatu nota penyampaian notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diendorskan atas kehendak Pihak Berkuasa Negeri pada dokumen atau suratcara tenemen mineral, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dimaksudkan dalam notis itu.

(3) Jika keseluruhan jumlah wang yang dituntut melalui suatu notis di bawah subseksyen (1) dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam masa yang dinyatakan dalamnya, notis itu hendaklah sesudah itu terhenti daripada berkuatkuasa dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan dikenselkan nota yang diendorskan menurut subseksyen (2).

(4) Jika di akhir tempoh yang dinyatakan dalam notis tuntutan wang yang dituntut melalui notis itu tidak dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri, ia hendaklah sesudah itu melalui perintah mengisyitiharkan—

- (a) dalam hal suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, lesen itu terbatal, dan peruntukan seksyen 58 dan 59 hendaklah dengan demikian itu berkuatkuasa berkenaan dengannya;

- (b) dalam hal suatu pajakan melombong, tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri, dan peruntukan seksyen 78 dan 79 hendaklah dengan demikian itu berkuatkuasa berkenaan dengannya; dan
- (c) dalam hal suatu lesen melombong tuan punya, lesen itu terbatal, dan peruntukan seksyen 85 dan 86 hendaklah dengan demikian itu berkuatkuasa berkenaan dengannya.

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN MENGENAI AIR

Hak menggunakan air boleh menjadi tertakluk kepada lesen.

99. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian V Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, subseksyen (2) dan seksyen 112, pemegang sesuatu tenemen mineral berhak menikmati air yang didapati di atas tanah yang menjadi subjek tenemen mineral itu bagi maksud tenemen itu.

(2) Tiada pemegang sesuatu tenemen mineral boleh—

- (a) membuat, menyebabkan atau membenarkan dibuat, apa-apa pengubahan bekalan air pada mana-mana tanah bagi maksud tenemen mineral itu yang boleh secara memudaratkan menjelaskan bekalan air yang dinikmati oleh mana-mana orang atau tanah lain;
- (b) memperolehi atau menyebabkan diperolehi mana-mana bekalan air dari mana-mana sungai, anak sungai atau alur air yang mengalir ke atas atau di bawah tanah yang menjadi subjek suatu tenemen mineral; atau

(c) melencongkan atau menyebabkan dilencongkan mana-mana bekalan air dari tanah di luar kawasan yang diliputi oleh tenemen mineral itu ke tanah yang menjadi subjek tenemen mineral itu,

kecuali di bawah kuasa dan mengikut terma atau syarat suatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

(3) Bila mana apa-apa pengubahan atau pelencongan telah dibuat kepada mana-mana bekalan air, pemegang tenemen mineral yang mendapat manfaat daripadanya hendaklah, dalam ketiadaan bukti sebaliknya, dianggap telah melakukan pengubahan atau pelencongan itu.

100. (1) Sesuatu permohonan mendapatkan suatu lesen air hendaklah dibuat oleh pemegang sesuatu tenemen mineral kepada Lembaga dalam bentuk yang ditetapkan.

Permohonan untuk mendapatkan lesen air.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima dan selepas berunding dengan Jawatankuasa dan mana-mana pihak berkuasa lain yang relevan yang difikirkannya perlu, Lembaga boleh meluluskan atau menolak permohonan itu dan keputusannya adalah muktamad.

(3) Lembaga hendaklah memberitahu—

- (a) pemohon;
- (b) Jawatankuasa; dan
- (c) Pengarah,

secara bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (2).

(4) Suatu lesen air hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, dan kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu, memberi pemegangnya hak—

- (a) melencong, menyimpan, menggunakan dan membuang air yang ada di atas atau secara langsung bersempadan dengan tanah yang diliputi oleh tenemen mineral itu;
- (b) melencong, menyimpan, menggunakan dan membuang air dari atau merentasi tanah Kerajaan, tanah berimilik, tanah pendudukan dan tanah rizab bagi maksud tenemen mineral itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian ini; dan
- (c) menggunakan air untuk menjana kuasa untuk digunakan di atas tanah yang diliputi oleh tenemen mineral itu.

(5) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen air diluluskan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas diberitahu di bawah perenggan (3)(c), dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, mendaftarkan suratcara lesen air dan mengeluarkan kepada pemohon suatu lesen air dalam Borang H yang dinyatakan dalam Jadual I tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

(6) Jika pemohon itu tidak membayar fi yang ditetapkan dalam masa enam puluh hari selepas diberitahu tentang kelulusannya, kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatas.

(7) Tempoh suatu lesen air tidak boleh melebihi tarikh habis tempoh tenemen mineral yang baginya air hendak digunakan.

101. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu permit air hendaklah dibuat oleh pemegang sesuatu tenemen mineral kepada Lembaga dalam bentuk yang ditetapkan

(2) Lembaga boleh, selepas berunding dengan mana-mana pihak berkuasa lain yang relevan yang difikirkannya perlu dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan kepada pemohon suatu permit air dalam Borang I yang dinyatakan dalam Jadual I tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

(3) Tempoh suatu permit air—

(a) tidak boleh melebihi satu tahun tetapi boleh, apabila dibuat permohonan dalam bentuk yang ditetapkan, dibaharui mengikut budi bicara Lembaga dan apabila permit air itu dibaharui ia—

(i) boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat yang difikirkannya patut; dan

(ii) hendaklah mengendorskan pada permit itu butir tentang pembaharuan itu; dan

(b) tidak boleh melebihi tarikh habis tempoh tenemen mineral yang baginya air hendak digunakan.

(4) Suatu permit air hendaklah membenarkan pemegangnya melencongkan, menggunakan dan membuang mana-mana air sebagaimana yang dinyatakan dalamnya, di mana-mana tempat, melalui apa-apa jalan, mengikut apa-apa cara, dalam apa-apa kuantiti dan atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(5) Suatu permit air tidaklah boleh membenarkan pemegangnya membina apa-apa kerja—

(a) di atas tanah berimilik atau tanah pendudukan kecuali dengan kebenaran bertulis pemunyanya; atau

(b) di atas tanah rizab kecuali dengan kebenaran bertulis pegawai yang pada masa ini mempunyai

Penggantungan sementara lesen air. **102.** (1) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis kepada pemegang lesen air, menggantung sementara bagi suatu tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari semua atau mana-mana hak yang diberikan di bawah suatu lesen air yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya—
 - (i) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
 - (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999; atau
- (b) keadaan kemarau yang teruk menghendaki supaya air hendaklah dijadikan tersedia bagi maksud awam yang lain.

(2) Keputusan Lembaga menggantungkan suatu lesen air di bawah subseksyen (1) adalah muktamad.

Penggantungan sementara permit air. **103.** (1) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis kepada pemegang permit air, menggantung sementara bagi suatu tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari semua atau mana-mana hak yang diberikan di bawah suatu permit air yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang permit itu atau mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya—
 - (i) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam permit itu; atau
 - (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini; atau
- (b) keadaan kemarau yang teruk menghendaki supaya air hendaklah dijadikan tersedia bagi maksud awam yang lain.

(2) Penggantungan permit air oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) adalah muktamad.

104. (1) Lembaga boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa membatalkan suatu lesen air jika ia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu— Pembatalan lesen air.

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Lembaga hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang lesen notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan lesen itu dan alasan yang berdasarkannya ia bercadang mengambil tindakan sedemikian, dan ia hendaklah memberi pemegang lesen air itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan notis itu.

(3) Apabila habis tempoh tiga puluh hari yang disebut dalam subseksyen (2) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang lesen air itu dan selepas mengadakan suatu siasatan, Lembaga hendaklah memutuskan—

- (a) sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu;
- (b) sama ada hendaklah mengambil tindakan di bawah seksyen 106; atau
- (c) sama ada tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(4) Lembaga hendaklah memberi pemegang lesen air itu notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (3).

Pembatalan
permits air.

105. (1) Lembaga boleh membatalkan suatu permit air jika dia berpuas hati bahawa pemegang permit itu—

- (a) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam permit itu; atau
- (b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(2) Keputusan Lembaga di bawah subseksyen (1) adalah muktamad.

Pengenaan
denda,
meremedikan
kemungkiran
atau
pelanggaran.

106. (1) Jika Lembaga berpuas hati, selepas berunding dengan Jawatankuasa, bahawa ada alasan yang membolehkan kuasanya untuk membatalkan lesen air dijalankan di bawah perenggan 104(3)(a) tetapi hal keadaan adalah tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pembatalan, maka Lembaga boleh mengikut budi bicaranya—

- (a) membuat suatu perintah bagi pembayaran denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dalam masa yang dinyatakan; atau
- (b) mengeluarkan suatu notis dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan, menyatakan tindakan yang perlu diambil untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu dalam suatu masa yang dinyatakan.

(2) Lembaga hendaklah memberi pemegang lesen air notis bertulis tentang keputusannya di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila notis di bawah subseksyen (2) disampaikan, Lembaga hendaklah mengendorskan atau menyebabkan di endorskan butir tentang—

- (a) perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a); atau

(b) notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b),

mengikut mana-mana yang berkenaan, pada lesen air yang disimpan dalam daftar yang disebut dalam seksyen 115.

(4) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

(5) Jika perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) tidak dipatuhi, Lembaga hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen air itu terbatal.

(6) Walau apa pun subseksyen (4), jika Lembaga berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen air itu terbatal.

(7) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) dipatuhi, pengendorsan di bawah subseksyen (3) hendaklah dengan demikian itu dikenselkan.

(8) Jika notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) tidak dipatuhi, Lembaga hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen air itu terbatal.

(9) Walau apa pun subseksyen (7), jika Lembaga berpuas hati bahawa kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan, maka ia hendaklah membuat suatu perintah mengisyiharkan lesen air itu terbatal.

107. Jika suatu lesen air atau permit air telah dibatalkan di bawah Bahagian ini, pemegang lesen atau permit itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dengan serta-merta menyerahkan lesen atau permit itu masing-masingnya kepada Lembaga.

Penyerahan
lesen air dan
permit air.

108. Dengan seberapa segera yang praktik selepas pembatalan atau penamatkan suatu lesen air, lembaga hendaklah merekodkan atau menyebabkan direkodkan

Pembatalan
atau
penamatkan
hendaklah
direkodkan.

suatu catatan tentang pembatalan atau penamatkan itu dalam daftar yang dalamnya lesen itu direkodkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 120.

Rekod tentang lesen air pada hakmilik yang tersentuh.

109. Jika mana-mana tanah berimilik tersentuh oleh suatu lesen air yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini, Pengarah yang mempunyai jagaan daftar yang dalamnya hakmilik tanah itu direkodkan hendaklah—

(a) sebelum lesen itu diserahkan—

(i) membuat suatu catatan dalam daftar itu tentang pemberian lesen itu dan tempohnya; dan

(ii) membuat perakuan pada lesen itu bahawa catatan sedemikian telah pun dibuat; dan

(b) apabila lesen itu dibatalkan, membuat suatu catatan dalam daftar itu tentang pembatalan itu.

Pelencongan air dari atau merentasi tanah berimilik, dsb.

110. (1) Jika suatu lesen air yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini memberi kebenaran untuk melencongkan air dari atau merentasi mana-mana tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah Kerajaan, tanah rizab, kawasan hutan simpanan atau tanah lombong, maka adalah sah bagi pemegangnya—

(a) untuk memasuki tanah itu bagi maksud yang dinyatakan dalam lesen itu;

(b) untuk menjalankan segala atau mana-mana kerja yang dibenarkannya; dan

(c) untuk melaksanakan segala atau mana-mana hak yang diberikan kepadanya:

Dengan syarat bahawa pemegang lesen air itu hendaklah menghantar suatu notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mana-mana kemasukan sedemikian kepada pemunya atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberitahu pemunya itu atau Lembaga tentang niat demikian dan tentang hak pemunya itu atau

(2) Jika suatu permit air yang diberikan di bawah Bahagian ini memberi kebenaran untuk melencongkan air dari atau merentasi tanah Kerajaan atau tanah lombong, maka adalah sah bagi pemegangnya—

- (a) untuk memasuki tanah itu bagi maksud yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (b) untuk menjalankan segala atau mana-mana kerja yang dibenarkannya; dan
- (c) untuk melaksanakan segala atau mana-mana hak yang diberikan kepadanya.

(3) Pemegang lesen air atau permit air adalah bertanggungan membuat pampasan kepada pemunya atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi mana-mana tanah yang terjejas oleh kerja atau pelaksanaan hak di bawah subseksyen (1) atau (2), dan dalam ketiadaan apa-apa persetujuan antara pemegang lesen dan pemunya tersebut atau Lembaga berkenaan dengan apa-apa pampasan, pampasan sedemikian hendaklah ditentukan oleh Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan mana-mana keputusan yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh, dalam masa tiga puluh hari dari masa diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(5) Jika—

- (a) kerja pelencongan telah diletakkan di atas tanah yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2); dan
- (b) pemunya tanah yang kerja pelencongan merentasi tanahnya berhasrat untuk menggunakan atau menguruskan tanahnya mengikut sedemikian cara yang menjadikannya perlu atau wajar kerja pelencongan itu dipindahkan atau diubahkan ke suatu bahagian lain tanah itu,

pemunya tanah itu boleh, melalui notis secara bertulis, menuntut supaya pemegang lesen air atau permit air itu memindahkan atau mengubah kerja pelencongan itu dalam suatu tempoh yang munasabah

(6) Jika pemegang lesen air atau permit air tidak mematuhi tuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (5), pemunya tanah itu boleh memohon kepada Lembaga untuk memerintahkan pemindahan atau pengubahan kerja pelencongan itu.

(7) Lembaga yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (6) boleh, mengikut budi bicaranya, menolak permohonan itu atau membuat suatu perintah, dengan atau tanpa syarat, bagi pemindahan atau pengubahan kerja pelencongan itu.

(8) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga di bawah subseksyen (7) boleh, dalam masa tiga puluh hari dari masa diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

Pengubahan
atau
gangguan
kepada
tebing
sungai.

111. (1) Tiada seorang pun boleh, apabila menikmati sesuatu tenemen mineral, mengubah atau mengganggu, atau menyebabkan atau membenarkan diubah atau diganggu, tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air melainkan jika—

- (a) apa-apa pengubahan atau gangguan dibenarkan dalam lesen air atau permit air yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini; atau
- (b) orang itu telah memperolehi kebenaran bertulis Lembaga di bawah subseksyen (3) atau (5).

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air hendaklah dibuat oleh pemegang tenemen mineral kepada Lembaga dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Lembaga boleh, selepas berunding dengan mana-mana pihak berkuasa lain yang relevan yang difikirkannya perlu, memberi kebenaran bertulis kepada pemegang tenemen mineral untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai anak sungai atau alur air

(4) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran bertulis untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana anak sungai atau alur air yang tidak melebihi lima meter lebar di antara tebing-tebing itu hendaklah dibuat oleh pemegang tenemen mineral kepada Lembaga dalam bentuk yang ditetapkan.

(5) Apabila permohonan di bawah subseksyen (4) diterima, Lembaga boleh, selepas berunding dengan mana-mana pihak berkuasa lain yang relevan yang difikirkannya perlu, memberi kebenaran bertulis kepada pemegang tenemen mineral itu untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana anak sungai atau alur air yang tidak melebihi lima meter lebar di antara tebing-tebing itu.

(6) Lembaga boleh, melalui suatu perintah bertulis, menghendaki mana-mana orang yang dalam penjalanan pengendalian melombong—

- (a) mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air; atau
- (b) membenarkan mana-mana orang lain untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air,

untuk memulihkan tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air itu kepada keadaan ia berada sebelum sahaja berlaku pengubahan atau gangguan sedemikian atau untuk membuatnya semula mengikut apa-apa cara yang dinyatakan dalam perintah itu.

112. (1) Lembaga boleh, melalui suatu perintah bertulis, mengarah pemegang sesuatu tenemen mineral untuk membenarkan mana-mana orang lain memasuki tanah yang menjadi subjek tenemen mineral itu dan sesudah itu untuk mendirikan, membina dan menyenggara, atas perbelanjaan orang itu sendiri, apa-apa pam, talian paip, flum, penderas atau alur air yang, pada pendapat Lembaga,

Pemegang
tenemen
mineral
untuk
membenarkan
orang lain
menggunakan
air lebih
dan buangan.

perlu untuk membolehkannya mendapat manfaat daripada air lebihan atau buangan dari tanah itu, dan menukar air itu untuk kegunaannya sendiri:

Dengan syarat bahawa tiada penggunaan, binaan, pembinaan atau penyenggaraan sedemikian boleh dibenarkan atau diteruskan jika dibuktikan bahawa ia menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesan atau akibat yang memudaratkan ke atas atau kepada apa-apa pengendalian melombong yang sebenar atau prospektif yang sedang atau mungkin dimulakan atau dijalankan di atas tanah yang tersentuh oleh tenemen mineral itu.

(2) Jika mana-mana tanah yang menjadi subjek sesuatu tenemen mineral tersentuh oleh suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), pemegang tenemen mineral itu boleh, dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan perintah itu, merayu terhadap perintah sedemikian kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

Pengekalan
standard air.

113. (1) Tiap-tiap pemegang tenemen mineral yang menggunakan air berkaitan dengan pengendalian melombong hendaklah—

- (a) sebelum ia dibuangkan ke dalam mana-mana sungai, anak sungai atau alur air; atau
- (b) sebelum ia meninggalkan tanah yang tersentuh oleh tenemen mineral itu,

mematuhi apa-apa standard kualiti air yang ditetapkan oleh Enakmen ini atau Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 atau Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

(2) Lembaga hendaklah, apabila menerima suatu aduan yang dibuat secara bertulis memperihalkan kegagalan di pihak mana-mana orang untuk mematuhi kehendak subseksyen (1), mengadakan suatu siasatan ke atas perkara yang diadukan itu dan boleh, dengan atau tanpa aduan

itu, pada bila-bila masa memerintah mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) untuk—

- (a) mengusahakan langkah yang perlu untuk memastikan supaya standard kualiti air dipatuhi; atau
- (b) menggantungkan pengendalian melombong sehingga apapun langkah diambil untuk mematuhi standard kualiti air.

(3) Apa-apapun langkah yang diambil untuk mematuhi suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) tidak berkuatkuasa untuk melepaskan mana-mana orang daripada apa-apapun tanggungan yang timbul di bawah subseksyen (1).

114. Peruntukan Bahagian ini hendaklah berkuatkuasa walau apa pun apa-apapun juga yang terkandung dalam mengatasi mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubungan dengan air.

Peruntukan
Babagian ini
hendaklah
mengatasi.

BAHAGIAN IX

MEREKOD DAN PENDAFTARAN

115. (1) Pengarah hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, membuka suatu siri buku yang hendaklah dikenali sebagai—

Daftar
tenemen
mineral, lesen
air, dsb.

- (a) daftar lesen memfosik;
- (b) daftar lesen mendulang;
- (c) daftar lesen melombong individu;
- (d) daftar lesen mencarigali;
- (e) daftar lesen penjelajahan;
- (f) daftar pajakan melombong; dan

(2) Lembaga hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, membuka suatu siri buku yang hendaklah dikenali sebagai daftar lesen dan permit air.

Penyediaan
lesen,
pajakan dan
permit.

116. (1) Mana-mana lesen atau pajakan yang diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah disediakan dalam dua salinan, satu salinan diserahkan oleh Pengarah kepada pemegang lesen atau penerima pajak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan satu lagi disimpan oleh Pengarah untuk dijilidkan dalam daftar yang sesuai yang disebut dalam seksyen 115 dan dinomborkan bersiri dalamnya.

(2) Mana-mana permit air yang diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah disediakan dalam dua salinan, satu salinan diserahkan oleh Penguasa Lombong kepada pemegang permit dan satu lagi disimpan oleh Lembaga untuk dijilidkan dalam daftar permit air yang disebut dalam seksyen 115 dan dinomborkan bersiri dalamnya.

(3) Pengarah tidak boleh menyebabkan mana-mana lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya, atau pajakan melombong disediakan, dan Lembaga tidak boleh menyebabkan mana-mana lesen dan permit air disediakan, melainkan jika—

(a) dalam hal suatu lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen melombong tuan punya, lesen air atau permit air, fi yang ditetapkan telah dibayar;

(b) dalam hal suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan, fi yang ditetapkan dan fi pegangan bagi tahun pertama telah dibayar; dan

(c) dalam hal pajakan melombong—

(i) fi yang ditetapkan dan sewa tahun pertama telah dibayar; dan

(ii) tanah yang akan menjadi subjek pajakan itu telah diukur dan fi pengukuran, jika pengukuran itu dijalankan oleh Pegawai Ukur, dan fi bagi pelan pajakan melombong telah dibayar.

117. Suatu perihalan kawasan yang menjadi subjek sesuatu lesen atau pajakan yang diberikan di bawah Enakmen ini hendaklah dilampirkan pada kedua-dua salinan lesen atau pajakan berkenaan yang disebut dalam seksyen 116 dan hendaklah—

- (a) dalam hal suatu lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya, lesen air dan permit air, dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan; atau
- (b) dalam hal suatu pajakan melombong, mengandungi suatu pelan tanah itu yang disediakan di bawah Akta Pelan dan Dokumen *Aktu 233. Tanah dan Lombong (Salinan Fotograf) 1950.*

118. (1) Pemberian suatu lesen memfosik, lesen mendulang, lesen melombong individu, lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya, lesen air dan permit air di bawah Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila lesen atau permit itu dikeluarkan.

(2) Pemberian suatu pajakan melombong di bawah Enakmen ini ke atas tanah Kerajaan hendaklah mula berkuatkuasa apabila pajakan melombong itu didaftarkan.

119. (1) Pengeluaran suatu lesen memfosik, lesen mendulang atau lesen melombong individu hendaklah mengandungi pengesahannya di bawah tandatangan dan meterai Pengarah atau di bawah tandatangan dan meterai mana-mana orang yang kepadanya Pengarah telah mewakilkan kuasa untuk memberikan lesen itu.

Perihalan
kawasan
hendaklah
dilampirkan.

Bila lesen,
permit atau
pajakan mula
berkuatkuasa.

Cara
mengeluarkan
lesen dan
permit dan
pendaftaran
pajakan.

(2) Pengeluaran suatu lesen mencarigali, lesen penjelajahan, lesen melombong tuan punya atau lesen air dan pendaftaran suatu pajakan melombong hendaklah mengandungi pengesahannya di bawah tandatangan dan meterai Pengarah.

(3) Pengeluaran suatu permit air hendaklah mengandungi pengesahannya di bawah tandatangan dan meterai Lembaga.

(4) Tarikh pengeluaran mana-mana lesen atau permit dan tarikh pendaftaran mana-mana pajakan melombong, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah ditulis dalamnya oleh orang yang mengeluarkan atau mendaftarkan lesen, permit atau pajakan itu.

Memorial tentang pembaharuan, dsb., hendaklah dicatatkan dalam daftar.

120. (1) Pengarah hendaklah mencatatkan dalam daftar yang sesuai suatu memorial tentang pembaharuan, peluasan, pemindahmilikan, penyerahan, pembatalan, pelucuthakan, pengubahan syarat, pertukaran alamat atau nama atau apa-apa perkara lain yang menyentuh taraf atau apa-apa kepentingan dalam mana-mana lesen yang dikeluarkan, atau mana-mana pajakan yang didaftarkan, di bawah Enakmen ini.

(2) Lembaga hendaklah mencatatkan dalam daftar permit air suatu memorial tentang pembaharuan, penyerahan, pembatalan, pengubahan syarat, pertukaran alamat atau nama atau apa-apa perkara lain yang menyentuh taraf atau apa-apa kepentingan dalam mana-mana permit air yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(3) Tiada apa-apa pembaharuan, peluasan, pemindahmilikan, penyerahan, pembatalan, pelucuthakan, pengubahan syarat, pertukaran alamat atau nama atau perkara lain yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) boleh berkuatkuasa sehinggalah memorial mengenainya telah dicatatkan di bawah subseksyen itu.

121. Pegawai yang mengeluarkan suatu lesen atau permit atau mendaftarkan suatu pajakan melombong di bawah seksyen 119 hendaklah menghendaki suatu akuan penerimaan salinan lesen, permit atau pajakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada orang yang menerima lesen, permit atau pajakan itu dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan.

122. Tiap-tiap pajakan melombong yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Bahagian ini hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, menjadi keterangan konklusif—

- (a) bahawa pajakan tanah yang diperihalkan dalamnya adalah terletakhak pada orang atau badan yang pada masa ini didaftarkan sebagai penerima pajak; dan
- (b) tentang syarat dan peruntukan lain yang tertakluk kepadanya tanah itu dipegang pada masa ini oleh orang atau badan itu, setakat yang ia dikehendaki dinyatakan dalam dokumen itu oleh mana peruntukan Enakmen ini.

123. Pemberian suatu pajakan melombong di bawah Enakmen ini ke atas tanah Kerajaan kepada mana-mana orang hendaklah memberi orang itu suatu pajakan tanah yang tak boleh disangkal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian Dua Puluh Kanun Tanah Negara.

124. Tiap-tiap pajakan melombong atau perakuan yang wujud pada mula berkuatkuasanya Enakmen ini hendaklah terus berkuatkuasa di bawah Enakmen Melombong yang di bawahnya ia dikeluarkan sehingga habis tempohnya.

125. Mana-mana orang hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan, dibenarkan memeriksa mana-mana daftar yang disebut dalam seksyen 115 pada waktu dan hari yang ditetapkan oleh Pengarah atau Penguasa Lombong, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Akuan
penerimaan.

Pajakan
melombong
yang
daftarkan
hendaklah
menjadi
keterangan
konklusif.

Pajakan
hendaklah
tak boleh
disangkal.

Kecualian
berkenaan
dengan
pajakan atau
perakuan
melombong.

Pemeriksaan
daftar.

BAHAGIAN X

PEMULIHAN

Pelan pemulihan bagi pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar.

126. (1) Tiap-tiap penerima pajak suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar hendaklah mengemukakan kepada Pengarah—

- (a) suatu pelan pemulihan lombong; dan
- (b) apabila memohon untuk membaharui pajakan itu, suatu pelan pemulihan lombong yang diubahsuaikan,

bagi kelulusan Jawatankuasa:

(2) Pelan pemulihan lombong hendaklah mengadakan peruntukan mengenai tindakan pemulihian yang spesifik, pemeriksaan, laporan tahunan, jumlah kos pemulihian yang dianggarkan, anggaran kos bagi setiap tindakan pemulihian spesifik dan suatu jadual waktu terperinci bagi pemulihian tanah lombong yang teratur dan efisien.

(3) Jawatankuasa hendaklah dalam suatu masa yang munasabah dari masa pelan pemulihan lombong dikemukakan di bawah subseksyen (1), meluluskan atau menolak pelan itu, dan hendaklah memberitahu penerima pajak itu tentang keputusannya.

(4) Mana-mana penerima pajak yang pelan pemulihan lombongnya telah ditolak di bawah subseksyen (3)—

- (a) boleh mengemukakan apa-apa bilangan pelan pemulihan lombong yang perlu bagi tujuan memperolehi kelulusan Jawatankuasa; atau
- (b) boleh merayu terhadap penolakan itu, dalam masa enam puluh hari dari pemberitahuan keputusan di bawah subseksyen (3), kepada Pihak Berkusa Negeri yang keputusannya adalah

(5) Jika penerima pajak berniat untuk mengubahsuai suatu pelan pemulihan lombong yang diluluskan di bawah seksyen ini, penerima pajak itu hendaklah mengemukakan ubahsuaian pelan pemulihan yang dicadangkan itu kepada Jawatankuasa untuk kelulusan.

(6) Jika mana-mana pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar dibaharui, tiada perlombongan boleh diteruskan sehingga pelan pemulihan lombong yang diubahsuaikan itu telah diluluskan di bawah seksyen ini.

(7) Jika suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah bagi membenarkan suatu pengendalian skala besar di bawah seksyen 63, tiada pengendalian skala besar boleh dimulakan di atas tanah itu sehingga pelan pemulihan lombong telah diluluskan di bawah seksyen ini.

127. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Wang Pemulihan Lombong bagi maksud pemulihan tanah lombong yang menjadi subjek kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar.

Kumpulan
Wang
Pemulihan
Lombong.

(2) Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa.

(3) Penerima pajak hendaklah membayar ke dalam Kumpulan Wang—

(a) jika tempoh pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar melebihi sepuluh tahun—

(i) suatu amaun permulaan sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang dinyatakan dalam

pelan pemulihan lombong sebelum kerja pembangunan dimulakan tetapi tidak terkemudian dari tempoh satu tahun pajakan itu dikeluarkan:

Dengan syarat bahawa jika suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah untuk membenarkan pengendalian skala besar, amaun permulaan itu hendaklah dibayar sebelum pengendalian skala besar dimulakan; dan

(ii) bayaran tahunan, sembilan bulan selepas itu, sebanyak satu persepuuh daripada jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang dinyatakan dalam pelan pemulihan; atau

(b) jika tempoh pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar adalah kurang dari sepuluh tahun—

(i) suatu amaun permulaan yang sama dengan jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang dinyatakan dalam pelan pemulihan dibahagikan dengan tempoh pajakan itu sebelum kerja pembangunan dimulakan tetapi tidak terkemudian dari tempoh satu tahun pajakan itu dikeluarkan:

Dengan syarat bahawa jika suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah untuk membenarkan pengendalian skala besar, amaun permulaan itu hendaklah dibayar sebelum pengendalian skala besar dimulakan; dan

(ii) bayaran tahunan, setiap tahun selepas itu, yang sama dengan jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang dinyatakan dalam pelan pemulihan dibahagikan dengan tempoh pajakan itu.

(4) Jika pada bila-bila masa selepas pajakan melombong dikeluarkan Jawatankuasa menentukan bahawa jumlah kos yang dianggarkan untuk melaksanakan pelan pemulihan lombong yang diluluskan itu adalah berlebihan atau tidak mencukupi, ia boleh—

- (a) membayar balik apa-apa amaun yang berlebihan kepada penerima pajak itu; atau
- (b) menghendaki penerima pajak itu mendepositkan suatu amaun tambahan sebagaimana yang dinyatakannya,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Jika pajakan melombong dibaharui, penerima pajak hendaklah membayar ke dalam Kumpulan Wang apa-apa amaun tahunan yang dinyatakan dalam pelan pemulihan lombong yang diubahsuaikan.

(6) Jawatankuasa boleh menentukan cara bayaran dipungut di bawah subseksyen (3).

(7) Dewan Undangan Negeri boleh memperuntukkan apa-apa jumlah wang yang difikirkannya perlu untuk didepositkan ke dalam Kumpulan Wang yang jumlahnya hendaklah ditolak daripada jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang kena dibayar oleh penerima pajak di bawah subseksyen (3).

(8) Apa-apa jumlah wang yang didepositkan ke dalam Kumpulan Wang di bawah seksyen 131 hendaklah ditolak daripada jumlah kos pemulihan yang dianggarkan yang kena dibayar oleh penerima pajak di bawah subseksyen (3).

Akta 312.

(9) Apa-apa wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang hendaklah didepositkan ke dalam mana-mana bank yang dileSENken sewajarnya di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1990.

(10) Kumpulan Wang dan apa-apa jumlah wang yang terakru daripadanya hendaklah digunakan hanya bagi pelaksanaan pelan pemulihan yang dimaksudkannya dan Jawatankuasa boleh, bagi pelaksanaan pelan pemulihan lombong itu, membenarkan pembayaran daripada Kumpulan Wang kepada penerima pajak, atau pihak-pihak lain yang dinamakan sedemikian dalam pelan pemulihan.

(11) Jawatankuasa hendaklah—

- (a) menyimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan pengendalian Kumpulan Wang;
- (b) menyebabkan disediakan suatu penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan; dan
- (c) menyebabkan akaunnya diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(12) Penerima pajak hendaklah melaksanakan obligasi yang diperihalkan dalam pelan pemulihan lombong selama tempoh pajakan melombong itu.

(13) Jika pelan pemulihan lombong telah dilaksanakan sepenuhnya dan disempurnakan sehingga memuaskan hati Jawatankuasa, apa-apa baki jumlah wang yang terdapat dalam Kumpulan Wang hendaklah dibayar balik kepada penerima pajak itu.

(14) Dalam seksyen ini, "Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pemulihan Lombong yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

128. (1) Jika penerima pajak tidak membayar jumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong di bawah subseksyen 127(3) dalam masa yang ditetapkan, Jawatankuasa hendaklah—

Ketakbayaran
ke dalam
Kumpulan
Wang
Pemulihan
Lombong.

(a) menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada penerima pajak itu suatu notis tuntutan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan; dan

(b) mengemukakan suatu salinan notis itu kepada Pengarah yang hendaklah, apabila notis itu diterima, menyebabkan suatu nota penyampaian notis itu diendorskan pada dokumen pajakan melombong yang dimaksudkan dalam notis itu.

(2) Jika keseluruhan jumlah wang yang dituntut di bawah perenggan (1)(a) dibayar kepada Jawatankuasa dalam masa yang dinyatakan dalamnya—

(a) notis itu hendaklah sesudah itu terhenti daripada berkuatkuasa; dan

(b) nota yang diendorskan menurut perenggan (1)(b) pada dokumen pajakan melombong hendaklah dengan itu dikenselkan.

(3) Jika pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam notis tuntutan itu keseluruhan jumlah wang yang dituntut di bawah perenggan (1)(a) tidak dibayar kepada Jawatankuasa, Jawatankuasa hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Negeri tentang keingkaran sedemikian, dan apabila pemberitahuan itu diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah melalui perintah mengisyiharkan tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri dan peruntukan seksyen 78 dan 79 hendaklah terpakai.

129. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Pemulihan Bersama bagi maksud pemulihan tanah lombong yang menjadi subjek pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil.

Kumpulan
Wang
Pemulihan
Bersama.

(2) Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa.

(3) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang—

(a) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diperuntukkan setiap tahun oleh Dewan Undangan Negeri bagi maksud Kumpulan Wang;

(b) apa-apa pinjaman atau pemberian yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud Kumpulan Wang; dan

(c) fi pemulihan yang kena dibayar di bawah subseksyen (4).

(4) Bagi maksud Kumpulan Wang, tiap-tiap pemegang suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil hendaklah membayar ke dalam Kumpulan Wang—

(a) suatu fi tahunan pada kadar satu peratus daripada nilai jualan kasar semua mineral yang didapatkan dalam suatu tahun kalender dari tanah lombong yang tertakluk kepada pajakan itu; atau

(b) suatu fi tahunan yang ditetapkan,

mengikut mana-mana yang lebih besar.

(5) Subseksyen (4) tidak terpakai bagi mana-mana penerima pajak yang dibenarkan mengubah pengendalian melombong daripada suatu pengendalian skala besar kepada pengendalian skala kecil.

(6) Apa-apa wang yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang dan apa-apa jumlah wang yang terakru daripadanya—

(a) hendaklah didepositkan ke dalam mana-mana bank yang dilesenkan sewajarnya di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1990; atau

(b) boleh dilaburkan mengikut peruntukan Akta *Akta 208. Pemegang Amanah* 1949.

(7) Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi maksud yang berikut:

(a) penyediaan pelan pemulihian oleh Jawatankuasa bagi—

(i) mana-mana tanah, selain daripada tanah berimilik, yang terjejas oleh perlombongan sebelum Enakmen ini mula berkuatkuasa; atau

(ii) mana-mana tanah Kerajaan atau tanah rizab yang terjejas oleh perlombongan selepas Enakmen ini mula berkuatkuasa; dan

(b) pelaksanaan mana-mana pelan yang disebut dalam perenggan (a) yang diluluskan oleh Jawatankuasa.

(8) Jawatankuasa hendaklah—

(a) menyimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan pengendalian Kumpulan Wang;

(b) menyebabkan disediakan suatu penyata akaun berknaan dengan setiap tahun kewangan;

(c) menyebabkan akaunnya diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara; dan

(d) sebaik sahaja akaun Kumpulan Wang telah diaudit, tetapi tidak terkemudian dari enain bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, menyebabkan suatu salinan penyata akaun teraudit dihantarkan kepada Pihak Berkuasa Negeri beserta dengan suatu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara mengenai penyata atau akaun itu.

(9) Suatu salinan penyata dan pandangan yang dihantarkan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan (8)(d) hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang praktik selepas penghantarannya.

(10) Jawatankuasa hendaklah menyimpan suatu rekod pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil yang tidak mematuhi peruntukan subseksyen (4) dan pada setiap tahun mengadakan salinan rekod sedemikian kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pengarah.

(11) Fee yang kena dibayar di bawah subseksyen (4) hendaklah dibayar mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(12) Dalam seksyen ini, "Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pemulihan Bersama yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

Ketakbayaran
ke dalam
Kumpulan
Wang
Pemulihan
Bersama.

130. (1) Jika penerima pajak tidak membayar jumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah subseksyen 129(4) dalam masa yang ditetapkan, Jawatankuasa hendaklah—

(a) menyampaikan atau menyebabkan supaya disampaikan kepada penerima pajak itu suatu notis tuntutan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan; dan

(b) mengemukakan suatu salinan notis itu kepada Pengarah yang hendaklah, apabila notis itu diterima, menyebabkan suatu nota penyampaian notis itu diendorskan pada dokumen pajakan melombong yang dimaksudkan dalam notis itu.

(2) Jika keseluruhan jumlah wang yang dituntut di bawah perenggan (1)(a) dibayar kepada Jawatankuasa dalam masa yang dinyatakan dalamnya—

(a) notis itu hendaklah sesudah itu terhenti daripada berkuatkuasa; dan

(b) nota yang diendorskan menurut perenggan (1)(b) pada dokumen pajakan melombong hendaklah dengan demikian itu dikensedikan.

(3) Jika pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam notis tuntutan itu keseluruhan jumlah wang yang dituntut di bawah perenggan (1)(a) tidak dibayar kepada Jawatankuasa, Jawatankuasa hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Negeri tentang keingkaran itu, dan apabila pemberitahuan itu diterima, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah melalui perintah mengisyiharkan tanah lombong yang berkenaan dengannya pajakan melombong itu telah diberikan terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri dan peruntukan seksyen 78 dan 79 hendaklah terpakai.

131. Jika suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar di bawah seksyen 63—

(a) peruntukan seksyen 126 dan 127 melombong yang membenarkan hendaklah terpakai selepas kebenaran pengendalian skala besar untuk menjalankan pengendalian skala besar diberikan;

(b) penerima pajak itu tidak lagi mempunyai obligasi selanjutnya di bawah seksyen 129; dan

(c) Jawatankuasa boleh memindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong yang ditubuhkan di bawah seksyen 127 apa-apa jumlah wang yang telah dibayar oleh penerima pajak itu ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah seksyen 129.

Kehendak pemulihan apabila pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil diubah kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar.

Kehendak pemulihan apabila pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar diubah kepada pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil.

132. Jika suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar diubah kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil di bawah seksyen 63—

- (a) penerima pajak itu hendaklah membenarkan pengendalian mengemukakan suatu pelan pemulihan yang diubahsuaikan untuk kelulusan Jawatankuasa; dan
- (b) penerima pajak itu hendaklah terus mempunyai obligasi di bawah seksyen 127 mengikut pelan pemulihan yang diubahsuaikan itu.

BAHAGIAN XI

PENGUATKUASAAN, PENYIASATAN, KETERANGAN, KESALAHAN DAN PENALTI

BAB 1

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Penguat-kuasaan oleh pegawai diberikuasa.

133. Seseorang pegawai diberikuasa boleh bagi maksud menguatkuasakan Enakmen ini—

- (a) meminta dan memeriksa apa-apa buku, dokumen, suratcara atau rekod dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada buku, dokumen, suratcara atau rekod itu yang ada dalam jagaan atau kawalan mana-mana orang mengenai apa-apa perkara di bawah Enakmen ini;
- (b) melawat, memasuki, menyiasat dan memeriksa dengan atau tanpa notis terlebih dahulu mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral pada bila-bila masa tetapi tidaklah boleh dengan tak perlu menggalang atau menghalang apa-apa kerja di dalamnya;

- (c) menyiasat berkenaan dengan mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral mengenai—
- (i) kedudukan dan keadaan mana-mana kawasan atau loji itu;
 - (ii) apa-apa perkara atau benda berkaitan dengan atau berhubungan dengan keselamatan atau kesihatan mana-mana orang atau yang menyebabkan atau mungkin akan menyebabkan kerosakan kepada harta atau merupakan suatu kacau ganggu;
 - (iii) kesan mana-mana pengendalian atau amalan ke atas kemudahan mana-mana kawasan atau tempat; atau
 - (iv) pematuhan mana-mana peruntukan Enakmen ini;
- (d) mengambil langkah untuk memastikan pengambilan langkah berjaga-jaga yang sepatutnya dalam segala aktiviti pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, penyimpanan atau pemprosesan mineral bagi mencegah kerosakan atau bahaya kepada nyawa atau harta;
- (e) menghendaki mana-mana orang yang dijumpai di dalam sesuatu kawasan di mana pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, penyimpanan atau pemprosesan mineral dijalankan untuk menyatakan identiti dan maksudnya, dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Enakmen ini dan dalam kuasa orang itu untuk memberi; dan
- (f) mengambil sampel apa-apa bahan sama ada pepejal, cecair atau bergas di dalam atau yang sedang dilepaskan di dalam atau dari mana-mana kawasan pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau kemudahan penyimpanan atau lombong atau loji pemprosesan mineral.

Kuasa untuk menyiasat.

134. (1) Mana-mana pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberikuasa untuk memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau barang lain yang berkaitan dengan pelakuan apa-apa kesalahan yang dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat atau mengemukakan dokumen atau barang lain itu.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.

135. (1) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang tampak pada pegawai diberikuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberikuasa itu boleh melaporkan ketakhadiran itu kepada Majistret yang boleh sesudah itu mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

(3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) adalah berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan sara hidup yang munasabah yang dilakukannya dan adalah sah bagi Pengarah membayar perbelanjaan itu.

Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

136. (1) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberikuasa itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya akan cenderung ke arah mendedahkannya kepada suatu pertuduhan atau penalti jenayah atau pelucutahan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Pegawai diberikuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengecapkan cap ibu jarinya atas pernyataan itu, pegawai diberikuasa hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

137. (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh tanpa waran—

(a) menangkap mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat

Kuasa
menangkap,
menyita dan
menyiasat.

melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini; dan

- (b) menyita apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubungan dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan itu.

(2) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penangkapan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah tanpa kelengahan yang tak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang terdekat atau, jika tidak ada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang terdekat, dan selepas itu orang yang ditangkap sebagaimana yang disebut terdahulu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuatkuasa pada masa ini seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Mengeledah
dengan
waran.

- 138.** (1) Jika ternyata kepada seorang Majistret, maklumat secara bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa di dalam mana-mana bangunan atau tempat atau di atas mana-mana tanah ada disembunyikan atau didepositkan apa-apa mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Enakmen ini sedang atau telah dilakukan, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran memberikuasa mana-mana pegawai diberikuasa yang kepadanya waran itu diarahkan, pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan, memasuki bangunan, tempat atau tanah itu dan di situ mengeledah dan menyita apa-apa mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda yang berkenaan dengannya kesalahan itu telah atau disyaki telah dilakukan dan apa-apa jentera, buku, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai memberi bukti pelakuan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai diberikuasa yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecahkan mana-mana pintu luar atau pintu dalam bangunan atau tempat atau mana-mana premis lain dan memasukinya;
- (b) dengan menggunakan kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) dengan menggunakan kekerasan memindahkan apa-apa galangan terhadap kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah subseksyen (1); dan
- (d) memecahkan apa-apa bekas untuk memeriksa kandungannya.

(3) Pegawai diberikuasa yang menyita mana-mana mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) dengan serta-merta meletakkan pada mineral, kotak, peti, bekas, bungkusan, alat pengangkutan atau benda itu suatu tanda yang menunjukkan bahawa ia telah disita;
- (b) menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan serta-merta, atau dengan seberapa segera yang praktik, menyerahkan suatu salinan yang ditandatangan olehnya kepada pemunya atau orang yang daripadanya benda itu disita yang berada di bangunan atau premis itu dan jika bangunan atau premis itu tidak dihuni, pegawai diberikuasa itu hendaklah, di mana-mana mungkin, menampalkan suatu senarai benda yang disita itu di bangunan atau di premis itu;
- (c) dengan serta-merta melaporkan penyitaan itu kepada Pengarah; dan
- (d) jika praktik, memindahkan benda yang disita itu, dengan seberapa segera yang mungkin, bagi penjagaannya.

bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pandakwaan berkenaan dengan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucutahkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis kepada orang yang daripadanya benda itu disita yang menunjukkan bahawa tidak ada pendakwaan dibuat berkenaan dengan benda itu, melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan terhadapnya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5) dan (6).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya benda yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa benda itu bukanlah benda yang boleh dilucutahkan boleh memberikan notis bertulis secara sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis kepada pegawai diberikuasa yang dalam milikannya benda itu disimpan bahawa dia menuntut benda itu.

(5) Apabila menerima notis yang disebut dalam subseksyen (4), pegawai diberikuasa itu hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Pengarah yang—

- (a) boleh memerintahkan supaya benda itu dilepaskan; atau
- (b) boleh mengarahkan pegawai diberikuasa itu merujukkan perkara itu kepada seorang Majistret bagi keputusan.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah perenggan (5)(b) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya benda itu dan orang yang daripadanya benda itu disita supaya hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau jika

mereka ingkar hadir, setelah dibuktikan penyampaian wajar saman itu, Majistret itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilucutahkan dan hendaklah jika tidak terbukti sedemikian, memerintahkan supaya benda itu dilepaskan.

(7) Apa-apa benda yang terlucutahkan atau yang disifatkan telah terlucutahkan hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan hendaklah dilupuskan oleh Pengarah—

(a) mengikut arahan Majistret; atau

(b) jika tiada arahan sedemikian, mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(8) Jika apa-apa benda yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini ialah daripada jenis yang mudah musnah atau adalah tertakluk kepada reput yang cepat dan semulajadi atau jika penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tak munasabah, atau dipercayai menyebabkan penggalangan atau bahaya kepada awam, Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Kos
memegang
benda yang
disita.

142. Jika apa-apa benda yang disita di bawah Enakmen ini disimpan dalam jagaan Lembaga sementara menunggu selesainya apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos memegang benda itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati melakukan sesuatu kesalahan, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Lembaga oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos
atau gantirugi
boleh didapat
berbangkit
daripada
penyitaan.

143. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau berupa menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan

di bawah Enakmen ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau mendapat apa-apa gantirugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah.

144. (1) Jika mana-mana pegawai diberikuasa mempunyai syak yang munasabah bahawa mana-mana alat pengangkutan sedang membawa apa-apa benda yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Enakmen ini sedang dilakukan atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa alat pengangkutan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga alat pengangkutan itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai diberikuasa itu—

(a) memberhentikan alat pengangkutan itu dan membenarkan pegawai diberikuasa itu memeriksanya; dan

(b) membuka segala bahagian alat pengangkutan itu, termasuk bekas di dalamnya atau di atasnya, untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan penjalanan pemeriksaan sebagaimana yang didapati oleh pegawai diberikuasa itu perlu lakukan.

(3) Mana-mana orang yang tidak atau enggan bekerjasama dengan pegawai diberikuasa untuk memberhentikan alat pengangkutan atau menjalankan suatu penggeledahan ke atas alat pengangkutan itu adalah melakukan suatu kesalahan.

BAB 2

KETERANGAN

145. Jika dalam mana-mana prosiding yang diambil di bawah Enakmen ini atau berbangkit daripada apa-apa jua yang dilakukan di bawah Enakmen ini timbul soal sama ada apa-apa mineral atau keluaran mineral ialah

Anggapan bahawa mineral adalah kepunyaan Pihak

harta Pihak Berkuasa Negeri, mineral atau keluaran mineral itu hendaklah disifatkan menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Perakuan tentang nilai mineral atau keluaran mineral, dsb.

146. Dalam mana-mana prosiding di bawah Enakmen ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pengarah Lombong menyatakan—

- (a) nilai apa-apa mineral atau keluaran mineral;
- (b) amaun fi, royalti, premium dan caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa mineral atau keluaran mineral; atau
- (c) kos memperbaiki apa-apa kerosakan yang dilakukan oleh seseorang pesalah,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang nilai, fi, royalti, premium, caj atau kos itu, tanpa bukti mengenai tandatangan Pengarah atau Penguasa Lombong bagi perakuan sedemikian.

Sampel.

147. Mana-mana pegawai diberikuasa boleh, tanpa bayaran, mengambil suatu sampel apa-apa mineral yang perlu dan munasabah untuk diperiksa dan diuji dan sampel yang diambil sedemikian hendaklah diterima di dalam mana-mana mahkamah, dalam ketiadaan apa-apa keterangan lain, sebagai mewakili sumber bahan yang daripadanya sampel itu telah diambil.

Perakuan analisis.

148. (1) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah Enakmen ini, sesuatu perakuan analisis yang dikatakan dibuat di bawah tandatangan seseorang penganalisis hendaklah, apabila dikemukakan perakuan itu oleh pegawai pendakwa, menjadi keterangan yang mencukupi tentang fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika penganalisis itu dikehendaki hadir sebagai seorang saksi—

- (a) oleh mahkamah; atau

(b) oleh tertuduh, yang dalam hal itu tertuduh hendaklah memberi pegawai pendakwa notis tidak kurang dari tiga hari genap sebelum bermulanya perbicaraan itu:

Dengan syarat sentiasanya bahawa dalam apa-apa hal yang mengenainya pegawai pendakwa bercadang untuk memberi sebagai keterangan mana-mana laporan itu dia hendaklah menghantar suatu salinannya kepada tertuduh tidak kurang dari sepuluh hari genap sebelum bermulanya perbicaraan itu.

(2) Dalam seksyen ini, "penganalisis" ertinya—

- (a) seseorang yang pada masa ini diambil bekerja sepenuhnya atau sebahagiannya dalam kerja analitis kimia atau fizik yang berhubungan dengan mineral di Jabatan Penyiasatan Kajibumi atau oleh Kerajaan Negeri; atau
- (b) seseorang yang menjalankan kerja analitis kimia atau fizik yang berhubungan dengan mineral dan diambil bekerja oleh suatu makmal yang diiktiraf oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi.

(3) Jika mana-mana penganalisis dipanggil oleh tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (1), dia hendaklah dipanggil atas perbelanjaan tertuduh melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya.

149. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan mendedah nama atau alamat mana-mana informer atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa dirinya diketahui. Perlindungan
informer.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau surat yang dibawah keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa pencatatan yang menamakan atau memperihalkan informer

atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan segala petikan sedemikian disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi informer itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini mahkamah selepas siasatan penuh ke atas kes itu mempercayai bahawa informer itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayainya sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dijalankan sepenuhnya antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa identiti informer itu diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki supaya aduan asal, jika bertulis dikemukakan, dan membenarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya, mengenai informer itu.

BAB 3

KESALAHAN DAN PENALTI

Perbagai kesalahan.

150. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan perenggan 42(1)(a), seksyen 54, perenggan 72(a), (b) atau (c), subseksyen 73(2), seksyen 88, 89, 91, 93 atau 111 Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti kerana tidak menggunakan notis.

151. Mana-mana orang yang tidak mengemukakan apa-apa notis di bawah seksyen 53, 74 atau 82 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana melombong skala besar tanpa memperolehi kelulusan pelan yang dikehendaki.

152. Mana-mana orang yang melanggar seksyen 64 atau subseksyen 126(6) atau (7) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

153. Mana-mana orang yang mendapatkan mineral melalui pemfosikan, pendulangan, penjelajahan atau perlombongan tanpa suatu lesen atau pajakan yang dikeluarkan atau diberikan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, sebagai tambahan kepada apa-apa denda lain atau tempoh pemenjaraan yang dikenakan di bawah Bab ini, diperintahkan membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) suatu jumlah wang tidak melebihi lima kali ganda royalti yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa mineral yang diambil secara menyalahi undang-undang; dan
- (b) suatu jumlah wang yang tidak melebihi tiga kali ganda nilai mineral itu,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar boleh didapatkan sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

154. Tertakluk kepada Enakmen ini, mana-mana orang yang memfosik tanpa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

155. Mana-mana orang yang—

- (a) menggunakan apa-apa mineral bagi maksud perdagangan atau perindustrian; atau
- (b) menjual apa-apa mineral,

yang diperolehi di bawah suatu lesen memfosik adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Mineral yang
diperolehi
secara
menyalahi
menyalahi
undang-
undang.

Penalti
kerana
memfosik
tanpa lesen.

Penjualan
mineral yang
diperolehi di
bawah lesen
memfosik
secara
menyalahi
menyalahi
undang-
undang.

Penalti
kerana
mendulang
tanpa lesen.

156. Mana-mana orang yang menjalankan pendulangan tanpa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penalti
kerana
menjalankan
penjelajahan
tanpa lesen.

157. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa penjelajahan—

- (a) tanpa suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan yang sah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini; dan
- (b) dalam hal tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah rizab atau kawasan butan simpanan, tanpa kebenaran bertulis pemunya tanah berimilik atau tanah pendudukan itu atau pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, atau kebenaran di bawah suatu perintah akses yang diperuntukkan di bawah seksyen 88 atau 91,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "penjelajahan" tidaklah termasuk pemfosikan.

Penalti
kerana
melombong
tanpa lesen
atau pajakan

158. Mana-mana orang yang menjalankan perlombongan tanpa suatu lesen atau pajakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini sama ada atau tidak apa-apa mineral didapati adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penalti
kerana
ketungkiran
terma atau
syarat.

159. Mana-mana pemegang sesuatu tenemen mineral yang memungkiri atau tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat tenemen mineral itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

160. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana orang yang memindahkan melampaui sempadan tanah lombong bagi apa-apa maksud—

Pemindahan
dari tanah
lombong
secara
menyalahi
undang-
undang.

- (a) mana-mana balak atau hasil hutan yang lain;
- (b) mana-mana tumbuhan, sayuran, haiwan, ayam itik atau ikan; atau
- (c) mana-mana batu karang, tanah, kelikir, guano, lom, batu, pasir, cengkerang, lempung, batu bata, kapur, simen atau komoditi lain yang dikilangkan daripada bahan itu, yang diperolehi dari atau di atas tanah lombong itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan diperintahkan membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri nilai benda yang dipindahkan itu dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar sedemikian boleh didapatkan seolah-olah ia merupakan suatu denda yang dikenakan sedemikian.

161. Mana-mana pemegang yang tidak membayar amaun atau fi dikehendaki di bawah Enakmen ini ke dalam—

- (a) Kumpulan Wang Pemulihan Lombong; atau Bersama.
- (b) Kumpulan Wang Pemulihan Bersama,

Penalti
kerana tidak
membayar ke
dalam
Kumpulan
Wang
Pemulihan
Lombong
atau
Bersama.

mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua kali ganda apa-apa amaun yang tertunggak atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

162. Mana-mana orang yang mengganggu, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Mengganggu,
memindahkan,
merosakkan
atau
memusnahkan
apa-apa

Kehilangan atau pembinasaan apa-apa benda yang disita.

Penalti kerana tidak mematuhi perintah atau arahan yang sah.

Kesalahan berkenaan dengan maklumat.

- 163.** Mana-mana orang yang menyebabkan kehilangan atau pembinasaan apa-apa benda yang hendak disita di bawah Enakmen ini dengan niat untuk mencegah penyitaannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- 164.** Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang sah yang dikeluarkan atau diberikan oleh mana-mana pegawai diberikuasa pada melaksanakan fungsinya di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- 165.** (1) Mana-mana orang yang—
- (a) mengemukakan maklumat palsu dalam apa-apa permohonan, laporan atau dokumen lain di bawah Enakmen ini;
 - (b) memberikan atau menyebabkan diberikan kepada mana-mana pegawai diberikuasa apa-apa butir, maklumat atau pernyataan palsu berkenaan dengan apa-apa perkara yang pegawai itu menghendaki supaya diberikan di bawah Enakmen ini;
 - (c) enggan menjawab atau memberi suatu jawapan palsu kepada apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh mana-mana pegawai diberikuasa bagi maksud memperolehi apa-apa butir, maklumat atau pernyataan yang dikehendaki supaya diberikan di bawah Enakmen ini;
 - (d) melencong, memalsukan atau menggunakan apabila dilencongkan atau dipalsukan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Enakmen ini atau apa-apa suratcara yang digunakan dalam menjalankan apa-apa urusan atau perkara di bawah Enakmen ini;

- (e) mengubah apa-apa dokumen atau suratcara atau melenceng meterai, tandatangan, tandatangan ringkas atau tanda-tanda lain bagi atau yang digunakan oleh mana-mana pegawai diberikuasa bagi penentusan mana-mana dokumen atau suratcara itu atau bagi apa-apa maksud lain dalam menjalankan apa-apa urusan atau perkara di bawah Enakmen ini;
- (f) memperdaya mana-mana pegawai diberikuasa, secara fraud atau selainnya, dengan mengeluarkan apa-apa dokumen atau membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa catatan dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Enakmen ini untuk membolehkan mana-mana orang menggerakkan, mengangkut, menghantar atau mengeksport bijih mineral mengikut apa-apa cara selain daripada apa-apa cara yang ditetapkan;
- (g) membuat atau cuba membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa catatan yang tak betul dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Enakmen ini;
- (h) menggunakan atau cuba menggunakan apa-apa kesilapan dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara, atau apa-apa catatan yang tak betul dalam apa-apa buku, dokumen atau suratcara yang disimpan bagi maksud Enakmen ini; atau
- (i) tidak atau cnggan mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh mana-mana pegawai diberikuasa,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini, apabila telah dibuktikan bahawa apa-apa permohonan,

adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilencungkan keseluruhannya atau sebahagiannya mengenai apa-apa butir material, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa permohonan, maklumat, pernyataan, buku, dokumen atau suratcara itu adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilencongkan mengenai suatu butir material, mengikut kehendak keadaan, kepada pengetahuan orang yang membekalkannya:

Dengan syarat bahawa orang itu tidaklah boleh didapati melakukan suatu kesalahan jika dia membuktikan bahawa dia telah bertindak dengan suci hati dan tidak ada alasan yang munasabah untuk menyangka bahawa permohonan, maklumat, pernyataan, buku, dokumen atau suratcara demikian adalah palsu, tak betul, mengelirukan atau dilencongkan.

Menggalang
pegawai
diberikuasa.

166. Mana-mana orang yang menggalang, pegawai menyerang atau mengganggu mana-mana pegawai diberikuasa pada melaksanakan fungsinya di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan
maklumat
sulit.

167. Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa maklumat sulit dengan melanggar seksyen 177 atau 178 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penyalah-
gunaan
kuasa.

168. Mana-mana orang yang, dalam berupa sebagai menjalankan kuasa di bawah Enakmen ini, secara menyusahkan dan tak perlu menyita atau menahan apa-apa mineral, keluaran mineral, alat pengangkutan, kelengkapan, buku, dokumen atau benda lain adalah melakukan suatu kesalahan.

Percubaan
dan
persubahatan.

169. Mana-mana orang yang cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau bersubahatan melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

- 170.** Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini merupakan suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah seorang pengarah urusan, pengurus atau pegawai serupa itu yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu, boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan, maka tiap-tiap pengarah urusan, pengurus atau pegawai itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.
- 171.** Mana-mana orang yang akan dikenakan apa-apa penalti di bawah Enakmen ini bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan sekiranya perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.
- 172.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dikenakan, dalam hal sesuatu kesalahan berterusan, sebagai tambahan kepada apa-apa denda yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini, selanjutnya didenda sebanyak dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
- 173.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Kesalahan yang dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmat.

Penalti bagi kesalahan yang berterusan.

Penalti am.

Pengkom-
paunkan
kesalahan.

174. (1) Pengarah atau Timbalan Pengarah boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini, yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah atau Timbalan Pengarah apa-apa amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat; dan
- (b) apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan dengan serta merta.

(4) Kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan sendiri oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah.

BAB 4

AM

175. (1) Tiada prosiding bagi, atau berhubungan dengan, mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pemulaan prosiding dan penjalanan pendakwaan.

(2) Mana-mana pegawai diberikuasa yang diberikuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini.

176. Apa-apa wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini boleh didapatkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui prosiding sivil sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Mendapatkan wang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

177. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada apa-apa maklumat yang terkandung dalam apa-apa laporan yang dikemukakan bagi memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan mana-mana lesen mencarigali atau lesen penjelajahan kepada mana-mana pegawai diberikuasa boleh didedahkan oleh pegawai diberikuasa itu—

Larangan terhadap pendedahan maklumat.

- (a) selama tempoh tiga tahun dari tarikh laporan itu dikemukakan; atau
- (b) selama tempoh satu tahun dari tarikh penamatan lesen itu,

mengikut mana-mana tempoh yang mula-mula habis tempoh sedemikian, kecuali dengan keizinan bertulis pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada maklumat yang terkandung dalam apa-apa laporan yang dikemukakan bagi memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan mana-mana pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya kepada mana-mana pegawai diberikuasa boleh didedahkan oleh pegawai diberikuasa itu selama tempoh satu tahun dari tarikh penamatan pajakan atau lesen itu kecuali dengan keizinan bertulis pemegang pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya itu.

(3) Segala maklumat yang dikemukakan bagi menyokong sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu tenemen mineral atau untuk membaharuinya dan dibekalkan kepada mana-mana pegawai diberikuasa hendaklah disimpan sulit oleh pegawai diberikuasa itu—

- (a) jika permohonan itu ditolak, selama tempoh enam bulan dari tarikh penolakan itu; atau
- (b) jika permohonan itu diluluskan, selama tempoh enam bulan dari tarikh penamatan tenemen mineral itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1), (2) atau (3) boleh berkuatkuasa untuk menghalang pendedahan maklumat jika pendedahan itu dibuat—

- (a) bagi atau berkaitan dengan pentadbiran sewajarnya Enakmen ini;
- (b) bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang;
- (c) bagi maksud apa-apa penyiasatan atau siasatan yang dijalankan di bawah Enakmen ini;
- (d) kepada mana-mana perunding kepada Pihak Berkuasa Negeri atau kepada mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Pengarah untuk menerima maklumat itu; atau

- (e) bagi atau berkaitan dengan penyediaan perangkaan oleh Pihak Berkuasa Negeri [Sabah dan Sarawak: Kerajaan Negeri] atau Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan penjelajahan atau pengendalian melombong.
- (5) Dalam seksyen ini, "tarikh penamatan" ertinya—
- berhubungan dengan suatu lesen mencarigali, lesen penjelajahan dan lesen melombong tuan punya, tarikh penyerahan, pembatalan atau habis tempoh lesen itu, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu; dan
 - berhubungan dengan suatu pajakan melombong, tarikh penyerahan, pelucuthakan atau habis tempoh, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

178. Mana-mana pegawai diberikuasa yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Enakmen ini yang mempunyai apa-apa maklumat yang jika diketahui secara umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menjejas secara material sesuatu aktiviti penjelajahan atau perlombongan yang—

Larangan
penyalah-
gunaan
maklumat
yang didapati
atas sifat
rasmi.

- dipegangnya oleh sebab sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu; dan
- adalah munasabah untuk menjangka tidak akan didedahkan oleh seseorang yang mempunyai atau pernah mempunyai sifat rasminya itu kecuali bagi pelaksanaan sepatutnya fungsi yang bersangkutan dengan sifat rasmi itu,

tidak boleh menggunakan secara tak patut maklumat demikian untuk memperolehi, secara langsung atau tak langsung, manfaat bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain.

Kad kuasa.

179. (1) Tiap-tiap pegawai diberikuasa yang diberi kuasa untuk bertindak di bawah Enakmen ini hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya pegawai diberikuasa itu bertindak atau yang daripadanya pegawai diberikuasa itu meminta apa-apa maklumat kad kuasanya yang dikeluarkan secara rasmi kepadanya.

(2) Mana-mana orang boleh enggan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah mana-mana pegawai diberikuasa yang bertindak di bawah Enakmen ini jika pegawai diberikuasa itu enggan menyatakan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya apabila diminta oleh orang itu.

Perlindungan pegawai.

180. Tiada pegawai diberikuasa yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Enakmen ini boleh menanggung apa-apa liabiliti persendirian bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan olehnya pada menjalankan kewajipan di bawah Enakmen ini melainkan jika kerugian atau kerosakan itu telah disebabkan dengan sengaja atau oleh perbuatan melulu atau kecuaian melampau.

Pengukuran sempadan bagi menyelesaikan pertikaian.

181. (1) Jika berlaku sesuatu pertikaian mengenai sempadan antara seorang pemegang lesen mencarigali atau lesen penjelajahan dan pemunya tanah yang bersempadan dengan atau di dalam kawasan mencarigali atau penjelajahan yang berkenaan dengannya lesen itu telah diberikan, mana-mana satu pihak boleh memohon kepada Pengarah supaya suatu pengukuran sempadan dijalankan untuk menyelesaikan pertikaian itu.

(2) Kos pengukuran sempadan hendaklah dibayar oleh mana-mana pihak kepada pertikaian itu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

Penyampaian notis.

182. (1) Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan atau disampaikan di bawah Enakmen ini boleh, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan, dihantar melalui pos berdaftar kepada orang yang tersentuh olehnya.

(2) Jika sesuatu notis disampaikan melalui pos berdaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada hari yang berikutnya hari notis itu sepatutnya diterima, dalam penjalanan biasa pos, jika notis itu dialamatkan—

- (a) dalam hal sesuatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, kepada pejabat berdaftar syarikat itu;
- (b) dalam hal sesuatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia, sama ada kepada individu yang diberikuasa untuk menerima penyampaian proses di bawah Akta Syarikat 1965, di alamat yang *Akta 125.* difaiklan dengan Pendaftar Syarikat atau kepada pejabat berdaftar syarikat itu, di mana juga letaknya;
- (c) dalam hal seseorang individu atau suatu kumpulan orang, kepada alamat perniagaan atau alamat persendirian individu atau kumpulan orang itu yang terakhir diketahui.

(3) Jika seseorang yang padanya dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Enakmen ini diberitahu tentang hakikat bahawa adanya surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia dimaklumkan sedemikian.

183. Enakmen ini tidak terpakai bagi—

Ketakpakaian
Enakmen.

- (a) penjelajahan saintifik atau pendidikan melainkan jika penjelajahan itu dijalankan dengan niat untuk mengesan mineral bagi maksud perlombongan; dan
- (b) penyiasatan mineral yang dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian bagi menentukan ketakwujudan mineral ekonomi di dalam sesuatu kawasan sebelum melepaskan kawasan tersebut bagi maksud selain daripada

Negeri atau ejennya boleh menjalankan penjelajahan.

184. (1) Pihak Berkuasa Negeri atau ejennya yang diberikuasa secara bertulis olehnya boleh menjalankan penjelajahan mineral di atas mana-mana tanah dalam Negeri.

(2) Jika—

- (a) seseorang pekerja Kerajaan Negeri; atau
- (b) seseorang ejen yang diberikuasa di bawah subseksyen (1),

menjalankan penjelajahan mineral di atas mana-mana tanah selain daripada tanah Kerajaan, dia hendaklah bertanggungan untuk membayar pampasan—

- (i) dalam hal tanah berimilik atau tanah pendudukan, kepada pemunyanya; dan
- (ii) dalam hal tanah rizab atau kawasan hutan simpanan, kepada pegawai yang pada masa ini mempunyai kawalan ke atas tanah itu,

bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau gangguan yang disebabkan oleh penjelajahan itu.

(3) Jika terdapat suatu pertikaian antara pihak-pihak itu mengenai amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (2), perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu keputusan.

(4) Tiada ejen yang diberikuasa di bawah subseksyen (1) untuk menjalankan penjelajahan mineral boleh diberikan suatu pajakan melombong di atas mana-mana tanah yang ejen itu telah jelajahi bagi pihak Negeri.

Pemindahan kapal korek dari satu blok tanah lombong ke satu blok tanah lombong yang lain.

185. (1) Jika mana-mana orang yang menduduki dua atau lebih blok tanah lombong yang tidak berdampingan—

- (a) telah menjalankan pengendalian yang lain melombong di atas mana-mana satu blok dengan menggunakan suatu kapal korek; dan

(b) telah membuktikan sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Negeri bahawa untuk menjimatkan pengeraian mana-mana satu blok lain adalah perlu kapal korek itu dipindahkan ke blok yang satu lagi itu mengikut suatu laluan yang akan dikorek oleh kapal korek itu melalui tanah yang berselang itu,

adalah sah bagi Pihak Berkuasa Negeri, selepas mengadakan suatu siasatan, mengeluarkan kepada orang itu suatu lesen dalam Borang J yang dinyatakan dalam Jadual I, apabila dibayar fi yang ditetapkan, tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan, untuk memindahkan kapal korek itu melalui tanah tersebut, dan sesudah itu adalah sah bagi orang itu memasuki tanah tersebut dan melakukan apa-apa perkara yang perlu bagi membolehkan kapal korek itu dipindahkan dengan sewajarnya.

(2) Sebelum mengeluarkan lesen di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri—

(a) hendaklah menentukan jalan laluan yang akan dikorek oleh kapal korek itu melalui tanah yang berselang itu;

(b) hendaklah berpuas hati bahawa jalan itu merupakan satu-satunya jalan yang akan menyebabkan paling sedikit kerosakan kepada tanah berselang itu; dan

(c) hendaklah mengambil kira masa yang sesuai bagi pihak-pihak yang berkenaan dalam pemindahan kapal korek itu.

(3) Pemegang suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen ini adalah dilarang daripada menjalankan pengendalian melombong di atas dan memindahkan apa-apa mineral dari mana-mana tanah yang baginya lesen itu terpakai.

(4) Mana-mana orang yang berhasrat membuat apa-apa tuntutan pampasan berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah ditanggung olehnya oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh pemegang lesen yang bertindak menurut suatu lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengemukakan butir tuntutan itu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri tidak kemudian dari enam bulan selepas kerugian atau kerosakan demikian ditanggung, dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu membuat suatu perintah mengarahkan pemegang lesen itu membayar pihak yang menuntut pampasan dalam apa-apa amaun yang dinyatakan dalam perintah itu, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri mengenai amaun pampasan itu adalah muktamad.

(5) Lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri apabila terbukti bahawa pemegang lesen itu telah tidak menepati atau mematuhi apa-apa terma atau syaratnya.

Peruntukan
berhubungan
dengan
siasatan.

186. (1) Dalam seksyen ini, "Pihak Berkuasa Negeri" termasuklah Pengarah dan mana-mana orang lain yang dikehendaki atau diberi kuasa untuk mengadakan suatu siasatan.

(2) Tiap-tiap siasatan yang diadakan di bawah mana-mana peruntukan Enakmen ini—

- (a) hendaklah dijalankan mengikut peruntukan seksyen ini;
- (b) hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (c) hendaklah dibuka kepada awam melainkan jika Pihak Berkuasa Negeri memerintahkan selainnya atas alasan yang hendaklah direkodkan olehnya.

(3) Sebelum mengadakan mana-mana siasatan, Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) hendaklah memberi notis siasatan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai mengikut hal keadaan kes; dan
- (b) hendaklah menyampaikan kepada mana-mana orang atau badan yang diketahui olehnya berminat dalam hal perkara siasatan itu suatu salinan notis itu yang padanya hendaklah dilampirkan suatu notis tambahan dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkannya perlu atau suai-manfaat berbuat sedemikian—

- (a) pada bila-bila masa mengkensem atau menunda mana-mana siasatan yang dicadangkan diadakan, atau menukar tempatnya; atau
- (b) menangguhkan dari semasa ke semasa pendengaran mana-mana siasatan.

(5) Mana-mana orang atau badan yang mendakwa berminat dalam hal perkara siasatan yang dicadangkan itu boleh, melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepada Pihak Berkuasa Negeri, memohon suatu penundaan atau pertukaran tempat dan permohonan itu—

- (a) hendaklah menyatakan sebab yang baginya penundaan atau pertukaran tempat itu diminta; dan
- (b) hendaklah menunjukkan juga jenis apa-apa keterangan yang dicadang hendak diberi atau kemukakan oleh atau bagi pihak pemohon.

(6) Notis mana-mana pengkensem, penundaan, pertukaran tempat atau penangguhan yang disebut dalam subseksyen (4) hendaklah diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada tiap-tiap orang atau badan yang kepadanya notis siasatan telah diberi atau disampaikan di bawah subseksyen (3), dan mengikut apa-apa cara lain yang didapati sesuai mangikut hal keadaan kes.

(7) Pada menjalankan siasatan, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mempunyai kuasa berikut—

- (a) untuk memperolehi dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa mana-mana orang sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk diperolehi atau diperiksa;
- (b) untuk menghendaki keterangan, bertulis atau lisan, mana-mana saksi dibuat atas sumpah atau ikrar (apa-apa sumpah atau ikrar itu hendaklah yang boleh dikehendaki daripada saksi itu jika dia memberi keterangan di Mahkamah Tinggi) atau melalui pengakuan berkanun; dan
- (c) untuk memanggil mana-mana orang untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya dan untuk memeriksanya sebagai seorang saksi atau menghendakinya supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya.

(8) Jika Pihak Berkuasa Negri berpuas hati bahawa seseorang yang, di bawah subseksyen (3)—

- (a) setelah dipanggil menghadiri mana-mana siasatan itu, tidak berbuat demikian;
- (b) setelah dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain, tidak berbuat demikian; atau
- (c) setelah dikehendaki untuk menjawab apa-apa soalan, enggan berbuat demikian,

ia boleh memperakui secara bertulis ketakhadiran atau untuk ketakpengemukaan dokumen atau keengganan untuk menjawab soalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan memaklumkan Majistret dengan sewajarnya.

(9) Seseorang yang memberi keterangan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak keterangan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab apa-apa soalan.

(10) Jika suatu perakuan diberikan di bawah subseksyen (8), Majistret hendaklah menyiasat kes itu dan, jika dia berpuas hati bahawa orang yang dimaksudkan dalam perakuan itu telah, tanpa alasan yang munasabah, tidak menghadiri atau tidak enggan mematuhi kehendak yang disebut dalam perakuan itu dia hendaklah memerintahkan orang itu hadir atau mematuhi kehendak itu di suatu perbicaraan di hadapan Pihak Berkuasa Negeri yang mengadakan siasatan itu yang diadakan pada suatu masa dan di suatu tempat yang dinyatakan dalam perintah itu.

187. (1) Jika ternyata kepada mana-mana pegawai diberikuasa bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk atau mempercayai bahawa mana-mana bangunan atau binaan telah didirikan tanpa kebenaran di bawah Enakmen ini bagi maksud menjelajah atau melombong mineral, pegawai itu boleh memusnahkan, merobohkan atau memindahkan mana-mana bangunan atau binaan itu atau mengambil milikannya atas nama Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa untuk
merobohkan
bangunan
atau binaan.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu kawasan di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

BAHAGIAN XIII

PERATURAN-PERATURAN

188. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa perkara yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

Peraturan-
peraturan.

(2) Khususnya dan tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) secara am menetapkan dan membuat peruntukan bagi fi, sewa dan royalti di bawah Enakmen ini dan cara untuk memungut dan membayar balik fi, sewa dan royalti itu;
- (b) menetapkan kesalahan di bawah Enakmen ini yang boleh dikompaunkan dan cara dan prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan itu;
- (c) membenarkan remitan, rebet atau tangguhan pembayaran sewa dan peremitan fi;
- (d) menetapkan kuasa dan kewajipan pegawai yang dilantik di bawah Enakmen ini;
- (e) mengubah, menambah atau membatalkan mana-mana Borang yang terkandung dalam Jadual I dan menetapkan Borang tambahan;
- (f) menetapkan pengemukaan penyata perangkaan dan penyimpanan dan pengemukaan buku dan pelan oleh pemunya mana-mana lombong;
- (g) menetapkan kandungan mana-mana kajian kebolehlaksanaan, pelan pemulihan, pengukuran, pelan, laporan atau apa-apa taksiran lain yang perlu bagi maksud Enakmen ini;
- (h) menetapkan aktiviti yang tidak dibenarkan di dalam sesuatu rizab mineral;
- (i) menetapkan terma atau syarat sesuatu tenemen mineral yang diberikan ke atas mana-mana tanah Kerajaan, tanah berimilik, tanah pendudukan, tanah rizab atau kawasan hutan simpanan;
- (j) menetapkan prosedur dan kehendak tawaran bersaing untuk mendapatkan tenemen mineral;

- (k) menetapkan prosedur, cara dan bentuk bagi permohonan, pemberian, pembaharuan, peluasan, pengeluaran, pendaftaran dan untuk merekodkan mana-mana tenemen mineral, lesen air dan permit air; dan
- (l) membuat peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang pada amnya menguatkuasakan peruntukan Enakmen ini.

BAHAGIAN XIV

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

189. (1) Peruntukan Enakmen Melombong N.M.B. Bab 147 adalah dengan ini dimansuhkan.

Peruntukan
pemansuhan,
kecualian dan
peralihan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah atau mengikut Enakmen termansuh hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu tidak tak konsisten dengan Enakmen ini terus berkuatkuasa sehinggalah dipinda, dibatalkan atau digantikan oleh Enakmen ini.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) memansuhkan atau meminda mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Enakmen ini —
 - (i) yang dijadikan usang atau tak perlu oleh mana-mana peruntukan Enakmen ini;
 - (ii) bagi maksud menyesuaikan peruntukannya dengan peruntukan Enakmen ini; atau
 - (iii) bagi membuat pertambahan kepada peruntukan yang tersebut dahulu yang disebut dalam subperenggan (ii) mengenai apa-apa perkara;

(b) membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya perlu atau suai-manfaat bagi maksud menghapuskan kesulitan yang disebabkan oleh mula berkuatkuasanya Enakmen ini,

dan mana-mana perintah sedemikian boleh dibuat supaya mempunyai kuatkuasa mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Enakmen ini.

(4) Tiada apa-apa pun dalam Enakmen ini boleh mentaksahkan mana-mana lesen, permit, hak, keistimewaan atau kebenaran lain yang diberikan dengan sah di bawah Enakmen termansuh dan lesen, permit, hak, keistimewaan atau kebenaran lain itu hendaklah terus berkuatkuasa dan disifatkan sebagai telah dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(5) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Enakmen ini, memegang apa-apa jawatan yang perlantikannya boleh dibuat di bawah Enakmen ini hendaklah kekal dalam jawatan itu, dan disifatkan bagi maksud Enakmen ini telah dilantik sedemikian.

JADUAL I

BORANG A

Enakmen Mineral (Selangor) 2000 (Subseksyen 21(5))

LESEN MEMFOSIK

No. Lesen:	F
Tarikh dikeluarkan:
Tarikh habis tempoh:
Tarikh pengkenselan:
Nama pemegang lesen:
No. K.P.P.N:
Alamat pemegang lesen:

Perihal kawasan: (lihat peta yang dilampirkan)
 Daerah: Daerah kecil:
 No. Syit Peta:
 Penentuan blok:
 (Unit-unit RSO/unit-unit suku)

Lesen ini memberikan pemegangnya memfosik semua mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dikensiakan, tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini

Bertarikh, N.B.: menyatakan.....

Fee dibayar: RM No. Resit:

.....
.....

(L.S.)

(M.S.)

Pengarah Tanah dan Galian

.....

BORANG B
(Lepas Syarat A)
Enakmen Mineral (Selangor) 2000
(Subseksyen 28(5))

LESEN MENDULANG:

No. Lesen: D
 Tarikh dikeluarkan:
 Tarikh habis tempoh:
 Tarikh pengkensiakan:
 Nama pemegang lesen:
 No. K.P.P.N:
 Alamat pemegang lesen:

Perihal kawasan: (lihat peta yang dilampirkan)

Daerah: Daerah kecil:

No. Syit Peta:

Mineral untuk didulang:

Lesen ini membenarkan pemegangnya mendulang mineral yang tersebut dahulu di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dikenselkan, tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

Fee dibayar: RM..... No. Resit:

(M.S.)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG C

Enakmen Mineral (Selangor) 2000

(Subseksyen 35(4))

LESEN MELOMBONG INDIVIDU

No. Lesen: IML

Tarikh dikeluarkan:

Tarikh habis tempoh:

Tarikh pengkenselan:

Nama pemegang lesen:

No. K.P.P.N:

Alamat pemegang lesen:

Perihal kawasan: (lihat peta yang dilampirkan)

Daerah: Daerah kecil:

No. Syit Peta:

No. Pemberitahuan Warta:

Lesen ini membenarkan pemegangnya melombong apa-apa mendapan mineral selain daripada syal minyak atau minyak mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dikenselkan, tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

Fee dibayar: RM No. Resit:

(M.S.)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG D

Enakmen Mineral (Selangor) 2000

(Perenggan 41(7)(a))

LESEN MENCARIGALI

No. Lesen: PL

Tarikh dikeluarkan:

Tarikh habis tempoh:

Tarikh pengkenselan:

Nama pemegang lesen:

No. K.P.P.N:

Alamat pemegang lesen:

Perihal kawasan: (lihat peta yang dilampirkan)

Daerah: Daerah kecil:

No. Syit Peta:

Penentuan blok:

(Unit-unit RSO/unit-unit suku)

Kawasan permulaan:

Kawasan akhir:

Kawasan permulaan: hektar

Lesen ini membenarkan pemegangnya mencarigali semua mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dikenselkan, tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

Fee dibayar: RM..... No. Resit:.....

(M.S.) Pengarah Tanah dan Galian (J.M.)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG E

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000

ENAKMEN MINERAL (SELANGOR) 2000

(Perenggan 41(7)(b))

LESEN PENJELAJAHAN

No. Lesen: EL W (J.M.)

Tarikh dikeluarkan: (J.M.)

Tarikh habis tempoh: (J.M.)

Tarikh pengkenselan: (J.M.)

Nama pemegang lesen: (J.M.)

No. K.P.P.N: (J.M.)

Alamat pemegang lesen: (J.M.)

Perihal kawasan: (lihat peta yang dilampirkan)
 Daerah: Daerah kecil:
 No. Syif Peta:
 Penentuan blok: (Unit-unit RSO/unit-unit suku)
 Kawasan permulaan: hektar
 Lesen ini membenarkan pemegangnya mencarigali semua mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dikenakan tertakluk kepada termasuk atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama dengan lesen ini, manakala masih berada dalam pengawalskap oleh pegawai awam di bawah undang-undang dan peraturan negara yang berkuat kuasa pada masa ini.

Bertarikh:
 Fee dibayar: RM No. Resit:

(M.S.) *[Signature]* Nombor Rasmi: (S.16)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG F

Enakmen Mineral (Selangor) 2000 (Subseksyen 63(12))

PAJAKAN MELOMBONG

Rujukan fail:
 No. Pajakan/Pendaftaran: ML
 No. Lot:
 Kawasan:
 Bandar/Kampung/Mukim:
 Daerah:
 Tarikh pendaftaran:
 Tempoh pajakan:
 Tarikh habis tempoh:

Sewa tahunan:
Nama penerima pajak:
N. K.P.P.N. (Jika berkenaan):
Alamat penerima pajak :

Sebagai balasan pembayaran sewa tahunan yang kena dibayar sebanyak RM....., tanah yang disebut di atas yang, bagi maksud pengenal-pastian, ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, adalah dipegang bagi tempoh di atas oleh penerima pajak yang dinamakan dalam rekod hakmilik di halaman sebelah untuk melombong mineral tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan perlombongan dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

(M.S.)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG G

**Enakmen Mineral 2000
(Subseksyen 81(10))**

LESEN MELOMBONG TUANPUNYA

Rujukan fail:
No. Lesen Melombong
Tuanpunya/Pendaftaran: PML
No. Lot/L.O.:
No. hakmilik semasa:
Kawasan:
Bandar/Kampung/Mukim:
Daerah:
Tarikh pendaftaran:
Tempoh pajakan:

Tarikh habis tempoh:
 Sewa tahunan:
 Nama pemegang lesen
 N. K.P.P.N. (Jika terpakai):
 Alamat pemegang lesen:

 yak
 ng.
 ing
 ma
 jar
 ang
 na-
 dan

Sebagai balasan pembayaran sewa tahunan yang kena dibayar sebanyak RM tanah yang disebut di atas yang, bagi maksud pengenal-pastian, ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, adalah dipegang bagi tempoh di atas oleh penerima pajak yang dinamakan dalam rekod hakmilik di halaman sebelah untuk melombong mineral tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan perlombongan dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

(M.S.)

Pengarah Tanah dan Galian

BORANG II

Enakmen Mineral (Selangor) 2000
 (Subseksyen 100(5))

LESEN AIR

No. Lesen: WL
 Tarikh dikeluarkan:
 Tarikh habis tempoh:
 Tarikh pengkensem:
 Nama pemegang lesen:
 No. K.P.P.N. (jika berkenaan):
 Nama syarikat yang mengendalikan:

 Nama sungai/anak sungai:

Pajakan melombong/lesen melombong tuanpunya.....
Daerah.....
.....

Tertakluk kepada hak yang sedia ada berkenaan dengan air dari sungai/anak-sungai yang dinamakan di atas, Lembing dengan ini memberi pemegang lesen yang dinamakan di atas, hak melengong dan mengambil dan menggunakan air dari sungai/anak sungai tersebut jika dan apabila ada bagi maksud pengendalian melombong tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Beftarikhni.....

Fee dibayar: RM..... No. Resit.....

(M.S.)

*Lembaga Urus Air Selangor***BORANG I**

Enakmen Mineral (Selangor) 2000
(Subseksyen 10(2))

PERMIT AIRA nom. A663

No. Permit: **WP.....**

Tarikh dikeluarkan: **10/12/2000**

Tarikh habis tempoh: **10/12/2001**

Tarikh pengkenselan: **10/12/2000**

Nama pemegang permit: **.....**

No. K.P.P.N. (jika berkenaan): **.....**

Nama syarikat yang mengendalikan: **.....**

Nama sungai/anak sungai: **.....**

Pajakan melombong/lesen melombong tuanpunya: **.....**

Mukin dan Daerah: **.....**

Kebenaran adalah dengan ini diberi kepada pemegang permata untuk mengambil air dari Sungai/ anak sungai yang diharamkan di atas bagi maksud pengendalian melombong tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

....., 2002. iiii. 144 pada hari ini.

Fee dibayar: RM..... No. Resit:.....

.....
.....
.....

(M.S.)

Lembaga Urus Air Selangor

.....

BORANG J

Enakmen Mineral (Selangor) 2000
(Subseksyen 185(1))

LESEN MEMINDAHKAN KAPAL KOREK

No. Lesen: RDL MGL.....

Nama pemegang lesen:.....

Daerah:.....

Butir-butir Kapal Korek:.....

Pajakan melombong yang hendak dikerjakan:.....

Tanah-tanah berselang:.....

Tempoh lesen:.....

dari hingga

Lesen ini membenarkan pemegangnya memindahkan kapal korek yang disebut di atas melalui tanah berselang tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh.....

Fee dibayar: RM..... No. Resit:.....

(M.S.)

*Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan
Negeri/Pengarah Tanah dan Galian*

JADUAL II

PERUNTUKAN KANUN TANAH NEGARA

1. Seksyen 16
2. Perenggan 46(1)(a) dan (c)
3. Seksyen 47
4. Seksyen 98
5. Seksyen 106
6. Seksyen 107
7. Perenggan 164(1)(a) dan subseksyen 164(2)
8. Perenggan 165(1)(a), subseksyen 165(2) dan 165(3)
9. Perenggan 166(1)(a) hingga (d) dan subseksyen 166(2) dan (3)
10. Seksyen 167
11. Seksyen 168
12. Seksyen 169
13. Subperenggan 170(1)(a)(i), 170(1)(b), 170(2)(b)(i) dan perenggan 170(2)(c)
14. Subseksyen 174(1) dan (2)

15. Seksyen 175
16. Seksyen 175A
17. Seksyen 175B
18. Seksyen 175C
19. Seksyen 175D
20. Seksyen 175E
21. Seksyen 175F
22. Perenggan 214(1)(a) hingga (d) dan subseksyen 214(2) dan (3)
23. Seksyen 205 hingga 212
24. Subseksyen 215(1) dan (2) dan perenggan 215(3)(c) dan (d)
25. Seksyen 216
26. Seksyen 217
27. Subseksyen 218(2)
28. Seksyen 219
29. Bab 1 Bahagian Enam belas
30. Bab 2 Bahagian Enam belas
31. Seksyen 253 hingga 259 kecuali perenggan 256 (1)(b) dan (c)
32. Seksyen 266
33. Subseksyen 267(1)
34. Seksyen 268
35. Seksyen 269
36. Bab 5 Bahagian Enam belas
37. Bab 6 Bahagian Enam belas
38. Seksyen 292 hingga 314
39. Seksyen 319 hingga 339
40. Seksyen 340
41. Seksyen 341
42. Seksyen 342
43. Seksyen 343
44. Seksyen 344

45. Seksyen 345	171 menyatakan	12
46. Seksyen 346 hingga 351	172 menyatakan	13
47. Seksyen 375 hingga 383 kecuali seksyen 376	173	1
48. Seksyen 384 hingga 386	174 menyatakan	21
49. Seksyen 417 hingga 421A	175 menyatakan	21
	176 menyatakan	101
	177 menyatakan	15

Diluluskan pada 29hb Mac 2000.

[P.U. Sel. Am 0224, DUN Sel. 30287/F Jld. 31]

178 menyatakan

179 menyatakan

180 menyatakan

181 menyatakan

182 menyatakan

183 menyatakan

184 menyatakan

185 menyatakan

186 menyatakan

187 menyatakan

188 menyatakan

189 menyatakan

190 menyatakan

191 menyatakan

192 menyatakan

193 menyatakan

194 menyatakan

195 menyatakan

196 menyatakan

197 menyatakan

198 menyatakan

199 menyatakan

200 menyatakan

201 menyatakan

202 menyatakan

203 menyatakan

204 menyatakan

205 menyatakan

206 menyatakan

207 menyatakan

208 menyatakan

209 menyatakan

210 menyatakan

211 menyatakan

212 menyatakan

213 menyatakan

214 menyatakan

215 menyatakan

216 menyatakan

217 menyatakan

218 menyatakan

219 menyatakan

220 menyatakan

221 menyatakan

222 menyatakan

223 menyatakan

224 menyatakan

225 menyatakan

226 menyatakan

227 menyatakan

228 menyatakan

229 menyatakan

230 menyatakan

231 menyatakan

232 menyatakan

233 menyatakan

234 menyatakan

235 menyatakan

236 menyatakan

237 menyatakan

238 menyatakan

239 menyatakan

240 menyatakan

241 menyatakan

242 menyatakan

243 menyatakan

244 menyatakan

245 menyatakan

246 menyatakan

247 menyatakan

248 menyatakan

249 menyatakan

250 menyatakan

251 menyatakan

252 menyatakan

253 menyatakan

254 menyatakan

255 menyatakan

256 menyatakan

257 menyatakan

258 menyatakan

259 menyatakan

260 menyatakan

261 menyatakan

262 menyatakan

263 menyatakan

264 menyatakan

265 menyatakan

266 menyatakan

267 menyatakan

268 menyatakan

269 menyatakan

270 menyatakan

271 menyatakan

272 menyatakan

273 menyatakan

274 menyatakan

275 menyatakan

276 menyatakan

277 menyatakan

278 menyatakan

279 menyatakan

280 menyatakan

281 menyatakan

282 menyatakan

283 menyatakan

284 menyatakan

285 menyatakan

286 menyatakan

287 menyatakan

288 menyatakan

289 menyatakan

290 menyatakan

291 menyatakan

292 menyatakan

293 menyatakan

294 menyatakan

295 menyatakan

296 menyatakan

297 menyatakan

298 menyatakan

299 menyatakan

300 menyatakan

301 menyatakan

302 menyatakan

303 menyatakan

304 menyatakan

305 menyatakan

306 menyatakan

307 menyatakan

308 menyatakan

309 menyatakan

310 menyatakan

311 menyatakan

312 menyatakan

313 menyatakan

314 menyatakan

315 menyatakan

316 menyatakan

317 menyatakan

318 menyatakan

319 menyatakan

320 menyatakan

321 menyatakan

322 menyatakan

323 menyatakan

324 menyatakan

325 menyatakan

326 menyatakan

327 menyatakan

328 menyatakan

329 menyatakan

330 menyatakan

331 menyatakan

332 menyatakan

333 menyatakan

334 menyatakan

335 menyatakan

336 menyatakan

337 menyatakan

338 menyatakan

339 menyatakan

340 menyatakan

341 menyatakan

342 menyatakan

343 menyatakan

344 menyatakan

345 menyatakan

346 menyatakan

347 menyatakan

348 menyatakan

349 menyatakan

350 menyatakan

351 menyatakan

**ASMAWAN BIN SAMAT,
Setiausaha,**

**Dewan Undangan Negeri,
Selangor**

187 menyatakan

SELANGOR

IN THE

ENACTMENT No. 1 OF 2000

MINERAL (SELANGOR) ENACTMENT 2000

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title, commencement and application.

2. Interpretation.

3. Minerals vested in the State Authority.

4. Establishment of Committee.

5. Functions of Committee.

6. Meetings of Committee.

7. Appointment of officers.

8. Functions of Director.

9. Delegation of powers or functions by the State Authority.

10. Delegation of powers or functions by Director.

11. Members and officers to be public servants.

12. Miscellaneous.

13. Short title and date of commencement.

14. Commencement of section 1.

15. Commencement of section 2.

16. Commencement of section 3.

17. Commencement of section 4.

18. Commencement of section 5.

19. Commencement of section 6.

20. Commencement of section 7.

21. Commencement of section 8.

22. Commencement of section 9.

23. Commencement of section 10.

24. Commencement of section 11.

25. Commencement of section 12.

26. Commencement of section 13.

27. Commencement of section 14.

28. Commencement of section 15.

29. Commencement of section 16.

30. Commencement of section 17.

31. Commencement of section 18.

32. Commencement of section 19.

33. Commencement of section 20.

34. Commencement of section 21.

35. Commencement of section 22.

36. Commencement of section 23.

37. Commencement of section 24.

38. Commencement of section 25.

39. Commencement of section 26.

40. Commencement of section 27.

41. Commencement of section 28.

42. Commencement of section 29.

43. Commencement of section 30.

44. Commencement of section 31.

45. Commencement of section 32.

46. Commencement of section 33.

47. Commencement of section 34.

48. Commencement of section 35.

PART III**MINERAL TENEMENT—GENERAL****Section**

12. Persons to whom mineral tenements may be granted or transferred.
13. Mineral tenement may be granted over State land, etc.
14. Mineral tenement in certain land areas.
15. Areas closed to mineral tenement.
16. Area reserved for competitive bid.
17. Declaration of mineral reserve.
18. Application of the National Land Code.
19. Application for transfer of mineral tenement.
20. Effect of death, dissolution or other legal disability.

PART IV**MINERAL TENEMENT—LICENCE AND LEASE****CHAPTER 1****FOSICKING LICENCE**

21. Application for fossicking licence.
22. Statutory conditions of fossicking licence.
23. Duration of fossicking licence.
24. Licence personal to the holder and not transferable.
25. Rights under fossicking licence.
26. Prohibition of utilisation or sale.
27. Revocation of fossicking licence.

CHAPTER 2**DULANG LICENCE**

28. Application for dulang licence.
29. Statutory conditions of dulang licence.
30. Duration of dulang licence.
31. Licence personal to the holder and not transferable.
32. Rights under dulang licence.
33. Suspension and revocation of dulang licence.

CHAPTER 3

INDIVIDUAL MINING LICENCE

Section

- 34. Declaration of individual mining area.
- 35. Application for individual mining licence.
- 36. Statutory conditions of individual mining licence.
- 37. Duration of individual mining licence.
- 38. Licence personal to the holder and not transferable.
- 39. Rights under individual mining licence.
- 40. Suspension and revocation of individual mining licence.

CHAPTER 4

PROSPECTING LICENCE AND EXPLORATION LICENCE

- 41. Application for prospecting licence or exploration licence.
- 42. Statutory conditions of prospecting licence or exploration licence.
- 43. Duration and renewal of prospecting licence or exploration licence.
- 44. Terms or conditions and endorsement upon renewal of licence.
- 45. Prospecting licence with hard rock extension.
- 46. Fee for renewal or extension.
- 47. Transfer of prospecting licence or exploration licence.
- 48. Area of prospecting licence or exploration licence.
- 49. Rights under prospecting licence or exploration licence.
- 50. Voluntary relinquishment.
- 51. Holder of prospecting licence or exploration licence to be granted priority for grant of mining lease.
- 52. Commencement of field exploration.
- 53. Notice of discovery.
- 54. Bulk sampling, trial processing and sale of specimens and samples.
- 55. Prospecting licence or exploration licence shall continue to remain in force until application for renewal is determined.
- 56. Revocation of prospecting licence or exploration licence.

Section

Caption

57. Imposition of fine; remedying of breach or contravention.
 58. When revocation to take effect.
 59. Entry in register given to holder of mining lease.
 60. Surrender of prospecting licence or exploration licence.
 61. Restriction on application for prospecting licence or exploration licence given to holder of mining lease.
 62. Land over which mining lease may be granted.
 63. Application for mining lease.
 64. Right to mine contingent on obtaining approval of mine feasibility study, plan for rehabilitation, etc.
 65. Survey of mining lease area.
 66. Duration and renewal of mining lease.
 67. Transfer of mining lease.
 68. Area of mining lease.
 69. Lessee to be granted priority for prospecting licence or exploration licence in respect of contiguous areas.
 70. Rights under mining lease contingent to holder.
 71. Prohibition.
 72. Statutory conditions of mining lease.
 73. Submission of mine feasibility study for large scale operation.
 74. Notice of commencement of development work and mining.
 75. When development work and mining to commence.
 76. Liability to forfeiture.
 77. Imposition of fine, remedying of breach or contravention.
 78. When forfeiture to take effect.
 79. Effect of forfeiture.
 80. Surrender of land under mining lease.

CHAPTER 6 -

PROPRIETARY MINING LICENCE

Section

81. Application for proprietary mining licence.
82. Relevant provisions on mining lease authorising small scale operation to apply.
83. Revocation of proprietary mining licence.
84. Imposition of fine, remedying of breach or contravention.
85. When revocation to take effect.
86. Entry in register.
87. Surrender of proprietary mining licence.

or contravention.

Penalty

Relevant

Mining

licences or
permits

Operation

Control

and

anted.

Approval

of mine
etc.

Exploration

Access
to land

Exploration

mining
licences or
permits

Activity

Operation

Scale

and mining

Holding

contravention

licences

Control

and

PART V

ACCESS TO LAND

88. Access to reserved land or reserved forest area for exploration.
89. Access to alienated land or occupied land for exploration.
90. Mining beneath alienated land.
91. Access to mining land beneath alienated land.

PART VI

COMPENSATION

92. Compensation.
93. Deposit for payment of compensation.

PART VII

FINANCIAL OBLIGATIONS

94. Holding fees and rent.
95. Royalty.
96. Market value.
97. Property in minerals.
98. Collection of arrears of fee, rent, royalty, etc.

PART VIII

PROVISIONS REGARDING WATER

Section

99. Right to use water may be subject to licence.
100. Application for water licence.
101. Application for water permit.
102. Temporary suspension of water licence.
103. Temporary suspension of water permit.
104. Revocation of water licence.
105. Revocation of water permit.
106. Imposition of fine, remedying of breach or contravention.
107. Surrender of water licence and water permit.
(8) Pada dan selepas tarikh perletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletakhak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (1) yang

kepadanya Kerajaan Negeri adalah suatu pihak sebelum sahaja tarikh perletakhakan, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian sifatnya sehingga hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Kerajaan Negeri, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah syarikat pengganti itu telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu.

4. (1) Berbangkit daripada perletakhakan pada syarikat pengganti akan harta, hak dan liabiliti di bawah seksyen 3, syarikat pengganti itu hendaklah menerbitkan sekuriti-sekuriti syarikat pengganti itu sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha Kerajaan, selepas berunding dengan Menteri Besar, dari semasa ke semasa—

- (a) kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan; atau
 - (b) kepada mana-mana orang yang berhak menghendaki penerbitan sekuriti-sekuriti itu berikutan dengan pengumpukan permulaannya kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan.
- (2) Setiausaha Kerajaan tidak boleh memberi arahan di bawah subseksyen (1) pada masa apabila syarikat pengganti telah terhenti daripada dipunyai pada keseluruhannya oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan.
- (3) Sekuriti-sekuriti yang dikehendaki supaya diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah diterbitkan atau ditumpukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma mengenai pengumpukan, sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha Kerajaan, selepas berunding dengan Menteri Besar.

(4) Syer-syer yang diterbitkan menurut seksyen ini—

- (a) hendaklah pada apa-apa nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha Kerajaan; dan
- (b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud-maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah dibayarkan oleh sebab pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengganti.

Pemegangan
permulaan
Kerajaan
dalam
syarikat
pengganti.

(5) Setiausaha Kerajaan boleh, selepas berunding dengan Menteri Besar, melupuskan apa-apa sekuriti yang diterbikan atau apa-apa hak kepada sekuriti-sekuriti yang diumpukan pada mulanya kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan menurut seksyen ini.

(6) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan sebagai hak pada, atau atas pelupusan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Pelaburan
Kerajaan
dalam
sekuriti-
sekuriti
syarikat
pengganti.

Akta 61.

5. (1) Setiausaha Kerajaan boleh, selepas berunding dengan Menteri Besar, pada bila-bila masa, memperolehi—

- (a) sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau mana-mana subsidiari syarikat pengganti; atau
- (b) hak-hak untuk memohon beli mana-mana sekuriti sedemikian.

(2) Setiausaha Kerajaan boleh, selepas berunding dengan Menteri Besar, melupuskan mana-mana sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan berbangkit daripada peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Prosedur Kewangan 1957.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan sebagai hak ada, atau atas pelupusan, apa-apa sekuriti atau hak yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Penjalanan
fungsi-fungsi
Setiausaha
Kerajaan
melalui
penama-
penama.

6. Setiausaha Kerajaan boleh, selepas berunding dengan Menteri Besar, melantik orang-orang yang difikirkannya layak untuk bertindak sebagai penamanya bagi maksud-maksud seksyen 4 atau 5 dan—

- (a) sekuriti-sekuriti syarikat pengganti boleh diserahkan di bawah seksyen 4 kepada mana-mana penama Setiausaha Kerajaan yang dilantik

bagi maksud-maksud seksyen itu atau kepada mana-mana orang yang berhak menghendaki penerbitan sekuriti-sekuriti itu berikut dengan pengumpukan permulaannya kepada mana-mana penama tersebut; dan

- (b) mana-mana penama tersebut yang dilantik bagi maksud-maksud seksyen 5 boleh memperolehi sekuriti-sekuriti atau hak-hak mengikut seksyen itu.

(2) Mana-mana orang yang memegang apa-apa sekuriti atau hak sebagai penama Setiausaha Kerajaan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah memegang dan memperlakukannya atas apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha Kerajaan.

7. (1) Jika Setiausaha Kerajaan, selepas berunding dengan Menteri Besar, mengarahkan sedemikian pada bila-bila masa sebelum syarikat pengganti terhenti daripada dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan Negeri, sesuatu jumlah wang yang tidak melebihi untung terhasil terkumpul Jabatan Bekalan Air, Selangor, sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan itu; hendaklah dibawa oleh syarikat pengganti itu kepada suatu rizab, yang dalam seksyen ini disebut “*rizab statutori*”.

Struktur
kewangan
syarikat
pengganti.

(2) Rizab statutori itu hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer-syer tak terbit syarikat itu yang hendak diumpukan kepada anggota-anggota syarikat pengganti itu sebagai syer-syer bonus berbayar penuh.

(3) Bagi maksud-maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, nilai mana-mana aset atau hak atau amaun mana-mana liabiliti Kerajaan Negeri, yang dikira sebagai telah terletakhak pada syarikat pengganti itu menurut kuasa seksyen 3, hendaklah dikira sebagai nilai

atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang diberikan kepada aset, hak atau liabiliti itu dalam penyata akaun yang disediakan oleh Jabatan Bekalan Air, Selangor, berkenaan dengan tahun perakaunan genap terakhir Jabatan Bekalan Air, Selangor, yang berakhir sebelum tarikh perletakhakan.

(4) Bagi maksud-maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, amaun yang hendak dimasukkan berkenaan dengan mana-mana butiran hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan oleh Jabatan Bekalan Air, Selangor, sama ada secara memperolehi, menilai semula atau melupuskan mana-mana aset atau menanggung, menilai semula atau menyelesaikan mana-mana liabiliti, atau dengan membawa apa-apa amaun kepada mana-mana peruntukan rizab, atau selainnya, telah dilakukan oleh syarikat pengganti.

(5) Tanpa menjelaskan keluasan peruntukan subseksyen (4), amaun yang hendak dimasukkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana rizab syarikat pengganti sebagai merupakan untung terhasil terkumpulnya hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa untung yang dihasilkan dan dipegangsimpan oleh Jabatan Bekalan Air, Selangor, telah dihasilkan dan dipegangsimpan oleh syarikat pengganti.

(6) Sebutan-sebutan dalam seksyen ini mengenai akaun statutori syarikat pengganti adalah sebutan-sebutan mengenai apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengganti bagi maksud-maksud mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen ini, "tahun perakaunan genap" ertiannya sesuatu tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember atau suatu tempoh yang akan ditentukan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNGAN
DENGAN KAKITANGAN

8. (1) Syarikat pengganti hendaklah menyetujuterima untuk mengambil kerja pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta* tiap-tiap orang yang, sebelum sahaja tarikh itu adalah anggota kakitangan Jabatan Bekalan Air, Selangor, dan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Negeri dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu. Kakitangan.
- (2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

Diluluskan pada 1 November 2001.
[P.U. Sel. Am 0238]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor



SELANGOR**ENACTMENT No. 12 of 2001****WATER SUPPLY (SUCCESSOR COMPANY)
ENACTMENT 2001**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I**PRELIMINARY****Section**

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II**VESTING OF PROPERTY, ETC. IN SUCCESSOR COMPANY**

3. Vesting provisions.
4. Initial Government holding in the successor company.
5. Government investment in securities of the successor company.
6. Exercise of the State Secretary's functions through nominees.
7. Financial structure of the successor company.

PART III**PROVISIONS RELATING TO STAFF**

8. Staff.

SELANGOR

ENACTMENT No. 12 of 2001

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

5 December 2001

An Enactment to provide for the vesting of property, rights and liabilities of the State Government of Selangor relating to water supply services in a company, to make financial arrangements for that company, to provide for matters relating to staff and for other matters connected therewith.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

PART I

PRELIMINARY

1. This Enactment may be cited as the Water Supply (Successor Company) Enactment 2001 and shall come into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*. Short title
and
commencement.
2. In the Enactment, unless the context otherwise requires— Interpretation.
 “liabilities” means liabilities, debts, charges, dues and obligations of every description (whether present or future, actual or contingent, and whether payable or to be observed or performed in Malaysia or elsewhere);

"Menteri Besar" means the Menteri Besar appointed for the time being in the State of Selangor and includes the acting Menteri Besar;

"property" includes all property whether movable or immovable, and all estates, interests, easements and rights, whether equitable or legal in, to or out of property, contracts, chose-in-action, money and goodwill; and "vested", in relation to property, includes rights to property which are future or contingent and rights in reversion and remainder;

"rights" means all rights, powers, privileges and immunities, whether actual, contingent or prospective;

"State Financial Officer" means the principal officer in charge of the financial affairs of the State of Selangor;

"State Government" means the State Government of Selangor;

En. Sel. 3/1955. "State Secretary" means the State Secretary appointed for the time being in the State of Selangor;

"State Secretary Incorporated" means the State Secretary, Selangor incorporated by the State Secretary, Selangor (Incorporation) Enactment 1955;

"successor company" means the company to which property, rights and liabilities in respect of water supply services, to which the State Government was entitled or subject to, are from time to time transferred to and vested in by the order made by the Menteri Besar under section 3;

"vesting date" means the date on which property, rights and liabilities in respect of water supply services, to which the State Government was entitled or subject to, are transferred to and vested in the successor company as specified by the Menteri Besar in the order under subsection 3(1).

PART II

VESTING OF PROPERTY, ETC., IN SUCCESSOR COMPANY

3. (1) Subject to this Enactment, the Menteri Besar may, ^{vesting provisions.}

from time to time, by order published in the *Gazette*, appoint a vesting date and on such date all property, rights or liabilities of the State Government in respect of water supply services specified by the Menteri Besar in such order shall, by virtue of this Enactment, be transferred to and vested in successor company without any conveyance, assignment or transfer whatever.

(2) Every property vested by virtue of subsection (1) in the successor company shall be so vested in the successor company for the like title, estate and interests and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the vesting date.

(3) Every chose-in-action vested by virtue of subsection (1) in the successor company may, after the vesting date, be sued on, recovered or enforced by the successor company in his own name and it shall not be necessary for the successor company or the State Government to give notice to the person bound by the chose-in-action of the vesting effected by subsection (1).

(4) Every right and liability vested by virtue of subsection (1), in the successor company may, on and after the vesting date, be sued on, recovered or enforced by or against the successor company in its own name and it shall not be necessary for the successor company or the State Government to give notice to the person whose right or liability is affected by the vesting under subsection (1).

(5) And pending legal proceedings by or against the State Government which relate to any property, right or liability transferred to and vested in the successor company by virtue of subsection (1) may, on and after the vesting date, be continued by or against the successor company.

(6) In the case of rights and liabilities, arising under any loans which vest in the successor company on the vesting date, the successor company may enter into such arrangements or agreements over such rights and liabilities with the State Government or any third party.

Act 56/65.

(7) Where by virtue of subsection (1), any property is transferred to and vested in the successor company, the provisions in Part Thirty of the National Land Code shall, for the purpose of effecting the registration of such vesting, apply to the successor company as if it were a public authority.

(8) On and after the vesting date, any agreement relating to any property, rights and liabilities transferred to and vested in the successor company under subsection (1) to which the State Government were a party immediately before the vesting date, whether in writing or not, and whether or not of such a nature that rights and liabilities thereunder could be assigned by the State Government, shall have effect as if the successor company has been a party to the agreement.

**Initial
Government
holding in
the successor
company.**

4. (1) As a consequence of the vesting in the successor company of the property, rights and liabilities under section 3, the successor company shall issue such securities of the successor company as the State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, from time to time direct—

- (a) to the State Secretary Incorporated; or
- (b) to any person entitled to require the issue of the securities following their initial allotment to the State Secretary Incorporated.

(2) The State Secretary shall not give a direction under subsection (1) at a time when the successor company has ceased to be wholly owned by the State Government.

(3) Securities required to be issued in pursuance of this section shall be issued or allotted at such time and on such terms, as to allotment, as the State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, direct.

(4) Shares issued in pursuance of this section—

(a) shall be of such nominal value as the State Secretary may direct; and

(b) shall be issued as fully paid and treated for the purposes of the Companies Act 1965 as if they *Act 125.* had been paid up by virtue of the payment to the successor company of their nominal value.

(5) The State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, dispose of any securities issued or of any rights to securities initially allotted to the State Secretary Incorporated in pursuance of this section.

(6) Any dividends or other sums received by the State Secretary Incorporated in right of, or on the disposal of, any securities or rights acquired by virtue of this section shall be paid into the State Consolidated Fund.

5. (1) The State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, at any time, acquire—

(a) securities of the successor company or of any subsidiary of the successor company; or

(b) rights to subscribe for any such securities.

Government
investment in
securities of
the successor
company.

(2) The State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, dispose of any securities or rights acquired under this section.

(3) Any expenses incurred by the State Secretary Incorporated in consequence of the provisions of its section shall be treated as investments and be authorised under section 8(3)(a)(iv) of the Financial Procedure Act 1957. *Act 61.*

(4) Any dividends or other sums received by the State Secretary Incorporated in right of, or on the dispose of any securities or rights acquired under this section shall be paid into the State Consolidated Fund.

Exercise of
the State
Secretary's
functions
through
nominees.

6. (1) The State Secretary may, after consultation with the Menteri Besar, appoint such persons as he thinks fit to act as his nominees for the purposes of section 4 or 5 and—

(a) securities of the successor company may be assigned under section 4 to any nominee of the State Secretary appointed for the purposes of that section or to any person entitled to require the issue of the securities following their initial allotment to any such nominees; and

(b) any such nominee appointed for the purposes of section 5 may acquire securities or rights in accordance with that section.

(2) Any person holding any securities or rights as a nominee of the State Secretary by virtue of subsection (1) shall hold and deal with them on such terms and in such manner as the State Secretary may direct.

Financial
structure of
the
successor
company.

7. (1) If the State Secretary, after consultation with the Menteri Besar, so directs at any time before the successor company ceases to be wholly owned by the State Government, such sum, not exceeding the accumulated realised profits of the Water Supply Department, Selangor as may be specified in the direction; shall be carried by the successor company to a reserve, which in this section is referred to as "*the statutory reserve*".

(2) The statutory reserve may only be applied by the successor company in paying up unissued shares of the company to be allotted to members of the successor company as fully-paid bonus shares.

(3) For the purposes of any statutory accounts of the successor company, the value of any asset or right or the amount of any liability of the State Government, taken to have been vested in the successor company by virtue of section 3, shall be taken to be the value or, as the case may be, the amount assigned to the asset, right or liability in the statement of accounts prepared by the Water Supply Department, Selangor, in respect of the last complete accounting year of the Water Supply Department, Selangor, ending before the vesting date.

(4) For the purposes of any statutory accounts of the successor company, the amount to be included in respect of any item shall be determined as if anything done by the Water Supply Department, Selangor, whether by way of acquiring, revaluing or disposing of any asset or incurring, revaluing or discharging any liability, or by carrying any amount to any provision of reserve, or otherwise, had been retained by the successor company.

(5) Without prejudice to the generality of the provision of subsection (4), the amount to be included from time to time in any reserves of the successor company representing its accumulated realised profits shall be determined as if any profits realised and retained by the Water Supply Department, Selangor, had been realised and retained by the successor company.

(6) Reference in this section to the statutory accounts of the successor company are references to any account prepared by the successor company for the purposes of any provision of the Companies Act 1965.

Act 125.

(7) For the purposes of this section, "complete accounting year" means an accounting year ending 31 December or a period to be determined by the State Financial Officer.

PART III

PROVISION RELATING TO STAFF

Staff.

8. (1) The successor company shall accept into its employment on a date to be appointed by the State Authority Selangor by notification in the *Gazette* every person who, immediately before the date is a member of the staff of the Water Supply Department, Selangor, and who was given an option by the State Government and has opted to serve as an employee of such company.
- (2) Every such person who opts under subsection (1) to serve as an employee of the successor company shall be employed by such company on terms and conditions of service not less favourable than the terms and conditions of service to which he was entitled to immediately before the appointed date.

Passed this 1st November 2001.
[P.U. Am 0238]

BAKRIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

**ENAKMEN BADAN-BADAN
BERKANUN (TATATERTIB DAN
SURCAJ) (SELANGOR) 2001**

**STATUTORY BODIES
(DISCIPLINE AND SURCHARGE)
(SELANGOR) ENACTMENT 2001**

SELANGOR

ENAKMEN No. 8 tahun 2001

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

TENGKU IDRIS SHAH IBNI
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL
AZIZ SHAH AL-HAJ,
Pemangku Raja Selangor

28 Ogos. 2001

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib, dan pengenaan surc妖 ke atas, pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang negeri, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surc妖) (Selangor) 2001.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. (1) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun kecuali badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawai-pegawaiannya menepati peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini seberapa boleh yang dibenarkan oleh undang-undang pemerbadanannya dan sistem pengurusan dan saraannya.

Hubungan Enakmen ini dengan undang-undang pemerbadanan

3. Enakmen ini hendaklah dibaca bersama dan ditafsirkan sebagai satu dengan undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun.

Tafsiran

4. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan berkanun” ertinya suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan oleh undang-undang Negeri bagi maksud Kerajaan Negeri, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;

“emolumen” ertinya apa-apa saraan, termasuklah gaji, pemberian tetap, pembayaran insentif dan elauan bulanan, yang kena dibayar kepada seseorang pegawai setiap bulan;

“gaji” ertinya gaji pokok seseorang pegawai;

"Jawatankuasa Rayuan Tatatertib" ertiinya jawatankuasa yang disebut seksyen 7;

"Jawatankuasa Tatatertib" ertiinya jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 6;

"kerajaan" ertiinya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mengikut mana yang berkenaan;

"kesalahan tatatertib" ertiinya pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan dan termasuklah apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan dengannya tindakan tatatertib boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan;

"Ketua Bahagian" ertiinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu bahagian, jabatan, unit atau cawangan sesuatu badan berkanun, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Bahagian bagi apa-apa tempoh masa;

"Ketua Eksekutif" ertiinya pengurus besar, pengarah atau mana-mana orang, walau dengan nama apa pun disebut, yang dipertanggungkan dengan pentadbiran dan pengurusan harian hal ehwal sesuatu badan berkanun;

"Lembaga" ertiinya badan berkanun itu sendiri atau, jika undang-undang permerbadananya mengadakan peruntukan bagi suatu lembaga, majlis atau jawatankuasa yang berasingan, walau dengan nama apa pun disebut, untuk menjalankan fungsi-fungsi badan berkanun itu dan untuk menjaga pengurusan dan pentadbiran am badan berkanun itu, lembaga, majlis atau jawatankuasa itu;

"pegawai" ertiinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolument oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain

atau mana-mana agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan;

“Peraturan-Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan dalam Jadual Kedua;

“undang-undang pemerbadanan” ertinya undang-undang Negeri yang melaluiinya sesuatu badan berkanun diperbadankan;

“undang-undang negeri” ertinya sesuatu Enakmen atau sesuatu Ordinan yang berhubung dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Badan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah sesuatu Enakmen atau Ordinan itu.

BAHAGIAN II

TATATERTIB

Pemakaian Peraturan-Peraturan

5. Peraturan-Peraturan hendaklah terpakai berkenaan dengan tatatertib pegawai-pegawai badan berkanun.

Pihak berkuasa tatatertib

6. (1) Pihak-pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelbagai kategori pegawai ialah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan mengikut Bahagian I Jadual Ketiga dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan sedemikian.

(2) Dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan.

Rayuan

7. Seseorang pegawai yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib oleh suatu Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut Bahagian II Jadual Ketiga dan Lampiran kepada Jadual itu dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan itu.

Prosiding tatatertib dalam kes-kes khas

8. (1) Jika Ketua Eksekutif atau timbalannya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dengan Ketua Eksekutif atau timbalan itu hendaklah terdiri daripada Menteri Besar sebagai pengurus dan dua orang anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri Besar.

(2) Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan prosiding tatatertib terhadap Ketua Eksekutif atau timbalannya yang ke atasnya Jawatankuasa Tatatertib itu mempunyai bidang kuasa dan boleh membuat apa-apa perakuan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan yang olehnya Ketua Eksekutif atau timbalannya itu dilantik mengenai hukuman yang akan dikenakan ke atas atau apa-apa tindakan lain yang boleh diambil terhadap Ketua Eksekutif atau timbalannya itu.

(3) Keputusan Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan Ketua Eksekutif atau timbalannya adalah muktamad.

BAHAGIAN III

PENAMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

Penamatn perkhdmatan

9. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhdmatan seseorang pegawai

ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh mengarahkan pegawai atasan kepada pegawai yang terhadapnya representasi itu dibuat supaya mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan lengkap yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berhubungan dengan kerja dan kelakuan pegawai itu, dan ulasan Ketua Eksekutif pegawai itu.

(2) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai itu dan semua keadaan lain kes, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Perakuan oleh Jawatankuasa Tatatertib

10. (1) Adalah sah di sisi undang-undang bagi sesuatu Jawatankuasa Tatatertib untuk memperakukan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pegawai yang ke atasnya Jawatankuasa itu menjalankan bidang kuasa tatatertib ditamatkan demi kepentingan awam walaupun tiada prosiding tatatertib telah dijalankan di bawah Enakmen ini.

(2) Suatu perakuan kepada Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan suatu laporan penuh alasan-alasan yang padanya perakuan itu diasaskan.

(3) Lembaga boleh mengarahkan pegawai atasan kepada pegawai yang disebut dalam subseksyen (1) supaya mengemukakan apa-apa maklumat tambahan kepada Lembaga berkenaan dengan pegawai itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(4) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (2) dan apa-apa maklumat tambahan yang dikemukakan di bawah subseksyen (3) Lembaga berpuas hati bahawa, dengan mengambilkira syarat-syarat perkhidmatan kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai itu dan semua keadaan lain kes, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Peluang untuk didengar

11. Walau apa pun apa-apa jua dalam Enakmen ini dan apa-apa undang-undang lain yang berlawanan, sebelum Lembaga membuat keputusan di bawah seksyen 9 atau 10 untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai, Lembaga hendaklah memberi pegawai itu peluang untuk didengar.

Penamatian perkhidmatan bukan pembuangan kerja

12. Penamatian seseorang pegawai di bawah seksyen 9 atau 10 bukanlah dan tidak boleh dianggap sebagai pembuangan kerja walaupun penamatian itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan yang berhubung dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga sebagai tidak memuaskan atau patut dipersalahkan.

Persaraan demi kepentingan awam

13. Walau apa pun seksyen 9 dan 10, Lembaga boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa penceن, menghendaki mana-mana pegawai bersara daripada perkhidmatan sesuatu badan berkanun di bawah perenggan 10(5)(d) Akta Penceن Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*].

BAHAGIAN IV

SURCAJ

Alasan bagi surcaj

14. Seseorang yang adalah atau pernah berada dalam penggajian sesuatu badan berkanun boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak atau telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang terhutang kepada badan berkanun itu yang bagi pemungutannya dia adalah atau telah dipertanggung-jawabkan;

- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak sepatutnya daripada badan berkanun itu atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain badan berkanun itu;
- (d) sebagai atau sebagai seorang yang pernah menjadi seorang pegawai akaun, tidak atau telah gagal untuk menyimpan atau memantau akaun atau rekod yang sepatutnya bagi badan berkanun itu; atau
- (e) tidak atau telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada badan berkanun itu kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan badan berkanun itu.

Notis supaya menunjukkan sebab

15. Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya supaya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcaj.

Pengenaan surcaj

16. Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian suatu notis kepada seseorang di bawah seksyen 15, Lembaga boleh—

- (a) dalam hal suatu perbuatan atau peninggalan yang diperihalkan dalam perenggan 14(a), (b) atau (c), mensurcaj terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak

melebihi amaun yang tidak dipungut atau pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat atau nilai kekurangan harta atau nilai harta yang dimusnahkan; atau

- (b) dalam hal suatu perbuatan atau peninggalan yang diperibalkan dalam perenggan 14(d) atau (e), mensurc妖 terhadap orang itu suatu jumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga dengan mengambilkira hal keadaan kes.

Pemberitahuan surcaj

17. Jika seseorang telah disurcaj di bawah seksyen 16, Lembaga hendaklah memberitahunya secara bertulis mengenai pengenaan surcaj itu.

Penarikan balik surcaj

18. Walau apa pun seksyen 16 dan 17, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika didapati selainnya bahawa tiada surcaj sepatutnya dikenakan, dan Lembaga hendaklah serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu mengenai penarikan balik itu.

Catatan surcaj

19. Tiap-tiap surcaj yang dikenakan ke atas seseorang pegawai di bawah Bahagian ini hendaklah dicatatkan dalam Rekod Perkhidmatan pegawai itu.

Mendapatkan surcaj

20. Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 16 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 18 adalah suatu hutang yang kena dibayar kepada badan berkanun itu daripada orang yang disurcaj dan boleh dibawa guaman baginya dan didapatkan dalam

mana-mana mahkamah oleh badan berkanun itu dan boleh juga, jika Lembaga mengarahkan sedemikian, didapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcraj itu; atau
- (b) daripada pence orang yang disurcraj itu,

melalui ansuran bulanan yang sama banyak, setiap ansuran tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pence bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

Keanggotaan Lembaga dalam kes-kes khas

21. Dalam apa-apa tindakan bagi surcraj terhadap Ketua Eksekutif, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 14, 15, 16, 17, 18 dan 20 tidak boleh termasuk Ketua Eksekutif.

Surcraj tidak boleh menghalang tindakan tatatertib

22. Apa-apa tindakan yang diambil terhadap seseorang pegawai di bawah Bahagian ini tidak boleh menghalang apa-apa tindakan dimulakan terhadapnya mengikut Peraturan-Peraturan.

BAHAGIAN V

KUASA MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

Kuasa untuk meminda Jadual

23. (1) Menteri Besar boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Waris* meminda Jadual Kedua atau Ketiga.

(2) Tiada pindaan boleh dibuat di bawah subseksyen (1) yang mempunyai kesan menafikan mana-mana orang peluang untuk didengar sebelum sesuatu keputusan dibuat dalam apa-apa prosiding tatatertib terhadapnya.

(3) Menteri Besar boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta meminda* Jadual Pertama dengan menambahkan mana-mana badan berkanun yang skim saraannya telah diasingkan kepada senarai dalam Jadual itu.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan

24. Bagi maksud memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Enakmen ini dipatuhi oleh tiap-tiap badan berkanun Setiausaha Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat.

Kuasa untuk mengecualikan atau mengubah

25. (1) Setiausaha Kerajaan Negeri boleh, dengan persetujuan Menteri Besar, mengecualikan mana-mana badan berkanun daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga atau mengubah mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga dalam pemakaianya bagi badan berkanun itu.

(2) Kuasa yang diberikan dalam subseksyen (1) hanya boleh dijalankan bagi maksud menyesuaikan Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga dengan struktur organisasi atau pengurusan badan berkanun itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang pemerbadanannya.

BAHAGIAN VI

AM

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

26. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa tindakan, litigasi pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota, pegawai atau ejen Lembaga berhubung dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan menurut atau bagi pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan mana-mana peruntukan Enakmen ini atau berkenaan dengan apa-apa kecuaian atau kemungkiran

yang dikatakan dalam pelaksanaan mana-mana peruntukan sedemikian.

Arahan pentadbiran oleh Lembaga

- 27.** (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan pentadbiran berhubung dengan kelakuan dan tatatertib pegawai-pegawai badan berkanun, atau tatacara bagi pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai itu.
- (2) Tiada arahan yang tidak selaras dengan Enakmen ini boleh dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN VII

KETERHENTIAN PEMAKAIAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Keterhentian pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang pemerbadanan

- 28.** Apabila Enakmen ini mula berkuatkuasa peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan tatatertib, penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam dan surcaj dalam undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah atau menurut peruntukan-peruntukan itu hendaklah terhenti terpakai bagi badan berkanun itu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 29.

Kecualian dan peralihan

- 29.** (1) Apa-apa prosiding yang masih belum selesai pada permulaan kuatkuasa Enakmen ini di hadapan pihak berkuasa tatatertib atau pihak berkuasa rayuan yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah atau yang diperuntukkan dalam undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun atau dalam perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu hendaklah diteruskan mengikut peruntukan-peruntukan yang terpakai bagi prosiding itu dalam undang-undang pemerbadanan atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah rayuan itu boleh membuat apa-

apa perintah atau keputusan sebagaimana yang pihak berkuasa tata tertib atau pihak berkuasa rayuan itu diberi kuasa untuk membuatnya di bawah peruntukan-peruntukan itu.

(2) Apa-apa kesalahan tata tertib yang dilakukan atau yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang pegawai sesuatu badan berkanun sebelum permulaan kuatkuasa Enakmen ini hendaklah diuruskan di bawah peruntukan undang-undang pemerbadanan badan berkanun itu.

(3) Walau apa pun subsekysen (2), pegawai yang disebut dalam subsekysen itu hendaklah diberitahu bahawa dia boleh memilih untuk kesalahan tata tertib itu diuruskan di bawah Enakmen ini, dan jika dia memilih sedemikian kesalahan tata tertib itu hendaklah diuruskan mengikut Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

[Subsekysen 2(1)]

BADAN BERKANUN YANG BAGINYA ENAKMENINI TIDAK TERPAKAI

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

JADUAL KEDUA

[Seksyen 5]

PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Pemakalan

1. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai badan berkanun sepanjang tempoh perkhidmatannya dan berkenaan dengan seseorang pegawai yang tidak memilih untuk memasuki Sistem Saran Baru, hendaklah terpakai dengan apa-apa ubahsuai yang perlu dan patut dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatannya.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak” ertiinya—

(a) anak yang di bawah umur lapan belas tahun bagi seseorang pegawai termasuk—

(i) anak yang lahir selepas kematian, anak tiri tanggungan dan anak tak sah taraf pegawai itu;

(ii) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan

(b) anak, tidak kira apa jua umurnya, yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kokal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;

“institusi kewangan” ertiinya bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau Bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 270];

“koperasi” ertiinya koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

“mahkamah” ertiinya mahkamah, termasuklah Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa wibawa untuk membicarakan seseorang bagi sesuatu kesalahan jenayah;

“penanggung insurans” ertiinya penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] atau pengendalian takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312];

“sabitan” atau “disabitkan”, berhubung dengan seseorang pegawai, ertiinya suatu dapatan oleh sesuatu mahkamah jenayah, termasuk Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa wibawa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bahawa pegawai itu bersalah atas sesuatu kesalahan jenayah;

“Sistem Saran Baru” ertiinya skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai badan berkanun sebagaimana yang disemak dan dipinda oleh Kerajaan Persekutuan, berkuatkuasa mulai dari 1 Januari 1992.

(2) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sebutan tentang seseorang pegawai berhubung dengan sesuatu badan berkanun ialah sebutan tentang pegawai yang diambil bekerja oleh badan berkanun itu dan sebutan tentang sesuatu badan berkanun berhubung dengan seseorang pegawai ialah sebutan tentang badan berkanun yang mengambil bekerja pegawai itu.

BAHAGIAN II

TATAKELAKUAN

Am

3. (1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan badan berkanun.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—
 - (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjelaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
 - (ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) tidak bertanggungjawab;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- (j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Pekerjaan Imar

4. (1) Melainkan jika dan setakat yang dia dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam penjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai badan berkanun, seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
- (b) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
- (c) sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1) seseorang pegawai boleh, dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Bahagiannya, menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan dalam subperaturan itu, sama ada bagi faedahnya atau bagi faedah saudaramanya yang terdekat atau mana-mana badan tidak mencari keuntungan yang baginya dia menjadi seseorang pemegang jawatan.

(3) Dalam menimbangkan sama ada atau tidak kebenaran patut diberikan kepada mana-mana pegawai di bawah subperaturan (2), Ketua Bahagiannya hendaklah memberikan perhatian kepada tatakelakuan yang ditetapkan dalam peraturan (3) dan hendaklah memastikan bahawa aktiviti atau perkhidmatan itu—

- (a) tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;
- (b) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjelaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun; dan
- (c) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan badan berkanun, atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai pegawai badan berkanun.

(4) Kecuali sebagaimana yang ditetapkan selainnya oleh badan berkanun, segala jumlah wang yang diterima oleh seseorang pegawai sebagai saraan kerana menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah didepositkan dengan badan berkanun sementara menunggu keputusan Ketua Eksekutif tentang amaan, jika ada, yang boleh disimpan oleh pegawai itu sendiri dan oleh mana-mana pegawai lain yang membantu pegawai itu dalam menjalankan aktiviti atau melaksanakan perkhidmatan itu.

Etiket pakaian

5. (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melalui arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Lembaga.
- (2) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri sesuatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara itu, dan jika etiket pakaian bagi upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara itu.

Dadah

6. (1) Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskipsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya.

(2) Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa seseorang pegawai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya, pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), perkhidmatan seseorang pegawai yang telah diperakui oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya boleh ditamatkan demi kepentingan awam di bawah Bahagian III Enakmen ini.

(4) Bagi maksud peraturan ini, "dadah berbahaya" ertiinya apa-apa dadah atau bahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Hadiyah, dsb.

7. (1) Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membentarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.

(2) Ketua Bahagian seseorang pegawai boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan pegawai itu untuk memberikan suatu surat pujian daripada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu asalkan surat pujian itu tidak terkandung dalam suatu bekas yang bernilai.

(3) Ketua Bahagian boleh membenarkan pemungutan sumbangan secara spontan oleh pegawai-pegawai di bawah jagaannya bagi maksud pemberian hadiah kepada seseorang pegawai dalam bahagiannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan pegawai itu atau apa-apa peristiwa lain yang sesuai.

(4) Jika—

- (a) seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang sama ada bentuk, amanun atau nilai hadiah yang diterima olehnya adalah sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan; atau
- (b) hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimaanya dilarang oleh peraturan ini,

hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Bahagiannya yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan hal keadaan hadiah itu diterima.

(5) Apabila diterima laporan yang dibuat di bawah subperaturan (4), Ketua Bahagian hendaklah—

- (a) membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu; atau
- (b) mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan, melalui Ketua Bahagian itu, kepada pemberinya.

Keraian

8. Seseorang pegawai boleh memberi atau menerima daripada mana-mana orang apa-apa jenis keraian jika—

- (a) keraian itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas-tugasnya sebagai seorang pegawai badan berkanun untuk kepentingan orang itu; dan
- (b) pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan peraturan 3.

Pemutusan harta

9. (1) Seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan berkanun atau pada bila-bila masa selepas itu, sebagai mana yang dikehendaki oleh Lembaga, mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan, melalui Ketua Bahagiannya, segala harta yang dipunyaian olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.

(2) Seseorang pegawai yang tidak mempunyai apa-apa harta hendaklah membuat suatu perisyiharan secara bertulis yang menyatakan sedemikian.

(3) Jika, selepas membuat suatu perisyiharan di bawah subperaturan (1), seseorang pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya memperoleh apa-apa harta, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau apa-apa harta yang telah diperoleh olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya dilupuskan, pegawai itu hendaklah dengan segera, melalui Ketua Bahagiannya, mengisytiharkan pemerolehan atau pelupusan harta itu kepada Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan.

(4) Jika seseorang pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya bercadang hendak memperolehi apa-apa harta, dan pemerolehan itu adalah tidak selaras dengan peraturan 3, pemerolehan itu tidak boleh dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Tataterib berkenaan.

(5) Dalam memutuskan sama ada atau tidak hendak memberikan kebenaran di bawah subperaturan (4), Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut—

- (a) saiz, amaun atau nilai harta itu berbanding dengan emolumen pegawai itu dan apa-apa pendapatan persendirian yang sah;
- (b) sama ada pemerolehan atau pemegangan harta itu akan atau mungkin akan bercanggah dengan kepentingan badan berkanun, atau dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun, atau dengan apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan peraturan 3;
- (c) ulasan Ketua Bahagian tentang pemerolehan atau pemunyaian harta itu;
- (d) apa-apa faktor lain yang dianggap perlu oleh Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan bagi menjaga keutuhan dan kecekapan badan berkanun dan pegawai-pegawai badan berkanun.

(6) Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan hendaklah, jika Jawatankuasa Tataterib berpuas hati dengan perisyiharan harta yang dibuat oleh pegawai itu, mengarahkan Ketua Bahagian mencatatkan di dalam Rekod Perkhidmatan pegawai itu bahawa perisyiharan sedemikian telah dibuat.

(7) Tiap-tiap perisytiharan di bawah subperaturan (1) hendaklah diklasifikasikan sebagai rahsia dan tiap-tiap orang yang memperoleh maklumat di bawah peraturan ini tentang apa-apa perisytiharan sedemikian hendaklah menyimpan kerahsiaannya.

(8) Bagi maksud peraturan ini, "harta" ertiinya apa-apa harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang pegawai itu dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Lembaga supaya mengisytiharkannya, iaitu harta yang telah diperoleh oleh pegawai itu melalui pembelian, pemberian, pewarisan atau cara lain, dan termasuk harta yang diperoleh atau dipegang oleh isteri atau suami atau anak pegawai itu.

Menyenggara taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirian yang sah

10. (1) Jika Ketua Bahagian berpendapat bahawa sesorang pegawai adalah atau tampaknya—

- (a) menyenggara suatu taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirianya yang lain yang sah, jika ada; atau
- (b) mengawal atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan, atau yang tidak boleh semunasabahnya dijangka telah diperoleh oleh pegawai itu dengan emolumennya dan apa-apa pendapat persendirianya yang lain yang sah,

Ketua Bahagian hendaklah melalui notis bertulis, memanggil pegawai itu supaya memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu tentang bagaimana dia dapat menyenggara taraf kehidupan sedemikian atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangan atau harta itu.

(2) Ketua Bahagian hendaklah apabila menerima penjelasan di bawah subperaturan (1) atau jika pegawai itu tidak memberikan apa-apa penjelasan dalam tempoh yang ditentukan, apabila tempoh itu tamat, melaporkan hakikat ini kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan penjelasan pegawai itu, jika ada.

(3) Apabila laporan di bawah subperaturan (2) diterima, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu atau mengambil apa-apa tindakan lain terhadap pegawai itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

Meminjam wang

11. (1) Tiada pegawai boleh meminjam daripada mana-mana orang atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, atau dengan apa-apa cara meletakkan dirinya di bawah suatu obligasi kewangan kepada mana-mana orang—

- (a) yang secara langsung atau tidak langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) yang dengannya pegawai itu ada atau mungkin ada urusan rasmi;
- (c) yang tinggal atau memiliki tanah atau menjalankan perniagaan di dalam kawasan tempatan tempat dia mempunyai kuasa rasmi; atau
- (d) yang menjalankan perniagaan pemberian pinjaman wang.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang pegawai boleh meminjam wang daripada, atau menjadi penjamin kepada mana-mana orang yang meminjam wang daripada, mana-mana institusi kewangan, penanggung insurans atau koperasi atau menanggung hutang dengan cara pemerolehan barang-barang melalui perjanjian sewa beli, jika—

- (a) institusi kewangan, penanggung insurans atau koperasi yang daripadanya pegawai itu meminjam tidaklah secara langsung tertakluk kepada kuasa rasminya;
- (b) peminjaman itu tidak dan tidak akan membawa kepada skandal awam dan tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu penyalahgunaan oleh pegawai itu kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun untuk faedah peribadinya; dan
- (c) agregat hutangnya tidak atau tidak mungkin menyebabkan pegawai itu berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subperaturan 12(7) dan (8).

(3) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang pegawai boleh menanggung hutang yang berbangkit daripada—

- (a) jumlah wang yang dipinjam atas cagaran tanah yang digadaikan atau digadaijanjikan, jika jumlah wang yang dipinjam itu tidak melebihi nilai tanah itu;
- (b) overdraf atau kemudahan kredit lain yang diluluskan oleh institusi kewangan;
- (c) jumlah wang yang dipinjam daripada penanggung insurans atas cagaran polisi insurans;
- (d) jumlah wang yang dipinjam daripada Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana koperasi; atau

- (e) jumlah wang yang kena dibayar atas barang-barang yang diperoleh melalui perjanjian sewa beli.

Keterhutangan kewangan yang serius

12. (1) Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

(2) Keterhutangan kewangan yang serius kerana apa-apa juga pun sebab, selain akibat malang yang tidak dapat dielakkan yang tidak disebabkan dengan apa-apa cara oleh pegawai itu sendiri, hendaklah dianggap sebagai memburukkan nama badan berkanun dan hendaklah menyebabkan pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika keterhutangan kewangan yang serius telah berlaku akibat malang yang tidak dapat dielakkan, Lembaga boleh memberi pegawai itu apa-apa bantuan sebagaimana yang wajar mengikut hal keadaan.

(4) Jika seseorang pegawai mendapati bahawa hutangnya menyebabkan atau mungkin menyebabkan keterhutangan kewangan yang serius kepadanya, atau suatu prosiding sivil berbangkit daripada hutang itu telah dimulakan terhadapnya, dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan hakikat ini kepada Ketua Bahagiannya.

(5) Seseorang pegawai yang tidak melaporkan atau lengah melaporkan keterhutangan kewangan yang serius atau yang melaporkan keterhutangan kewangannya yang serius tetapi tidak mendedahkan takat keberhutangannya itu dengan sepenuhnya atau memberikan keterangan yang palsu atau yang mengelirukan mengenai keterhutangannya adalah melakukan suatu pelanggaran tatatertib dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(6) Tanpa menjaskan peruntukan-peruntukan lain dalam peraturan ini, jika hutang pegawai itu terjumlah kepada suatu keterhutangan kewangan yang serius tetapi dia belum dihukum bankrap, Ketua Bahagian hendaklah memantau dan, dari semasa ke semasa, mengkaji semula kes itu.

(7) Bagi maksud peraturan ini, ungkapan "keterhutangan kewangan yang serius" ertiinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, setelah diambil kira amanun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

(8) Tanpa menjaskan pengertian am ungkapan "keterhutangan kewangan yang serius" yang dinyatakan dalam subperaturan (?), seseorang pegawai hendaklah disifatkan sebagai benda dalam keterhutangan kewangan yang serius jika—

- (a) agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagarnya pada bila-bila masa tertentu melebihi enam kali emolumen bulanannya;

- (b) dia ialah seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dalam penghakiman itu; atau
- (c) dia ialah seorang bankrap, selagi dia belum dilepaskan daripada kebankrap atau penghakiman kebankrapnya belum dibatalkan.

Laporan mengenai keterhutangan kewangan yang serius

13. (1) Jika seseorang pegawai melaporkan di bawah subperaturan 12(4) bahawa prosiding sivil telah dimulakan terhadapnya atau jika Ketua Bahagian menerima apa-apa laporan daripada mana-mana pihak bahawa prosiding sivil telah dimulakan terhadap seseorang pegawai, Ketua Bahagian hendaklah mendapatkan daripada mahkamah suatu cabutan keputusan mutakhir mahkamah dalam prosiding itu.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah membuat perkiraan dengan pihak berkuasa mahkamah yang berkenaan bagi Ketua Bahagian seseorang pegawai untuk mendapatkan daripada pihak berkuasa itu suatu laporan berkenaan dengan pegawai itu jika—

- (a) pegawai itu, sebagai seorang penghutang penghakiman, didapati daripada fail guaman itu telah tidak menjelaskan hutang dalam tempoh yang ditetapkan dalam penghakiman itu;
- (b) pegawai itu telah memfailkan petisyen kebankrapannya sendiri; atau
- (c) suatu petisyen kebankrapan oleh seorang pembiutang telah disampaikan terhadap pegawai itu.

(3) Sebagai tambahan kepada perkiraan yang boleh dibuat di bawah subperaturan (2), Ketua Eksekutif hendaklah membuat perkiraan dengan Pegawai Pemegang Harta bagi Pegawai Pemegang Harta menyampaikan kepada Ketua Bahagian seseorang pegawai yang menjadi seorang bankrap suatu laporan yang mengandungi perkara-perkara yang berikut—

- (a) pernyataan hal ehwal yang difaiklan oleh pegawai itu mengikut undang-undang kebankrapan yang sedang berkuatkuasa;
- (b) amaun bayaran ansuran yang diperintahkan atau yang dicadangkan dibuat;
- (c) sama ada atau tidak Pegawai Pemegang Harta bercadang untuk memulakan apa-apa prosiding selanjutnya dan, jika demikian, suatu pernyataan ringkas mengenai jenis prosiding selanjutnya itu;
- (d) sebab utama kebankrapan itu;

- (e) sama ada pada pendapat Pegawai Pemegang Harta kes itu melibatkan suatu malang yang tidak dapat dijelaskan, kelakuan bina atau apa-apa hal keadaan lain yang khas, yang memihak atau tidak memihak kepada pegawai itu; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pegawai Pemegang Harta, mengikut budi bicaranya, patut disebut.

(4) Ketua Bahagian hendaklah menghantar laporan pegawai dan cabutan keputusan mahkamah yang diterima di bawah subperaturan (1) dan laporan yang diterima di bawah subperaturan (2) dan (3) kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan laporannya mengenai kerja dan kelakuan pegawai itu sebelum dan sejak keterhutangan kewangannya yang serius.

(5) Setelah menimbangkan semua laporan dan cabutan yang dikemukakan kepadanya di bawah subperaturan (4), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah memutuskan sama ada hendaklah mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

(6) Jika tindakan tatatertib yang diambil terhadap pegawai itu berkeputusan dengan hukuman tangguh pergerakkan gaji, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, apabila habis tempoh penangguhan pergerakan gaji itu, memerintahkan supaya suatu amaun yang sama banyak dengan amaun yang diterima daripada pergerakan gaji yang dipulihkan itu ditambahkan kepada ansuran-ansuran yang kena dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atau kepada mana-mana pembiutang penghakiman.

(7) Seseorang pegawai yang telah dilepaskan daripada kebankrapan atau yang penghakiman kebankrapnya telah dibatalkan hendaklah dikira sebagai telah memulihkan kedudukan kredit kewangannya dengan sepenuhnya.

Meminjamkan wang

14. (1) Seseorang pegawai tidak boleh meminjamkan wang dengan faedah, sama ada dengan atau tanpa cagaran.

(2) Penyimpanan wang secara deposit tetap atau ke dalam suatu akaun dalam mana-mana institusi kewangan atau koperasi atau dalam bon yang diterbitkan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana badan berkanun tidak boleh dianggap sebagai peminjaman wang dengan faedah bagi maksud peraturan ini.

Penglibatan dalam pasaran niaga hadapan

15. Tiada pegawai boleh melibatkan dirinya sebagai pembeli atau penjual atau selainnya dalam pasaran niaga hadapan, sama ada pasaran tempatan atau luar negara.

Cabutan bertuah atau loteri, dsb.

16. Seseorang pegawai tidak boleh mengadakan atau mengelolakan atau mengambil bahagian dalam, apa-apa cabutan bertuah atau loteri selain bagi maksud kebajikan.

Penerbitan buku, dsb.

17. Seseorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau karya lain yang berdasarkan maklumat rasmi terperingkat.

Membuat pernyataan awam

18. (1) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudarati apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan tentang apa-apa isu;
- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan;
- (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;
- (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

(2) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;
- (b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi badan berkanun;
- (c) memberikan apa-apa perjelasan berkenan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan badan berkanun atau Kerajaan; atau
- (d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Setiausaha Kerajaan Negeri.

(3) Subperaturan (2) tidaklah terpakai bagi apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan yang dibuat, diberikan atau disebarluaskan jika kandungan ulasan, maklumat atau penjelasan itu telah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

(4) Bagi maksud peraturan ini, "pernyataan awam" termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan, tanpa mengambilkira caranya.

Larangan bertindak sebagai seorang penyunting, dsb. dalam mana-mana penerbitan

19. Seseorang pegawai tidak boleh bertindak sebagai penyunting bagi, atau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, atau dengan apa-apa cara membuat apa-apa sumbangan kewangan atau selainnya kepada, mana-mana penerbitan, termasuk mana-mana surat khabar, majalah atau jurnal, tanpa mengambilkira cara surat khabar, majalah atau jurnal itu diterbitkan, kecuali penerbitan yang berikut—

- (a) penerbitan jabatan;
- (b) penerbitan profesional;
- (c) penerbitan organisasi sukarela yang tidak bercorak politik; dan
- (d) penerbitan yang diluluskan secara bertulis oleh Ketua Eksekutif bagi maksud peraturan ini.

Mengambil bahagian dalam politik

20. (1) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh—

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- (b) menerbitkan atau mengedarkan apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;

- (e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
(f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh, setelah mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga, dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang pegawai yang telah dibenarkan bercuti untuk tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik jika—

- (a) dia telah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga untuk berbuat demikian; dan
(b) dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Rasmi Rasmi 1972 [Akta 88].

(4) Sesuatu permohonan bagi kelulusan di bawah perenggan (3)(a) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh pegawai itu dibenarkan bercuti sebelum persaraannya.

(5) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang seseorang pegawai daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik.

Tugas untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib

21. (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahnya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dalam tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

BAHAGIAN III

KETIDAKHADIRAN TANPA CUTI

Tidak hadir untuk bertugas

22. Dalam Bahagian ini “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang pegawai, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

Tindakan tatatertib kerana tidak hadir tanpa cuti

23. Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib.

Tatacara dalam hal ketidakhadiran tanpa cuti

24. (1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Bahagiannya hendaklah, secepat yang mungkin, melaporkan hakikat itu berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan.

(2) Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, setelah menimbangkan laporan Ketua Bahagian di bawah subperaturan (1), memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

Tatacara jika pegawai tidak hadir tanpa cuti dan tidak dapat dikesan

25. (1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama tujuh hari bekerja berturut-turut dan tidak dapat dikesan, Ketua Bahagiannya hendaklah menyebabkan suatu surat diserahkan kepada pegawai itu sendiri atau dihantar melalui Pos Berdaftar Akuan Terima kepada pegawai itu di alamatnya yang akhir diketahui, mengarahkan pegawai itu supaya segera melaporkan diri untuk bertugas.

(2) Jika, selepas surat itu diserahkan—

- (a) pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas; atau
- (b) pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas atau tiada khabar didengar daripadanya,

Ketua Bahagiannya hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dan Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

(3) Jika surat tidak dapat diserahkan kepada pegawai itu sendiri disebabkan dia tidak lagi tinggal di alamatnya yang akhir diketahui atau jika surat Pos Berdaftar Akuan Terima telah dikembalikan tidak terserah, Ketua Bahagian hendaklah melaporkan perkara itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat ke atas pegawai itu.

(4) Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah, apabila menerima laporan yang disebut dalam subperaturan (3), mengambil langkah untuk menyiarkan suatu notis dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian

yang diterbitkan dalam bahasa kebangsaan dan mempunyai edaran di seluruh negara sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib itu—

- (a) hakikat bahawa pegawai itu telah tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan; dan
- (b) menghendaki pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran itu.

(5) Jika pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan (4), Ketua Bahagiannya hendaklah melaporkan perkara itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dan Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah memulakan prosiding tatatertib terhadap pegawai itu.

(6) Jika pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan (4), pegawai itu hendaklah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan badan berkanun berkuatkuasa mulai dari tarikh dia tidak hadir bertugas.

(7) Pembuangan kerja seseorang pegawai menurut kuasa subperaturan (6) hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

Pelucutan emolumen kerana tidak hadir untuk bertugas

26. (1) Jika seseorang pegawai telah didapati bersalah kerana tidak hadir untuk bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, dia tidak berhak kepada apa-apa emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya dan segala emolumen sedemikian hendaklah disifatkan telah terlucut hak walaupun Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan tidak mengarahkan pelucutan itu.

(2) Seseorang pegawai yang emolumennya telah terlucut hak di bawah subperaturan (1) hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai pelucutan itu.

(3) Pelucutan emolumen oleh sebab subperaturan (1) bukanlah suatu hukuman tatatertib.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI YANG TERTAKLUK KEPADA PROSIDING JENAYAH, DSB.

Tatcara jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap seseorang pegawai

27. (1) Seseorang pegawai hendaklah dengan segera memaklumkan Ketua Bahagiannya jika apa-apa prosiding jenayah telah dimulakan terhadapnya dalam mana-mana mahkamah.

(2) Jika telah sampai kepada pengetahuan Ketua Bahagian seseorang pegawai daripada apa-apa punca bahawa prosiding jenayah telah dimulakan dalam mana-mana mahkamah terhadap pegawai itu, Ketua Bahagian itu hendaklah mendapatkan daripada Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mahkamah yang dalamnya prosiding itu telah dimulakan suatu laporan yang mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan terhadap pegawai itu;
- (b) jika pegawai itu telah ditangkap, tarikh dan waktu penangkapannya;
- (c) sama ada atau tidak pegawai itu diikat jamin; dan
- (d) apa-apa maklumat lain yang berkaitan.

(3) Apabila laporan yang disebut dalam subperaturan (2) diterima, Ketua Bahagian hendaklah mengemukakan laporan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan perakuannya mengenai sama ada atau tidak pegawai itu patut ditahan kerja.

(4) Setelah menimbangkan laporan dan perakuuan Ketua Bahagian yang dikemukakan kepadanya di bawah subperaturan (3), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, jika difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu, menahan pegawai itu daripada menjalankan tugasnya.

(5) Sebaik sahaja selesai prosiding jenayah terhadap pegawai itu, Ketua Bahagiannya hendaklah mendapatkan daripada Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mahkamah yang dihadapannya kes itu dibereskan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan—

- (a) keputusan mahkamah itu; dan
- (b) maklumat berhubung dengan rayuan, jika ada, yang telah difaiklan oleh pegawai itu atau Pendakwa Raya.

(6) Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai itu berkeputusan dengan pensabitannya, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat hendaklah sama atau tidak pegawai itu merayu terhadap sabitan itu, menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugasnya berkuatkuasa mulai dari tarikh sabitannya sementara menunggu keputusan Jawatankuasa Tatatertib di bawah peraturan 28.

(7) Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan pembebasannya dan tiada rayuan dibuat oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya terhadap pembebasan itu, pegawai itu hendaklah dibenarkan menjalankan semula tugasnya dan dia berhak untuk menerima apa-apa emolumen yang telah tidak dibayar dalam tempoh penahanan kerjanya serta juga cuti rehat tahunan yang dia berhak kepadanya dalam tempoh penahanan kerjanya.

(8) Jika prosiding jenayah terhadap pegawai itu berkeputusan dengan pembebasannya dan rayuan dibuat oleh Pendakwa Raya, Jawatankuasa Tatatertib

yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat hendaklah memutuskan sama ada atau tidak pegawai itu patut terus ditahan kerja sehingga rayuan itu diputuskan.

(9) Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan pensabitannya tetapi atas rayuan pegawai itu telah dibebaskan, pegawai itu hendaklah dibenarkan menjalankan semula tugasnya dan dia berhak untuk menerima apa-apa emolumen yang telah tidak dibayar dalam tempoh penahanan kerja atau penggantungan kerjanya atau kedua-duanya serta juga apa-apa cuti rehat tahunan yang dia berhak kepadaannya dalam tempoh penahanan kerja atau penggantungan kerjanya atau kedua-duanya.

(10) Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan pembebasanya tetapi atas rayuan pegawai itu telah disabitkan, Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat hendaklah menggantung pegawai itu daripada menjalankan tugasnya berkuatkuasa mulai dari tarikh sabitannya sementara menunggu keputusan Jawatankuasa Tataterib di bawah peraturan 28.

(11) Bagi maksud peraturan ini, perkataan "pembebasan" termasuklah pelepasan yang tidak terjumlah kepada pembebasan.

Tanggungjawab Ketua Bahagian jika pegawai telah disabitkan kerana kesalahan jenayah

28. (1) Jika prosiding jenayah terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan pensabitannya dan dia tidak merayu terhadap sabitan itu, atau jika rayuannya terhadap sabitan itu telah ditolak atau jika rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap pembebasanya berkeputusan dengan pensabitannya, Ketua Bahagiannya hendaklah segera mendapatkan satu salinan keputusan mahkamah itu daripada Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mahkamah yang olehnya dia telah disabitkan atau rayuannya telah ditolak.

(2) Apabila keputusan yang disebut dalam subperaturan (1) diterima, Ketua Bahagian hendaklah mengemukakan keputusan itu kepada Jawatankuasa Tataterib yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat berserta dengan Rekod Perkhidmatan pegawai itu dan perakuan Ketua Bahagian bahawa—

- (a) pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat;
- (b) pegawai itu patut dihukum dengan apa-apa hukuman selain buang kerja atau turun pangkat;
- (c) perkhidmatan pegawai itu patut ditamatkan demi kepentingan awam; atau
- (d) tiada hukuman patut dikenakan.

bergantung kepada jenis dan keseriusan kesalahan yang telah dilakukan berbanding dengan takat sabitan itu telah memburukkan nama badan berkanun.

(3) Jika, setelah menimbangkan laporan, Rekod Perkhidmatan dan perakuan Ketua Bahagian yang dikemukakan kepadanya di bawah subperaturan (2), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa—

- (a) pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu;
- (b) kesalahan yang kerananya pegawai itu telah disabitkan tidak mewajarkan hukuman buang kerja atau turun pangkat tetapi mewajarkan pengenaan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain buang kerja atau turun pangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 40 sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (c) tiada hukuman patut dikenakan ke atas pegawai itu, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

(4) Jika hukuman selain buang kerja telah dikenakan ke atas seseorang pegawai atau jika tiada hukuman telah dikenakan ke atasnya, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengarahkan pegawai itu supaya menjalankan semula tugasnya.

Tindakan tatatertib tidak boleh diambil hingga prosiding jenayah selesai

29. (1) Jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap seseorang pegawai dan masih belum selesai, tiada apa-apa tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai itu berdasarkan alasan yang sama dengan pertuduhan jenayah dalam prosiding jenayah itu.

(2) Tiada apa-apa juar dalam subperaturan (1) boleh ditafsirkan sebagai menghalang tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai itu sementara menunggu penyelesaian prosiding jenayah itu jika tindakan itu diasaskan pada apa-apa alasan lain yang berbangkit daripada kelakuannya dalam pelaksanaan tugasnya.

Akibat pembebasan

30. (1) Seseorang pegawai yang telah dibebaskan daripada suatu pertuduhan jenayah dalam mana-mana prosiding jenayah tidak boleh dikenakan tindakan tatatertib atas pertuduhan yang sama.

(2) Tiada apa-apa juga dalam subperaturan (1) boleh ditafsirkan sebagai menghalang tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai itu atas apa-apa alasan lain yang berbangkit daripada kelakuannya berhubung dengan pertuduhan jenayah-jenayah itu sama ada atau tidak berkaitan dengan pelaksanaan tugasnya, selain alasan-alasan bagi tindakan tatatertib itu tidak membangkitkan secara substansial isu-isu yang sama dengan isu-isu dalam prosiding jenayah yang berhubungan dengan pertuduhan jenayah yang daripadanya pegawai itu telah dibebaskan.

Tatacara jika terdapat suatu perintah tahanan, buang kerja, dsb.

31. (1) Jika—

- (a) suatu perintah tahanan selain suatu perintah tahanan reman sementara menunggu perbicaraan atau bagi maksud penyiasatan;
- (b) suatu perintah pengawasan, kediaman terhad, buang kerja atau deportasi; atau
- (c) suatu perintah yang mengenakan apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan, sama ada dengan bon atau selainnya,

telah dibuat terhadap seseorang pegawai di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis atau perlindungan kanak-kanak, Ketua Bahagian pegawai itu hendaklah memohon untuk mendapatkan satu salinan perintah itu daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Apabila satu salinan perintah yang disebut dalam subperaturan (1) diterima, Ketua Bahagian hendaklah mengemukakannya kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat berserta dengan Rekod Perkhidmatan pegawai itu dan perakuan Ketua Bahagian bahawa—

- (a) pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat;
- (b) pegawai itu patut dihukum dengan apa-apa hukuman selain buang kerja atau turun pangkat;
- (c) perkhidmatan pegawai itu patut ditamatkan demi kepentingan awam; atau
- (d) tiada hukuman patut dikonakan,

bergantung kepada takat keburukan yang telah dibawa oleh pegawai itu kepada nama badan berkanun itu.

(3) Jika, setelah menimbangkan laporan, Rekod Perkhidmatan dan perakuan Ketua Bahagian yang dikemukakan kepadanya di bawah subperaturan (2), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa—

- (a) pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan hukuman buang kerja atau turun

pangkat, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu;

- (b) alasan yang berdasarkannya perintah itu telah dibuat terhadap pegawai itu tidak mewajarkan hukuman buang kerja atau turun pangkat tetapi mewajarkan pengenaan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain buang kerja atau turun pangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 40 sebagaimana yang difikirkan sesuai dan patut oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (c) tiada hukuman patut dikenakan ke atas pegawai itu, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

(4) Jika hukuman selain buang kerja telah dikenakan ke atas seseorang pegawai atau jika tiada hukuman telah dikenakan ke atasnya, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengarahkan pegawai itu supaya menjalankan semula tugasnya.

BAHAGIAN V

TATACARA TATATERTIB

Bab I – Am

Peluang untuk didengar dalam prosiding tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

32. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), dalam semua prosiding tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pegawai pun boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat melainkan jika dia telah terlebih dahulu diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkan tindakan itu dicadangkan dan dia telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

(2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal berikut:

- (a) jika seseorang pegawai itu telah dibuang kerja atau diturunkan pangkat di bawah subperaturan 28(3) atau 31(3);
- (b) jika Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, tidaklah semunasabahnya praktik untuk menjalankan kehendak subperaturan (1);

- (c) jika Lembaga berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana Bahagianya tidaklah suaimanfaat untuk menjalankan kehendak subperaturan (1).

Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menutukar jenis pelanggaran tatatertib

33. (1) Jika seseorang pegawai dikatakan telah melakukan suatu kesalahan tatatertib—

- (a) Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan pegawai itu; atau
(b) jika terdapat lebih daripada satu peringkat Jawatankuasa Tatatertib berkenaan pegawai itu, Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat,

hendaklah, sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan pegawai itu, menimbangkan dan menentukan sama ada kesalahan tatatertib yang diadukan adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau suatu hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat.

(2) Jika Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang disebut dalam perenggan (1)(a) atau (b) menentukan bahawa kesalahan tatatertib yang diadukan adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, dia hendaklah merujukkan kes itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman sedemikian.

Bab 2 – Prosiding tatatertib tidak dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Tatacara dalam kes-kes tatatertib tidak dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

34. (1) Jika ditentukan di bawah peraturan 33 bahawa kesalahan tatatertib yang diadukan terhadap seseorang pegawai adalah daripada jenis yang patut dikenakan suatu hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 33(1)(a) atau (b), setelah berpuas hati bahawa wujud suatu kesalahan tatatertib, hendaklah memberitahu pegawai itu secara bertulis fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan hendaklah memberi pegawai itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai fakta itu.

(2) Jika Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa representasi pegawai itu menghendaki penjelasan lanjut, Jawatankuasa Tatatertib itu boleh menghendaki pegawai itu supaya memberikan penjelasan lanjut dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(3) Jika, setelah menimbangkan representasi pegawai itu dan, jika penjelasan lanjut diberikan, penjelasan lanjut pegawai itu, Jawatankuasa Tatatertib—

- (a) mendapati pegawai itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain buang kerja atau turun pangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 40 sebagaimana yang disikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (b) mendapati pegawai itu tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

Bab 3 – Prosiding tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Tatacara dalam kes-kes tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

35. (1) Jika ditentukan di bawah peraturan 33 bahawa kesalahan tatatertib yang diadukan terhadap seseorang pegawai adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan yang kepadanya kes itu dirujukkan hendaklah menimbangkan segala maklumat yang ada.

(2) Jika didapati oleh Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan bahawa wujud suatu kes *prime facie* terhadap pegawai itu, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah—

- (a) mengarahkan supaya suatu pertuduhan yang mengandungi fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pegawai itu dan alasan-alasan yang berdasarkannya pegawai itu dicadangkan supaya dibuang kerja atau diturunkan pangkatnya dihantar kepada pegawai itu; dan
- (b) memanggil pegawai itu untuk membuat, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima pertuduhan itu, suatu representasi bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang padanya dia bergantung untuk membebaskan dirinya.

(3) Jika, setelah menimbangkan representasi yang dibuat menurut subperaturan (1), Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh pegawai itu tidak mewajarkan hukuman buang kerja atau turun pangkat, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa hukuman yang lebih ringan yang dinyatakan dalam peraturan 40 sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(4) Jika pegawai itu tidak membuat apa-apa representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), atau jika pegawai itu telah membuat representasi sedemikian tetapi representasi itu tidak dapat membersihkan dirinya sehingga memuaskan hati Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah terus menimbangkan dan membuat keputusan tentang pembuangan kerja atau penurunan pangkat pegawai itu.

(5) Jika Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa kes terhadap pegawai itu menghendaki penjelasan lanjut, Jawatankuasa Tatatertib boleh menubuahkan suatu Jawatankuasa Penyiasatan bagi maksud mendapatkan penjelasan lanjut sedemikian.

Jawatankuasa Penyiasatan

36. (1) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang pegawai badan berkanun atau Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

(2) Anggota-anggota Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang disiasat itu tetapi Ketua Bahagian pegawai yang disiasat itu tidak boleh menjadi anggota Jawatankuasa Penyiasatan.

Tatacara yang hendaklah diikuti oleh Jawatankuasa Penyiasatan

37. (1) Jawatankuasa Penyiasatan—

- (a) hendaklah memberitahu pegawai yang disiasat itu tarikh persoalan mengenai pembuangan kerja atau penurunan pangkatnya akan dibawa di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan; dan
- (b) boleh memanggil dan memeriksa mana-mana saksi atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkan perlu atau patut oleh Jawatankuasa Penyiasatan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kes itu.

(2) Jika Jawatankuasa Penyiasatan berpandangan bahawa pegawai itu patut dibenarkan hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan untuk membersihkan dirinya, pegawai itu hendaklah menghadirkan dirinya di hadapan Jawatankuasa itu bagi maksud itu.

(3) Jika saksi-saksi telah dipanggil dan diperiksa oleh Jawatankuasa Penyiasatan, pegawai itu hendaklah diberi peluang untuk hadir dan untuk menyoal balas saksi-saksi bagi pihak dirinya.

(4) Tiada keterangan dokumentar boleh digunakan terhadap seseorang pegawai melainkan jika pegawai itu telah sebelum itu dibekali dengan satu salinan keterangan itu atau telah diberi akses kepada keterangan itu.

(5) Jawatankuasa Penyiasatan boleh membenarkan badan berkanun atau pegawai itu diwakili oleh seorang pegawai badan berkanun atau, dalam hal yang luar biasa, oleh seorang peguambela dan peguamcara, tetapi Jawatankuasa Penyiasatan boleh menarik balik kebenaran itu tertakluk kepada apa-apa penangguhan yang munasabah dan perlu bagi membolehkan pegawai itu untuk membentangkan kesnya sendiri.

(6) Jika Jawatankuasa Penyiasatan membenarkan badan berkanun itu diwakili, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah juga membenarkan pegawai yang disiasat itu diwakili dengan cara yang sama.

(7) Jika pegawai yang disiasat yang dikhidmati hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan tidak hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan jika tiada alasan yang mencukupi diberikan bagi penangguhan, Jawatankuasa Penyiasatan boleh terus menimbangkan dan membuat keputusan tentang aduan itu atau boleh menangguhkan prosiding itu ke suatu tarikh yang lain.

(8) Setelah tamat penyiasatannya, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mengemukakan satu laporan tentang penyiasatan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan.

(9) Jika Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa laporan yang dikemukakan kepadanya di bawah subperaturan (8) tidak jelas tentang perkara-perkara tertentu atau bahawa penyiasatan lanjut adalah perlu, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh merujukkan perkara itu semula kepada Jawatankuasa Penyiasatan bagi penyiasatan lanjut.

Alasan lanjut bagi pembuang kerja

38. (1) Jika, semasa sesuatu penyiasatan dijalankan oleh Jawatankuasa Penyiasatan, alasan-alasan lanjut bagi pembuang kerja pegawai yang disiasat itu telah kelihatan, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah memberitahu Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan mengenai alasan-alasan lanjut itu.

(2) Jika Jawatankuasa Tatatertib berfikir patut diteruskan tindakan terhadap pegawai itu berdasarkan alasan-alasan lanjut itu, pegawai itu hendaklah diberi suatu pernyataan bertulis mengenai alasan-alasan itu, dan tatacara yang dinyatakan dalam peraturan 35, 36 dan 37 hendaklah terpakai berkenaan dengan alasan lanjut itu sebagaimana tatacara itu terpakai berkenaan dengan alasan asal.

Koasa Jawatankuasa Tatatertib

39. Jika, setelah menimbangkan representasi pegawai dan laporan Jawatankuasa Penyiasatan, jika ada, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan—

- (a) mendapati pegawai itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan pegawai itu patut dibuang kerja atau diturunkan pangkat, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu;
- (b) mendapati pegawai itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya tetapi, setelah mengambilkira dalam pertimbangan hal keadaan dalam mana kesalahan tatatertib itu telah dilakukan dan faktor peringangan yang lain, kesalahan itu tidak mewajarkan hukuman buang kerja atau turun pangkat tetapi mewajarkan pengenaan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain buang kerja atau turun pangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 40 sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (c) mendapati pegawai itu tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

BAHAGIAN VI

HUKUMAN TATATERTIB
- (d) menjalankan penyeliaan dan kawalan ke atas kesemua pekerja Lembaga; dan
- (e) melakukan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa seperti yang dari semasa ke semasa ditetapkan atau diwakilkan oleh Lembaga atau sebagaimana diarah oleh Pengurus.

Lembaga
menentukan
syarat-syarat
perkhidmatan.

14. (1) Pekerja Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tertentu, menerima saraan, fi dan elauan serta tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Seseorang pekerja Lembaga hendaklah tidak menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi dengan sebab kedudukannya sebagai seorang pekerja lembaga untuk mendapat apa-apa faedah tidak wajar sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain atau menyebabkan kerugian kepada lembaga.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk menentukan syarat-syarat perkhidmatan pekerjanya.

Tatatertib.

15. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan berkenaan dengan semua orang yang sedemikian menurut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) (Selangor) 2001.

En. Sel.
8/2001.

Penzahiran
Kepentingan.

16. (1) Seseorang anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota

keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga atau jawatankuasa, boleh ditaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) "anggota keluarga", berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, termasuklah—
 - (i) suami atau isterinya;

- (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
 - (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
 - (iv) adik beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan
 - (v) suami atau isteri anaknya atau adik beradiknya; dan
- (b) "sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa, ertiinya—
- (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
 - (ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamannya merupakan seorang pekongsinya;
 - (iii) pekongsi anggota itu;
 - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi benefisiarinya; atau
 - (v) mana-mana perbadanan, mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang anggota itu atau mana-mana penamannya atau seseorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

17. Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.
18. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ini.
- (2) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang didapati patut oleh Lembaga.
- (3) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.
- (4) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi.
- (5) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh melantik mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri, dan pada menjalankan kuasanya jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.
- (6) Syarat-syarat yang terkandung di dalam Jadual 3 adalah *mutatis mutandis* dipakaikan kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.

Lembaga
boleh
menerima
pakai
peraturan-
peraturan,
dsb.

Penubuhan
jawatankuasa.

Pewakilan
fungsi atau
kuasa
Lembaga
kepada mana-
mana
jawatankuasa.

19. (1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 sebagaimana yang disifatkannya perlu atau wajar.

(2) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khas oleh Lembaga; dan

(b) hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa itu atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Pekhidmat
awam untuk
tujuan Kanun
Keseksaaan.
Akta 574.

20. Semua anggota Lembaga dan jawatankuasanya dan semua pekerja dan ejen Lembaga semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pekerja atau ejen itu hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaaan.

Pernakahan
Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam, 1948.
Akta 198

21. (1) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keablian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

(2) Tiada perkara atau benda dilakukan dan tiada perjanjian yang dimasuki oleh Lembaga dan tiada perkara atau benda dilakukan oleh anggota, pekerja atau ejen Lembaga yang bertindak di bawah arahan Lembaga, sekiranya perkara atau benda dilakukan atau perjanjian itu dilakukan secara *bona fide* untuk tujuan Enakmen ini, akan mendedahkan anggota, pekerja atau ejen kepada Lembaga kepada apa-apa tindakan undang-undang.

tanggungjawab atau tuntutan, dan segala perbelanjaan oleh Lembaga atau mana-mana anggota, pekerja atau ejen yang berkenaan hendaklah dibayar oleh Lembaga dengan wang dari Tabung.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

22. Untuk tujuan Enakmen ini maka adalah ditubuhkan suatu Tabung, selepas ini disebutkan sebagai "Tabung itu", yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga—

Pembubuhan
Kumpulan
Wang.

(a) Tabung itu hendaklah terdiri daripada—

- (i) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;
- (ii) apa-apa jumlah wang yang diagihkan dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada hasil pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa dipinjam oleh Lembaga bagi tujuan memenuhi obligasi atau menunaikan mana-mana fungsi dan kuasatya;
- (iv) wang yang diperolehi Lembaga daripada mana-mana projek, skim atau rancangan yang dibiayai melalui Tabung itu;
- (v) wang yang diperolehi atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak-hak pada Lembaga;
- (vi) apa-apa fi atau caj lain yang dikenakan dan dipungut oleh Lembaga; dan

(vii) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletakhak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya.

(b) Tabung itu hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud yang berikut—

- (i) semua perbelanjaan, termasuk perbelanjaan modal yang ditanggung oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya;
- (ii) wang untuk membayar balik pinjaman yang diberi kepada Lembaga di bawah kuasa meminjamnya;
- (iii) saraan, fi dan ganjaran pekerja, ejen dan penasihat teknikal serta penasihat lain Lembaga, termasuk pinjaman yang diberi kepada pekerja; dan
- (iv) apa-apa subsidi atau kemudahan kredit yang diberi oleh Lembaga mengikut kuasanya di bawah Enakmen ini.

Hadiah.

23. Lembaga bolehlah menerima apa-apa hadiah yang diberi kepada Lembaga bagi segala atau mana-mana daripada maksud yang dinyatakan dalam Enakmen ini dan, tertakluk kepada syarat-syarat mengenai mana-mana hadiah itu, boleh menggunakanya bagi maksud-maksud itu mengikut peruntukan Enakmen ini.

Kuasa untuk
meminjam.

24. Tertakluk kepada seksyen 27 Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminjam atas apa-apa terma dan apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

25. (1) Perbelanjaan Lembaga, setakat had aman yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut subseksyen (2) pada mana-mana satu tahun, hendaklah dibayar daripada Tabung itu.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum permulaan Julai, menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan dalam bentuk dan beserta butir-butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah sebelum permulaan September setiap tahun memberitahu Lembaga berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk perbelanjaan secara amnya ataupun berkenaan jumlah yang dibenarkan untuk setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga bolehlah pada bila-bila masa menyerahkan anggaran tambahan untuk mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk di dalam anggaran tambahan itu.

26. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), Lembaga tidak boleh memberi pinjaman wang kepada seorang pekerja.

Pinjaman dan
biasiswa
kepada
pekerja.

(2) Lembaga bolehlah memberi pinjaman wang kepada seorang pekerja untuk—

(a) pembelian, pembinaan, pengubahan, pengubah-suaian atau pembesaran rumah di mana ia tinggal atau berniat untuk tinggal;

(b) melepaskan gadaian atau sekatan di atas rumah itu;

(c) pembelian kenderaan; dan

(d) pembelian lain yang difikirkan wajar oleh Lembaga.

(3) Lembaga bolehlah, di mana ia berpuas hati bahawa keadaan yang khas atau keadaan ehsan wujud atau tujuannya sesuai, memberi pinjaman kepada seorang pekerja

atas terma-terma dan syarat-syarat Lembaga fikir wajar, wang tidak melebihi pada mana-mana ketika sejumlah tiga bulan saraan pekerja itu.

(4) Lembaga bolehlah menganugerahkan pinjaman pelajaran atau biasiswa kepada mana-mana pekerja atau mana-mana anak (termasuk anak tiri atau anak angkat) pekerja itu, atau mana orang yang sesuai, mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana diluluskan oleh Lembaga secara am dan atau di dalam kes tertentu.

Sekalian
pemberian
bantuan
kewangan,
pelaburan,
dsb.

27. (1) Lembaga hendaklah, tidak tanpa kebenaran bertulis terdahulu dari Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) menubuh atau menganjurkan penubuhan atau pembesaran syarikat-syarikat atau lain-lain badan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada di bawah kawalan atau separuh kawalan Lembaga sendiri atau secara bebas;
- (b) memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, lain-lain pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana badan atau orang melalui pengambilan saham atau debentur atau melalui sebarang pinjaman, pendahuluan, geran, jaminan kewangan atau sebagainya;
- (c) membeli, menanggung atau sebagainya memiliki apa-apa stok dan saham di dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian; atau
- (d) meminjam wang atau memasuki sebarang jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Jika Lembaga menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1)(a) atau jika ianya mempunyai kawalan atau kawalan separuh sesuatu syarikat atau badan lain ahli-ahli pengurusan syarikat atau badan lain itu hendaklah mengandungi tidak kurang dari seorang ahli atau seorang pegawai dari Lembaga.

(3) Semasa memberi apa-apa persetujuan di bawah subseksyen (1) Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa jua terma-terma dan syarat-syarat seperti yang difikirkan sesuai olehnya.

(4) Tiada badan berkanun boleh ditubuhkan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang lain.

28. Tabung Lembaga itu bolehlah, setakat mana ianya tidak dikenai untuk dibelanjakan oleh Lembaga, dilaburkan mengikut apa-apa cara atau disimpan di mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Pelaburan
wang yang
tidak
dibelanjakan.

29. Lembaga tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melupuskan, menanggalkan atau menukar bagi ganjaran lain mana-mana asetnya melainkan Menteri tersebut mengarahkan, samada secara khusus mengenai sesuatu aset, atau secara am mengenai mana-mana kategori aset, bahawa setelah mengambil kira nilai aset atau aset-aset itu yang rendah, kebenaran bertulis terlebih dahulu itu tidak perlu diperolehi:

Aset tidak
boleh
dilupuskan
tanpa
kebenaran.

Dengan syarat peruntukan ini hendaklah tidak terpakai kepada hal mengenai penjualan sebarang tanah yang telah diubahbahagikan kepada kilang, perumahan atau lot-lot kedai, tanpa mengira samada tanah tersebut bermaksud untuk dijual dengan sebarang bangunan dibina atasnya atau tidak.

30. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dengan sepatutnya akaun dan lain-lain rekod yang berkenaan dengan urusniaga dan hal-hwalnya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah membuat segala yang perlu untuk memastikan bahawa semua pendapatan adalah dikira secara betul dan segala perbelanjaan daripada Tabung itu adalah dibenarkan secara betul dan kawalan yang mencukupi dikekalkan ke atas harta-hartanya atau ianya adalah di dalam simpanan Lembaga dan ke atas sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Lembaga.

Penyimpanan
akaun.

(2) Menteri kewangan boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu untuk mencapai objektif subseksyen (1) dan untuk memastikan sistem sepatutnya pengurusan kewangan dan kawalan dan amalan di dalam Lembaga dan bertambah beliau boleh membuat peraturan-peraturan mengenai—

- (a) pemungutan, penerimaan, penyimpanan, pengeluaran, perbelanjaan, menyimpan akaun untuk, pengawasan dan pengurusan semua pendapatan, pinjaman, amanah dan wang lain dan semua bon, debentur dan sekuriti lain yang dikutip dengan apa cara pun atau diterima oleh atau ke atas akaun Lembaga dan bagi panduan kesemua orang yang berkaitan dengannya;
- (b) pelantikan pegawai-pegawai akaun Lembaga dan tanggungjawabnya bagi memastikan wang dan harta Lembaga adalah disimpan di bawah kawalan mereka pada setiap masa dan wang tersebut dibelanjakan dengan bijak, berekonomi dan sangat mengambil berat untuk nilai yang diterima;
- (c) penyimpanan rekod, pemeriksaan dan naziran secara lebih efektif semua resit-resit dan perbelanjaan dan penyimpanan semua buku-buku dan akaun-akaun oleh Lembaga;
- (d) borang-borang untuk semua buku-buku, pulangan-pulangan dan dokumen-dokumen yang apa sahaja diperlukan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- (e) pembelian, penyimpanan selamat, pengeluaran, penjualan atau penghapusan lain atau pelupusan catel atau harta lain Lembaga dan simpanan akaun sepatutnya untuk sebarang pengiraan stok catel-catel dan harta tersebut; dan
- (f) penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan oleh Lembaga.

31. (1) Lembaga hendaklah mempunyai tahun kewangan yang bermula 1 Januari.

(2) Akaun itu hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juru audit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kebenaran Menteri Kewangan.

(3) Lembaga hendaklah dalam 6 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap satu tahun kewangan menganditkan akaun-akaunnya dan menghantar kepada Menteri Besar dan Menteri, bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juru audit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun-akaun Lembaga bersama-sama dengan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 33.

(4) Menteri Besar hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap kenyataan bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juru audit yang dilantik di bawah subseksyen (2) atas apa-apa kenyataan atau akaun-akaun Lembaga dan satu salinan laporan tahunan yang dirujuk dalam seksyen 33 dibentangkan di dalam persidangan akan datang Dewan Undangan Negeri.

32. (1) Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa mengarah orang tertentu yang dilantik olehnya untuk membuat penyiasatan terhadap buku-buku, akaun dan urusniaga Lembaga.

Siasatan
terhadap
akaun.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada orang itu akses kepada buku-buku, akaun dan dokumennya dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang itu untuk menjalankan penyiasatan:

Dengan syarat buku-buku, akaun-akaun dan dokumentasi itu tidak boleh dikehendaki dikemukakan pada masa-masa dan tempat-tempat yang akan mengganggu dengan penjalanan wajar perniagaan biasa sehari Lembaga.

33. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun setiap tahun kewangannya, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan Menteri Besar suatu laporan menyentuh kegiatan-kegiatan Lembaga pada tahun yang lepas.

Laporan
Tahunan.

(2) Menteri Besar hendaklah menyebabkan suatu salinan tiap-tiap laporan tahunan itu dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

BAHAGIAN V

PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN HARTANAH

Tanggungjawab untuk pembangunan perumahan dan harta tanah dalam Negeri

34. Lembaga hendaklah bertanggungjawab untuk pembangunan dan penggalakkan dan pemudahan pembangunan perumahan dan harta tanah dalam Negeri.

Pemberian maklumat oleh pemaju perumahan.

35. (1) Lembaga boleh, bagi pentadbiran wajar Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan pembangunan perumahan, memberi apa-apa maklumat mengenai pembangunan itu kepada Lembaga yang difirkannya patut.

(2) Pengarah Eksekutif boleh, melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang, pihak berkuasa awam atau pemaju berlesen memberi dalam sesuatu tempoh tertentu apa-apa maklumat yang ditetapkan dalam notis.

(3) Mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut subseksyen (2) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk, melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Pendaftaran orang yang menjalankan pembangunan harta tanah.

36. (1) Mana-mana orang atau pihak berkuasa awam yang menjalankan pembangunan harta tanah hendaklah, sebelum memulakan pembangunan itu, mendaftar dengan Lembaga.

(2) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah dalam borang seperti yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan—

- (a) butir-butir aktiviti atau pembangunan yang dicadangkan; dan
- (b) apa-apa fi seperti yang boleh ditetapkan.

37. (1) Lembaga, tertakluk kepada sebarang syarat yang dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 43, boleh—

- (a) mengambil alih sebarang apartmen, rumah atau kediaman lain yang dijual oleh Lembaga; dan
- (b) mengusir mana-mana orang dari sebarang premis yang disewakan dari Lembaga,

sekiranya pemilik atau penghuni yang dibenarkan itu melanggar apa-apa peruntukan peraturan itu.

(2) Jika Lembaga hendak menggunakan kuasa mengambil balik harta yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, Lembaga boleh mengambil balik harta itu menurut peruntukan undang-undang yang bertulis berkaitan dengan pengambilan balik tanah yang kini berkuatkuasa di dalam Negeri walaupun ganti rugi adalah dibayar dari Tabung Kewangan Lembaga.

(3) Perbelanjaan dan ganti rugi dalam hal pengambilan balik harta itu di bawah peruntukan seksyen ini hendaklah dibayar oleh pihak Lembaga.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

38. (1) Lembaga boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana pemaju harta tanah atau penghuni mana-mana premis mengikut keadaan, untuk memberi dalam sesuatu tempoh tertentu apa-apa maklumat yang ditetapkan dalam notis.

Pemberian
maklumat
oleh pemaju
harta tanah atau
penghuni.

(2) Sesiapa yang gagal memberikan maklumat yang dikehendaki mengikut subseksyen (1) atau memberi jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa jua bentuk, melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Menghalang suatu kesalahan.

39. Sesiapa yang menghalang atau mengganggu Pengarah Eksekutif, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis dari melaksanakan yang ianya berhak melaksanakan menurut mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan di bawahnya melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Hak akses.

40. Semua pegawai Lembaga hendaklah, pada bila-bila masa munasabah, mempunyai hak memasuki dengan bebas ke sebarang tanah untuk tujuan melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Perlindungan daripada tanggungan perbadan.

41. Kecuali sebagaimana diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini, tiada pegawai Lembaga boleh terdedah kepada apa-apa tindakan, tuntutan atau dakwaan oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa yang telah dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati lanjutan daripada atau dalam pelaksanaan yang diniatkan, mana-mana kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini.

Penggulungan.

42. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya Lembaga digulungkan dan dibubar.

(2) Apabila Lembaga dibubar, aset-aset Lembaga hendaklah selepas membayar semua tanggungan, dihapuskan mengikut mana-mana cara yang ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

43. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Pihak Peraturan Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat apa-apa peraturan yang dirasakan perlu atau wajar untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan tanpa prejudis kepada keluasan yang disebut sebelum di atas, untuk kesemua atau mana-mana perkara berikut—

- (a) operasi dan penjalanan wajar Lembaga;
- (b) fungsi-fungsi dan tugas-tugas Pengarah Eksekutif, mana-mana pegawai dan jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) penubuhan dan penyelenggaraan satu daftar mana-mana orang yang menjalankan pembangunan perumahan dan harta;
- (d) untuk menetap yuran, bayaran dan lain-lain kadar;
- (e) pengurusan kuantiti dan kualiti pembangunan perumahan dan harta;
- (f) pengukuran, klasifikasi dan penyelenggaraan rekod-rekod kuantiti, kualiti atau ciri-ciri lain pembangunan perumahan dan harta;
- (g) perancangan yang teratur, rekaan, pembinaan, pengurusan, operasi, pengawasan dan penyelenggaraan pembangunan perumahan dan harta yang dijalankan oleh Lembaga;
- (h) klasifikasi dan pertuntukan sebarang perumahan sebagai perumahan kos rendah atau perumahan awam;
- (i) penyerahan laporan-laporan, akaun-akaun, statistik dan maklumat lain oleh pemaju-pemaju perumahan dan harta;
- (j) syarat-syarat untuk mengambil alih perumahan yang dijual oleh Lembaga;
- (k) syarat-syarat untuk mengusir mana-mana orang dari perumahan atau harta yang disewakan dari Lembaga;

- (l) cara diperuntukkan rumah-rumah kepada pembeli-pembeli termasuk syarat-syarat, tatacara dan prosedur pembahagian itu;
- (m) bayaran-bayaran, kos dan jumlah lain yang dikenakan untuk mana-mana perkara atau hal yang diperlukan atau diberikuasa dilakukan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- (n) kutipan, pelepasan, rebet atau penangguhan bayaran mana-mana jumlah yang perlu dibayar di bawah Enakmen ini; dan
- (o) untuk menetapkan semua perkara lain keseluruhannya untuk memberi kesan kepada peruntukan Enakmen ini:

Kecuali peraturan-peraturan itu adalah tidak tak konsisten dengan peruntukan Jadual Kedua, Akta Perbadanan (Kekompetenian Badan Perundangan Negeri) 1962.

Akta 380.

Kesalahan
dan penalti
am.

44. Setiap peninggalan atau kelalaian dalam mematuhi, dan setiap perbuatan atau percubaan untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan berkenaan dengan kesalahan itu yang tiada hukuman diperuntukkan secara nyata pesalah itu hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 4(4))

PEMBATALAN ANGGOTA DAN MESYUARAT

Pembatalan
Anggota

I. (1) Seseorang hendaklah dibatalkan dari pelantikan atau sebagai anggota—

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabit atas pertuduhan yang berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang berhubung fraud, pecah amanah atau salahlaku moral;

(i) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan rasuah; atau

(ii) apa-apa kesalahan yang boleh dibukum penjara (dengan sendirinya atau sebagai tambahan atau gantian kepada denda) untuk lebih daripada dua tahun;

(b) jika dia seorang maflis; atau

(c) jika dia kurang siuan atau didapati tidak mampu untuk melaksanakan tugasnya.

(2) Mana-mana anggota hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia gagal untuk hadir mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis dari Pengerusi atau jika dibatatkan di bawah perenggan (1).

(3) Apabila mana-mana anggota berhenti menjadi anggota di atas sebab mana-mana peruntukan Enakmen ini, orang lain hendaklah dilantik untuk menggantikan tempatnya mengikut peruntukan yang diterima pakai dalam mana-mana hal orang yang tidak lagi menjadi anggota untuk jangkamasa residu orang itu mungkin memegang jawatannya sekiranya dia tidak berhenti menjadi ahli.

2. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali ~~mesyuarat~~ tiap-tiap tiga bulan.

(2) Korum di semua mesyuarat Lembaga hendaklah sekurang-kurangnya separuh daripada anggotanya dengan sekurang-kurangnya seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir kecuali korum hendaklah terdiri sekurang-kurangnya dua pertiga dengan sekurang-kurang seorang anggota wakil Kerajaan Persekutuan hadir semasa sesuatu mesyuarat menimbang atau memutuskan perkara-perkara yang dirujuk di subseksyen 1(a) ke 1(d), seksyen 27.

(3) Jika mana-mana mesyuarat Lembaga tidak dihadiri oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, anggota-anggota yang hadir hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengariskan mesyuarat itu.

(4) Jika atas suatu persoalan untuk diputuskan, terdapat persamaan undi, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, yang mungkin mempengariskan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya terdahulu.

(5) Tertakluk kepada subperenggan-subperenggan (1), (2), (3) dan (4) Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang itu untuk menghadiri mesyuarat

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa saraan atau elauan yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Minit.

4. (1) Lembaga hendaklah menyenggarakan minit semua mesyuaratnya dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandarangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen-subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 7)

PENUBUHAN PERBADANAN

Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan berkenaan dengan perbadanan.

Pengerusian.

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 7, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—
 - (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
 - (b) hak, kuasa, tugas dan fungsi perbadanan itu;
 - (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
 - (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.
2. Tiada apa-apa jua di perenggan 1 hendaklah disifatkan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan bagi menubuhkan sebarang perbadanan untuk apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkupnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, tugas kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Enakmen ini.

3. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 43, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu telah dibuat dan hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Enakmen ini.
4. Lembaga boleh pada bila-bila masa membuat pindaan, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat terhadap mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1 dan seksyen 34 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah diterima pakai dalam mana-mana peraturan yang dipinda atau dibatalkan seolah-olah peraturan tersebut adalah undang-undang bertulis.
5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 7 dan daftar itu, berserta dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.
6. (1) Lembaga boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan;
- (2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah milik kepada dan terletakhak pada Lembaga setelah segala tanggungannya ditunaikan.
- (3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.
7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau pengusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap perkara.
8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru oleh perbadanan, dengan kelulusan Lembaga, sebagaimana yang didapat patut oleh perbadanan.

Peruntukan
tertakluk kepada
Enakmen ini

Pindaan kepada
peraturan.

Aka. set.

Daftar
perbadanan.

Penggulungan.

Perbadanan
hendaklah
mengjadi
pertubuhan
perbadanan.

Meterai biasa
perbadanan

(2) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam penjagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu dan segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang seolah-olah dimeterai dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebutkan, hendaklah dianggapkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(3) Apa-apa dokumen atau suratcara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan diketahui dimeterai boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pekerja atau ejen perbadanan tersebut yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KETIGA

(Subseksyen (8(4)))

PEJABAT, JAWATANKUASA DAN JAWATANKUASA KECIL

**Pejabat dan
pejabat kecil**

1. (1) Pejabat Lembaga hendaklah berada di dalam ibu negeri atau di tempat seperti yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga berkenaan bolehlah menyenggara pejabat-pejabat kecil di tempat-tempat yang didapati perlu atau suai manfaat bagi menjalankan fungsi-fungsinya.

Sarjan dan eluan.

2. (1) Tiap-tiap anggota mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil atau mana-mana orang yang dijemput hadir apa-apa mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bolehlah dibayar eluan dan eluan perbelanjaan sebagaimana Lembaga dari semasa ke semasa menentukan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**Jawatankuasa
kecil boleh
menjemput
mana-mana orang
lain untuk
mesyuarat**

3. (1) Mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bolehlah sebagaimana berkenaan, menjemput mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khusus yang berfaedah kepadaanya, untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil itu.

(2) Tiada orang yang dijemput sedemikian boleh mempunyai hak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

Minit

4. (1) Tiap-tiap jawatankuasa atau jawatankuasa kecil hendaklah menyenggarakan minit semua mesyuarat dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

5. Tiada tindakan atau prosiding yang dijalankan di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas sebab—

Kepahitan
tiadakan dan
prosiding

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan di dalam keahlian, Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota atau anggota jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, berkaitan dengan pendedahan kepentingan oleh anggota itu; atau
- (c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Diluluskan pada 1 November 2001.

[P.U. Sel. MESY/0101/B]

BAKHTIAR BIN HUSSIN,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

SELANGOR**ENACTMENT No. 14 of 2001****SELANGOR HOUSING AND REAL PROPERTY
BOARD ENACTMENT 2001****ARRANGEMENT OF SECTIONS****PART I****PRELIMINARY****Section**

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II**ESTABLISHMENT OF THE BOARD**

3. Establishment of the Selangor Housing and Real Property Board.
4. Membership of the Board.
5. Seal of the Board.
6. Functions and powers of the Board.
7. Power to establish corporation.
8. Delegation.
9. Directions by the Minister and the State Authority.
10. Information to State Authority.
11. Submission of projects to the State Authority.

PART III**EXECUTIVE DIRECTOR AND EMPLOYEES OF THE BOARD**

12. Appointment of Executive Director and other employees.
13. Duties of the Executive Director.

Section

14. Board to determine conditions of service.
15. Discipline.
16. Disclosure of interest.
17. Board may adopt regulations, etc.
18. Establishment of committees.
19. Delegation of powers or functions.
20. Public servants for purposes of Penal code.
21. Application of Public Authorities Protection Act, 1948.

PART IV**FINANCE**

22. Establishment of the Fund.
23. Gifts.
24. Borrowing powers.
25. Finance.
26. Loans and scholarships to officers and employees.
27. Restriction on giving of financial assistance, investment, etc.
28. Investment of unexpended funds.
29. Assets not to be disposed off without consent.
30. Keeping of accounts.
31. Financial year and audited accounts.
32. Investigation of accounts.
33. Annual Report.

PART V**DEVELOPMENT OF HOUSING AND REAL PROPERTY**

34. Responsibility for housing and real property development within the State.
35. Furnishing of information by housing developer.

Section

36. Registration of persons engaged in real property development.
37. Board may evict and make compulsory acquisition.

PART VI

MISCELLANEOUS

38. Furnishing of information by developer of real property or occupier of premises.
39. Obstruction an offence.
40. Right of access.
41. Protection from personal liability.
42. Winding up.
43. Regulations.
44. General offence and penalty.

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

SELANGOR

ENACTMENT No. 14 of 2001

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

5 December 2001

An Enactment to establish the Selangor Housing and Real Property Board and matters connected therewith.

[]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

PART I

PRELIMINARY

1. (1) This Enactment may be cited as the Selangor Short title
and
commencement Housing and Real Property Board Enactment 2001.

(2) This Enactment shall come into operation on such date as the State Authority may, by notification in the *Gazette*, appoint.

2. (1) In this Enactment, unless the context otherwise requires—
Interpretation

“Board” means the Selangor Housing and Real Property Board constituted under section 3;

“authorized occupier” means a person who is named in an application made to the Board as the person who intends to reside in the house, apartment or other accommodation sold or to be sold by the Board or any person who is authorized in writing by the Board to reside therein;

“Chairman” means the Chairman of the Board appointed under section 4 and includes the Deputy Chairman and a temporary Chairman while exercising the functions of the Chairman;

“corporation” means a corporation established under section 7;

“Executive Director” means the chief executive officer of the Board appointed under section 12 and includes any officer discharging the duties of the Executive Director;

“Fund” means the Fund established under Part IV;

“housing” includes any house, apartment, building or structure or any part thereof (whether completed or not) used or intended to be used as living accommodation;

“housing development” means to construct or cause to be constructed more than four units of housing on any land for sale;

Act 118.

“licensed developer” means a developer licensed under the Housing Developers (Control and Licensing) Act 1966;

“low cost house” means any house, apartment or other living accommodation the sale price of which may be prescribed by the Board from time to time;

“Minister” means the Prime Minister or such Minister as may be designated by him;

“prescribed” means prescribed by regulations made under this Enactment;

“public authority” means any authority exercising powers vested in it by Federal or State law, or any person appointed by or acting on behalf of any such authority;

“public housing” means any house, apartment or other living accommodation including any housing development or part thereof as may be prescribed as such by the Board from time to time;

“real property” means any land on which any building is erected for commercial activity;

“State” means the State of Selangor.

(2) In this Enactment references to a house, apartment or other living accommodation shall be construed to include references to the land appurtenant to the house, apartment or other living accommodation.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE BOARD

3. (1) There shall be established a body corporate to be known as the “Selangor Housing and Real Property Board”.
Establishment
of the
Selangor
Housing and
Real Property
Board.

(2) The Board shall have perpetual succession and a common seal.

(3) The Board may sue and be sued in its name.

(4) Subject to and for the purposes of this Enactment, the Board may, upon such terms as the Board may deem fit—

(a) enter into contracts;

(b) acquire, purchase, take, hold, sell and enjoy movable or immovable property of every description; and

(c) convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of or deal with, any movable or immovable property or any interest therein vested in the Board.

**Membership
of the Board.**

4. (1) The Board shall consist of the following members:

- (a) the Menteri Besar who shall be the Chairman;
- (b) the State Secretary who shall be the Deputy Chairman;
- (c) three representatives of the State Government to be appointed by the State Authority;
- (d) three representatives of the Federal Government to be appointed by the Minister;
- (e) a representative of the housing developers to be appointed by the State Authority; and
- (f) two representatives from related professional associations to be appointed by the State Authority.

(2) Subject to such conditions as may be specified in his instrument of appointment, a member of the Board other than those referred to in paragraphs (c) and (d) shall, unless he sooner resigns or vacates his office or his appointment is sooner revoked, hold office for a term not exceeding two years and is eligible for reappointment.

(3) The members of the Board may be paid such remuneration or allowances as the State Authority may determine.

(4) The provisions of the First Schedule shall apply in respect of the Board and its members.

**Seal of the
Board.**

5. (1) The common seal of the Board shall bear such device as the Board may approve and such seal may, from time to time, be broken, changed, altered or made anew as the Board thinks fit.

(2) Until a seal is provided by the Board, a stamp bearing the words "The Selangor Housing and Real Property

Board" may be used and shall be deemed to be the common seal of the Board.

(3) The common seal shall be kept in the custody of the Executive Director or any other person authorized by the Board and shall be authenticated by either the Chairman or such authorized person or by any officer authorized by the Chairman in writing.

(4) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (3) shall, until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(5) Notwithstanding subsection (4), any document or instrument which, if executed by a person who is not a body corporate, is not required to be under seal may in like manner be executed by the Board; and any such document or instrument may be executed on behalf of the Board by any member, employee or agent of the Board generally or specially authorized by the Board in that behalf.

(6) The common seal of the Board shall be officially and judicially noticed.

6. (1) The functions of the Board shall be to promote and undertake the development of housing and real property and in particular to—

- (a) provide advice to the State Authority as to the policies, methods and measures to be adopted to promote and facilitate the development of housing and real property;
- (b) facilitate the development of housing and real property in general and in particular public and low cost housing;
